

**PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH AGAMA DI TERENGGANU**

MOHAMAD KARIMI BIN MA

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2022

MOHAMAD KARIMI BIN MA

SARJANA SAINS

2022

**PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI
TERENGGANU**

MOHAMAD KARIMI BIN MA

**Tesis ini telah dikemukakan sebagai memenuhi syarat untuk
memperoleh Ijazah Sarjana Sains di Pusat Pendidikan Asas dan
Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu**

2022

DEDIKASI

Dedikasi tesis ini kepada:

Bonda dan ayahanda tercinta

Adik-beradikku yang dikasihi atas dedikasi, pengorbanan dan kasih sayang tak terhingga mereka

Dekan fakulti saya, Prof. Dr. Asyraf Haji Abd. Rahman

Penyelia utama saya, Dr. Radhiah binti Ismail

*Serta sahabat-sahabat FKK yang memberi dorongan dan sentiasa mendoakan.
Jazakumullahukhairanjaza'*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI TERENGGANU**

MOHAMAD KARIMI BIN MA

2022

Penyelia Utama : Radhiah binti Ismail, Ph.D

Penyelia Bersama : Profesor Madya Ismail bin Muhamad, Ph.D

Fakulti : Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan

Kurikulum Bahasa Arab di Malaysia telah diklasifikasikan sebagai bahasa asing seiring dengan beberapa bahasa asing yang lain. Kurikulum Bahasa Arab secara amnya menumpukan kepada pencapaian murid dalam penguasaan dan penggunaan perkataan, rangkai kata, ayat serta perenggan yang betul. Namun, hakikat yang terjadi kepada para pelajar di peringkat lepasan sekolah menengah, mereka masih belum dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan saiz atau jumlah kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata, pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata, serta menghuraikan pengaruh ketiga-tiga aspek tersebut terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Kajian kuantitatif ini menggunakan set ujian saiz kosa kata dan soal selidik. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 25.0 bagi memperoleh nilai min, sisihan piawaian, peratusan dan kekerapan. Manakala korelasi *Pearson* dan regresi linear berganda digunakan untuk menghuraikan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada

tahap interpretasi sederhana tinggi (min = 2.88) dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pemboleh ubah pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata merupakan penyumbang paling tinggi diikuti oleh pemboleh ubah sokongan ibubapa dan sikap pelajar. Justeru, kejayaan pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Arab ditentukan oleh beberapa faktor terutamanya pendekatan pengajaran guru, sikap pelajar dan sokongan ibubapa. Kecemerlangan guru dalam pengajaran perlu dikekalkan malah ditingkatkan dari masa ke semasa demi untuk meningkatkan lagi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar seterusnya mampu meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa tersebut.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Malaysia Terengganu in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**MASTERY OF ARABIC VOCABULARY AMONG RELIGIOUS
SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN TERENGGANU**

MOHAMAD KARIMI BIN MA

2022

Main Supervisor : Dr Radhiah binti Ismail, Ph.D

Co-Supervisor : Associate Professor Ismail bin Muhamad, Ph.D

School/Institute : Centre For Foundation and Continuing Education

The Arabic curriculum in Malaysia has been classified as a foreign language along with several other foreign languages. The Arabic curriculum generally focuses on student achievement in the mastery and use of correct words, phrases, sentences and paragraphs. However, despite their high school graduation, some students still struggle with their Arabic language proficiency. As a result, this study was carried out to determine the level upon which religious high school students in Terengganu were proficient in the size or volume of their Arabic vocabulary. This study also aims to identify students' attitudes towards vocabulary mastery, teachers' approach to teaching vocabulary and parents' support for vocabulary mastery, as well as describe the influence of these three aspects on Arabic vocabulary mastery among religious secondary school students in Terengganu. This quantitative study uses a set of vocabulary size tests and questionnaires. The collected data was analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 25.0 to obtain mean values, standard deviations, percentages and frequencies. The impact of students' attitudes, teachers' teaching methods, and parents' support on the mastery of Arabic vocabulary among Terengganu's religious high school students was described using Pearson's correlation and multiple linear regression. The study's conclusions indicate that the majority of students have a medium-high level of vocabulary mastery (mean = 2.88) in Arabic. The findings of the study also show that the variable of the teacher's

approach in teaching vocabulary is the highest contributor followed by the variable of parental support and student attitude. Thus, students' success in mastering Arabic vocabulary is determined by several factors, especially the teacher's teaching approach, student's attitude and parental support. To further improve students' vocabulary mastery of Arabic and consequently advance their language proficiency, it is necessary to maintain and occasionally even improve the teaching excellence of teachers.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga Baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya membolehkan saya menyempurnakan penyelidikan disertasi ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran dan menjalankan penyelidikan ini. Banyak ilmu dan pengalaman yang saya perolehi yang pastinya akan memberi manfaat kepada saya dalam kehidupan kerjaya kelak. Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan bimbingan berterusan daripada penyelia penyelidikan saya, Dr Radhiah binti Ismail dan Profesor Madya Dr Ismail bin Muhammad. Tanpa bantuan dan penglibatan mereka yang berdedikasi dalam setiap langkah sepanjang pengajian, tesis ini tidak akan dapat dicapai. Istimewa penghargaan ini buat bonda tersayang Wan Hasnah @ Khariah binti Wan Yusoff, buat ayahanda tercinta Hj. Mohammad @ Ma bin Yusoh, dan juga ahli keluarga yang dikasihi di atas pengorbanan, dorongan dan doa yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya. Semoga restuNya mengiringi setiap langkah dalam perjalanan hidup kalian. Tanpa bantuan, sokongan dan kerjasama mereka, kajian ini tidak akan dapat disiapkan. Selain itu, penghargaan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi peluang yang tidak ternilai untuk saya meneruskan pengajian ini, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, dan pengetua-pengetua Sekolah Menengah Agama (Atas) Zainal Abidin (SMAASZA), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek yang telah membenarkan penyelidikan ini dijalankan. Juga kepada guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah yang terlibat, di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan. Tidak ketinggalan buat pelajar-pelajar yang sudi menjadi responden, para sahabat dan kepada mereka yang turut memberi pandangan dan buah fikiran kepada saya secara langsung atau tidak langsung khususnya sahabat-sahabat Felo Kolej Kediaman UMT tercinta.

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksaan bagi Mohamad Karimi bin Ma telah mengadakan pemeriksaan akhir pada _____ untuk menilai tesis Sarjana Sains yang bertajuk “**Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu**” mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti Malaysia Terengganu. Jawatankuasa Pemeriksaan memperakui bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota pemeriksa adalah seperti berikut:

Najihah Binti Abdul Mutalib, Ph.D
Pensyarah
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu
(Pengerusi)

Asyraf Haji Abd. Rahman, Ph.D
Profesor/Dekan
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu
(Pemeriksa Dalam)

Najihah binti Abd Wahid, Ph.D
Associate Professor
Faculty of Islamic Contemporary Studies
Universiti Sultan Zainal Abidin
(Pemeriksa Luar)

ASYRAF HAJI ABD. RAHMAN,
Ph.D
Profesor/Dekan
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu

Tarikh:

Tesis ini telah diterima oleh Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi Sarjana Sains.

ASYRAF HAJI ABD. RAHMAN,
Ph.D
Profesor/Dekan
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah dinyatakan di dalam tesis ini. Saya juga mengakui bahawa tesis ini tidak dikemukakan untuk ijazah lain di Universiti Malaysia Terengganu atau di institusi-institusi yang lain.

MOHAMAD KARIMI BIN MA

Date:

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI TERJEMAHAN	xxi
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Limitasi Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Penguasaan	19
1.9.2 Saiz Kosa Kata	19
1.9.3 Kosa Kata	20
1.9.4 Bahasa Arab	20
1.9.5 Pelajar Sekolah Menengah Agama	21
1.9.6 Sikap	22
1.9.7 Pengajaran Guru	22
1.9.8 Sokongan Iubapa	23
1.10 Kesimpulan	23
2 SOROTAN LITERATUR	25
2.1 Pengenalan	25
2.2 Pembelajaran Bahasa Kedua	25
2.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa	27
2.2.2 Perbandingan Dengan Pemerolehan Bahasa Pertama	31
2.2.3 Tahap-Tahap Pemerolehan Bahasa Kedua	32
2.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kosa Kata Bahasa Kedua Pelajar	34
2.3.1 Faktor Sikap Pelajar	35
2.3.2 Faktor Guru	39
2.3.3 Faktor Sokongan Ibu Bapa	45
2.4 Pembelajaran Kosa Kata	48

2.4.1	Kosa Kata Bahasa Arab	50
2.4.2	Penguasaan Saiz Kosa Kata	56
2.5	Sorotan Kajian Lepas	63
2.6	Kerangka Konseptual	75
2.7	Kesimpulan	77
3	METODOLOGI	78
3.1	Pengenalan	78
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Reka Bentuk Kajian	81
3.4	Populasi Kajian	82
3.4.1	Pemilihan Sekolah	84
3.5	Instrumen Kajian	86
3.5.1	Soal Selidik	86
3.5.2	Ujian Tahap Saiz Kosa Kata Arab	89
3.6	Kesahan, Kebolehpercayaan Instrumen Kajian dan Kajian Rintis	92
3.6.1	Kesahan Instrumen Kajian	92
3.6.1.1	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) konstruk	93
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	97
3.6.3	Kajian Rintis	102
3.7	Prosedur Kajian	102
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data Soal Selidik	103
3.7.2	Prosedur Pengumpulan Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab	104
3.8	Analisis Data	105
3.8.1	Soal Selidik	107
3.8.2	Ujian Tahap Saiz Kosa Kata Bahasa Arab	108
3.8.3	Korelasi Pearson	110
3.8.4	Analisis Regresi	110
3.8.5	Penentuan Normaliti	112
3.9	Kesimpulan	113
4	DAPATAN KAJIAN	115
4.1	Pengenalan	115
4.2	Dapatan Demografi Responden Kajian	116
4.2.1	Responden Berdasarkan Jantina	118
4.2.2	Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga	119
4.2.3	Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	120
4.2.4	Faktor Utama Responden Mempelajari Bahasa Arab	121
4.2.5	Pengalaman Responden Waktu Mula Mempelajari Bahasa Arab	122
4.3	Dapatan Penguasaan Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	123
4.4	Sikap Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab	126
4.5	Pendekatan Guru Dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab	129
4.6	Sokongan Ibumama Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab	133
4.7	Pengaruh Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru Dan Sokongan Ibumama Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab	137
4.7.1	Analisis Korelasi Pearson	139

4.7.2 Analisis Regresi Linear Berganda	141
4.8 Kesimpulan	143
5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	146
5.1 Pendahuluan	146
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	146
5.2.1 Tahap Penguasaan Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	147
5.2.2 Sikap Pelajar Terhadap Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	150
5.2.3 Pendekatan Guru Dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	151
5.2.4 Sokongan Iubapa Terhadap Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	152
5.2.5 Hubungan Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Iubapa dengan Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar.	153
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	170
5.4 Penutup	171
RUJUKAN	174
LAMPIRAN 1	193
LAMPIRAN 2	195
LAMPIRAN 3	201
KURIKULUM VITAE	204

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Pandangan Ahli Sarjana Bahasa Berkenaan Saiz dan Jumlah Kosa Kata yang Perlu Dikuasai	63
3.1	Pengaruh Sikap, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Iubapa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	97
3.2	Kategori Skala Ordinal Empat Mata	97
3.3	Analisis Faktor Penerokaan Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Ibu Bapa	104
3.4	Nilai Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Berdasarkan <i>Cronbach Alpha</i>	107
3.5	Jadual penentuan <i>Alpha Cronbach</i> George dan Mallory (2003)	108
3.6	Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Sikap Pelajar	109
3.7	Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Pendekatan Pengajaran Guru	109
3.8	Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Sokongan Ibu Bapa	110
3.9	Soalan Kajian Dan Analisis Yang Digunakan	116
3.10	Interpretasi Skor Min Analisis <i>Boxplot/Box and Whisker Diagram</i>	118
3.11	Interpretasi Skor Markah Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab (Adaptasi Dari Nunally, 1978) menerusi (Harun, 2016).	120
3.12	Ujian Kenormalan	124
4.1	Maklumat Demografi Responden Kajian (N=135)	128
4.2	Penguasaan Kosa Kata Pelajar Berasaskan Tahap Kata, Kekerapan, Dan Min Keseluruhan Penguasaan	135
4.3	Statistik Deskriptif Bagi Jumlah Perkataan Yang Dikuasai	137

4.4	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawaian Sikap Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab	138
4.5	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawaian Pendekatan Guru Dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab	141
4.6	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan dan Piawaian Sokongan Iubapa terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar	145
4.7	Hasil Keputusan Hipotesis	150
4.8	Analisis korelasi Pearson	152
4.9	Analisis Regresi Pengaruh Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru, Sokongan Iubapa terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Terengganu	155
5.1	Soalan Kajian dan Analisis yang Digunakan	178

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Model ' <i>Social Psychological</i> '	39
2.2	Pembahagian Kosa Kata kepada tiga bahagian	59
2.3	Kerangka Konsep Kajian	83
3.1	Carta alir proses kajian yang dijalankan	86
4.1	Pecahan Pelajar Mengikut Jantina	129
4.2	Pecahan Pelajar Mengikut Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga Pelajar	130
4.3	Pecahan Pelajar Mengikut Taraf Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga Pelajar	131

SENARAI SINGKATAN

SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMA	Sekolah Menengah Agama
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
BAK	Bahasa Arab Komunikasi
BAT	Bahasa Arab Tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
KAA	Kelas Aliran Agama
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SRAB	Sekolah Rendah Arab Bersepadu
SAR	Sekolah Agama Rakyat
NGO	<i>Non-government organisation</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
JAPIM	Jabatan Agama Islam Negeri Kurikulum atau Pentadbiran Majlis
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
CEFR	<i>Common European Framework of Reference</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini

LEPAI	Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam
SAN	Sekolah Agama Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcara
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SMASZA	Sekolah Menengah Agama (A) Sultan Zainal Abidin
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
B2	bahasa kedua
PB2	pemerolehan bahasa kedua
Jld	jilid
j-QAF	Program Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
UiTM	Universiti Teknologi Mara
VSS+	<i>Vocabulary Self-Selection Strategy</i>
Wiki	Wikipedia
ILH	<i>Involvement Load Hypothesis</i>
B1	bahasa pertama
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa

SPKK	Strategi Pembelajaran Kosa Kata
HSP	<i>Huraian Sukatan Pelajaran</i>
IV	<i>Indipendent Variable</i>
DV	<i>Dependent Variable</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Scientists</i>
EPRD	Penyelidikan Dasar Pendidikan
JHEAT	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
EFA	<i>Exploratory factor analysis</i>
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
α	alpha
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
COVID-19	Coronavirus 2019
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
Y	pemboleh ubah bersandar
b_0	pekali regresi
X	pemboleh ubah bebas
E	ralat atau residual
$b_1, b_2, \dots \dots b_k$	pekali bagi parameter konstan $\beta_1, \beta_2, \dots \dots \beta_k$
sig.	signifikan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
S.P	<i>Standard Deviation</i>
STS	sangat tidak setuju
TS	tidak setuju
S	setuju

SS	sangat setuju
H ₀	hipotesis nol
R	Korelasi Pearson
N	bilangan sampel
β	beta
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
LAM	<i>Al-lughah Al-arabiyah Al-muasiroh</i>
<	kurang dari
>	lebih dari
%	peratus

SENARAI TRANSLITERASI

1. Huruf

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khālīd
د	d	ديوان	diwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن / رحمان	Rahmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	ظاهر	tūhir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	°abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm

هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	waḥl
ي	y	يسار	yasār

2. Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	fa ^ʿ ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

3. Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
اَ، آ	ā	قَضَى، كَاتِب	kātib, qadā
يِ	i	كَرِيم	karim
وِ	ū	حُرُوف	hurūf

4. Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
اَوْ	aw	قَوْل	qawl
اَيَّ	ay	سَيْف	sayf
يِ	iyy / i	رَجْعِي	raj ^ʿ iyy / raj ^ʿ i
وِ	uww / u	عَدُو	ʿaduww / ʿadū

5. Ta'Marbutah

Contoh

المكتبة

قلعة

شريعة

Transliterasi

al-maktabah

qal'ah

shari'ah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kunci kepada pemerolehan bahasa adalah kosa kata atau perbendaharaan kata. Ini adalah kerana, seseorang individu tidak dapat mengutarakan pendapat atau memahami sesuatu bahasa tanpa penguasaan kosa kata yang memadai. David A. Wilkins (1972), seorang linguist dari Jerman mengatakan: “tanpa tatabahasa, sangat sedikit yang dapat disampaikan, tanpa kosa kata tiada apa yang dapat disampaikan.” Manusia perlu mengetahui perkataan sesuatu bahasa untuk berkomunikasi dengan bahasa tersebut. Adalah wajar untuk mengatakan bahawa kosa kata merupakan satu dari elemen yang paling utama dalam kecekapan bahasa, termasuk bahasa Arab. Kosa kata tergolong dalam ilmu morfologi, iaitu ilmu yang mengkaji tentang perkataan dan bentuk-bentuk perkataan yang menjadi sebahagian daripada aspek utama nahu atau tatabahasa. Dalam salah satu aspek nahu, kosa kata merupakan satu kepentingan dalam pembelajaran bahasa sebagaimana yang ditegaskan oleh Chomsky (1965), “kemampuan tertinggi bahasa berada pada kemahiran menghasilkan ayat-ayat yang ulung dan tiada cacat celanya menurut struktur nahu” Menurut Mohd Rashid (2012), nahu atau peraturan adalah penting dan harus dititikberatkan dalam berbahasa. Hal ini adalah kerana, apabila seseorang penutur mengikut nahu atau peraturan dalam berbahasa, maksud bagi sesuatu yang hendak disampaikan itu akan mencapai objektif yang diinginkan.

Peranan kosa kata adalah penting dalam pembelajaran bahasa bahasa kedua dan bahasa asing (DeCarrico, 2001; Nation, 2011; Cameron, 2001). Terdahulu, Nation (2001) memerihalkan bahawa tanpa penguasaan kosa kata yang luas, penggunaan struktur dan fungsi bahasa seseorang yang dipelajarinya akan menjadi terhad untuk berkomunikasi. Justeru, kosa kata adalah komponen utama yang mesti dikuasai oleh pelajar ketika mereka mempelajari sesuatu bahasa. Apabila pelajar dapat menguasai kosa kata dengan efisien, maka matlamat pembelajaran bahasa akan tercapai. Penguasaan kosa kata yang baik tersebut perlulah selaras dengan penguasaan mereka dalam aspek *isim* (kata nama), *fi'il* (kata kerja), *harf* (kata penghubung), untuk membolehkannya memahami teks dan menggunakannya untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Kosa kata merupakan kunci komunikasi di mana matlamat utama dalam pemerolehan bahasa kedua supaya pelajar mampu untuk bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Maka menguasai kosa kata bukan sahaja penting, malah ia adalah kritis dalam suasana pembelajaran bahasa kedua. Seterusnya, kosa kata yang mantap dapat memperkembangkan kemahiran-kemahiran lain di mana penguasaan kosa kata dapat memberi kesan secara eksplisit terhadap daya tahan pelajar dalam membina kecekapan berbahasa secara menyeluruh. Penguasaan kosa kata yang kaya mampu menjadikan kemahiran membaca, mendengar, bercakap dan menulis semakin mudah untuk dilaksanakan (Paul Nation, 1994). Semakin banyak perkataan dikuasai, semakin banyak yang akan dipelajari. Oleh tu, pelajar perlu mempunyai kosa kata yang penting supaya dapat meneroka perkataan baru yang muncul melalui konteks-konteks bacaan. Sekiranya pelajar mampu membandingkan antara kosa kata-kosa kata utama *keyword* dalam mata pelajaran dan silibus yang dikuasai, maka kaedah pembelajaran menjadi lebih cepat dan terancang (Zainur Rijal, Rosni, Mohammad Fauzi, Mohd Shahrman, 2016).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kedudukan bahasa Arab di tanah air telah dikategorikan sebagai bahasa asing seiring dengan beberapa bahasa asing lain antaranya; Perancis, Jepun, dan Jerman. Beberapa bahasa asing tersebut boleh ditawarkan di sekolah di Malaysia sekiranya bersesuaian dan praktikal untuk dilaksanakan sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pelajaran, 2002). Justeru, jika terdapat sekolah yang memiliki keupayaan dari aspek tenaga pengajar dan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran, maka sekolah terbabit boleh menawarkan kursus bahasa Arab. Kurikulum Bahasa Arab Tinggi menjadi subjek kurikulum pembelajaran oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama (SMA). Selain tu, pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) diklasifikasikan sebagai Mata Pelajaran Tambahan, manakala Bahasa Arab Tinggi (BAT) dikategorikan sebagai Mata Pelajaran Elektif berdasarkan Kumpulan Sastera sebagaimana yang termaktub dalam "Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997". Ertinya, para pelajar tidak ditetapkan mengikutinya dan tidak ditetapkan mendapat keputusan lulus dalam peperiksaan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Sebaliknya, Bahasa Arab Tinggi merupakan mata pelajaran wajib di SMKA dan SMA. Oleh itu, pencapaian pelajar dalam kurikulum ini juga dinilai bagi menentukan pelajar menyambung pelajaran dalam jurusan bahasa Arab pada tahap yang lebih tinggi atau lanjutan. Kurikulum bahasa Arab ini telah dilaksanakan di empat institusi melalui sistem pendidikan kerajaan:

1. KPM menawarkan kurikulum Bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah yang merangkumi sekolah berasrama penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), sebahagian sekolah menengah kebangsaan melalui Kelas Aliran Agama (KAA) dan masa ini di ditawarkan juga di sekolah-sekolah kebangsaan.
2. Kurikulum Bahasa Arab ditawarkan di Sekolah Menengah Agama negeri (SMAN) dan Sekolah Rendah Arab Bersepadu (SRAB) menerusi Pentadbiran Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam.

3. Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang ditadbir urus oleh komuniti atau jawatankuasa tertentu iaitu bagi pihak masyarakat yang bersifat persendirian. Terdapat juga yang dikendalikan di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing seperti: Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, badan-badan NGO dan Yayasan Islam Negeri.

4. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada universiti atau institusi kolej yang memiliki hak pengurusan atau pentadbiran dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Di samping tu, pengajian bahasa Arab juga turut disemarakkan lagi perkembangan dan pembelajarannya oleh sebilangan institusi lain seperti; Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), pusat-pusat pengajian Islam yang bercorak madrasah serta sekolah-sekolah swasta. Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan pondok, corak persekolahan madrasah di rantau ini juga turut berkembang. Demi menyahut cabaran dan memenuhi keperluan semasa, struktur pondok juga berkembang pesat beralih ke sistem sekolah (Dangiran, 2004; Rosni Samah, 2013). Selain itu, masjid, organisasi, badan swasta, surau dan seumpamanya turut menganjurkan pembelajaran bahasa Arab kepada komuniti setempat. Hal ini sejajar dengan keperluan masyarakat yang semakin sedar tentang kepentingan untuk menguasai bahasa Arab sebagai medium untuk memahami syariat Islam dan hukum-hakam yang berkaitan dengannya.

KPM telah menubuhkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dengan penubuhan awal melalui Jabatan Agama Islam Negeri atau Pentadbiran Majlis dengan mengambil 11 unit sekolah menengah agama kerajaan negeri sebagai projek rintis dengan penggubalan kurikulum bahasa Arab secara formal bermula 1 Januari 1977 oleh KPM (JAPIM, 2002). Sehingga kini SMKA telah meningkat kepada 55 buah sekolah di seluruh negeri. Mulai tahun 1991, Sukatan Kurikulum Bahasa Arab dilaksanakan di seluruh SMKA dan beberapa jenis sekolah lain yang terlibat. Kurikulum Bahasa Arab yang dilaksanakan di SMKA lebih menjurus kepada

kemahiran berbahasa atau kemahiran berkomunikasi. Sukatan kurikulum bahasa Arab disusun semula demi mencapai permintaan semasa pada tahun 2000. Bagi memantapkan lagi sistem pengajaran bahasa Arab, dua sukatan pelajaran telah dipersiapkan bagi kurikulum ini oleh Bahagian Pendidikan Islam (dahulunya dikenali sebagai JAPIM) pada tahun 1981. Satu sukatan diaplikasikan di seluruh SMKA manakala sukatan kedua digunakan di SBP terpilih dan sekolah-sekolah aliran harian. Kandungan sukatan pelajaran bahasa Arab tersebut mencakupi komponen-komponen kecekapan bahasa dengan mengutamakan penguasaan pengetahuan dalam aspek tatabahasa seperti morfologi, sintaksis, dan retorik dalam bahasa Arab sepenuhnya. Usaha ini jelas dapat dilihat dengan tujuan utama semata-mata untuk memahami Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah serta untuk menambahkan nilai dalam menunaikan ibadah.

Selain tu, sebagaimana dalam aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, sebagai usaha kerajaan bagi menggalakkan pelajar menguasai bahasa kedua dan bahasa asing selain bahasa Inggeris, kurikulum Bahasa Arab dilaksanakan di sekolah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kebanyakan SAR (Sekolah Agama Rakyat) pula kurikulum maahad Bu'uth al-Azhar atau dikenali sebagai Kurikulum al-Azhar atau Kurikulum Azhari diguna pakai dalam sistem pendidikan. Sehubungan itu, hampir kesemua sekolah yang bertaraf SABK mengguna pakai kurikulum kementerian serta mengekalkan kurikulum maahad Bu'uth al Azhar. Kurikulum maahad Bu'uth al-Azhar tersebut diperoleh secara terus dari Universiti al-Azhar, Mesir. Buku-buku teks juga dibawa masuk daripada Universiti al-Azhar (Rosni Samah, 2012). Buku teks menggunakan Kurikulum maahad Bu'uth al-Azhar ini merangkumi elemen-elemen ilmu pengajian Islam dan bahasa Arab seperti mata pelajaran Tafsir, Hadis, Fekah, Tauhid, Nahu, Nusus dan lain-lain dalam bahasa Arab (Maimun, Zaffi & Hanis, 2014).

Selain memberi fokus kepada penguasaan kosa kata, KSSM Bahasa Arab secara amnya juga menumpukan kepada pencapaian murid dalam penggunaan rangkai kata yang berkesan serta kesesuaian dalam penggunaan ayat dan perenggan (DSKP BAT, 2018). Sebagaimana yang telah digariskan menerusi *Common European*

Framework of Reference (CEFR), kecekapan menggunakan bahasa Arab diaplikasikan tanpa membatasi lingkungan peribadi, kemasyarakatan, ekonomi dan pendidikan. Pada tahap sekolah menengah, pelajar sepatutnya mampu berinteraksi dalam ruang lingkup sosial iaitu pelajar mampu menginterpretasikan kunci idea dalam penulisan yang bertautan mengenai tema yang kukuh dan konseptual pada tahap Tingkatan 4 hingga 5 khususnya.

Sukatan mata pelajaran BAT merangkumi ilmu sarf (morfologi), ilmu nahu (sintaksis), dan ilmu balaghah (semantik) secara khusus tanpa merentas sukatan. Penguasaan kosa kata dan frasa secara komprehensif bagi tujuan susunan sintaksis dan morfologi yang tepat dalam mempelajari BAT adalah suatu keperluan terhadap para pelajar. Menjadi satu kepentingan untuk menekankan pengajaran yang menumpukan kepada aspek sintaksis dan penguasaan kosa kata lebih-lebih lagi adalah untuk kefahaman terhadap pembacaan dan pendengaran petikan-petikan yang betul. Penulisan buku teks kurikulum Bahasa Arab Tinggi adalah lebih menerapkan bahasa Arab yang sulit dan kompleks, sebaliknya kurikulum Bahasa Arab Komunikasi menggunakan bahasa lebih rendah. Natiujahnya, guru lebih tertumpu dalam memberikan pencerahan terhadap bentuk bacaan yang rumit dan kompleks semasa proses pengajaran BAT. Oleh demikian, pihak KPM telah menetapkan jumlah kosa kata bahasa Arab tertentu yang mesti dikuasai pelajar bagi setiap tahun (Zaid, Nik Mohd Rahimi, Irma Martiny & Mohd Yusri, 2016). Malahan bagi memastikan objektif ini tercapai, senarai kosa kata dilampirkan bersama dalam setiap tajuk yang terkandung dalam buku teks mata pelajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana, secara umumnya hubungan pencapaian akademik, kemahiran berbahasa, dan penguasaan bahasa didapati signifikan dengan saiz kosa kata (Staehr, 2009; Llach & Gallego, 2009; Nation, 2000; Read, 2000; Meara, 1996; Laufer, 1996, 1998).

Pelajar yang berada pada peringkat tingkatan satu hingga tingkatan tiga mempelajari Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi yang bermatlamat memperkukuhkan kemahiran berbahasa pelajar dengan menguasai kemahiran asas utama bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis tanpa meminggirkan perhatian terhadap aspek kosa kata. Objektif KSSM Bahasa Arab akan

tercapai sekiranya pelajar di peringkat ini berupaya memahami dan memberi respons dengan betul terhadap pendengaran, mengaplikasikan perkataan atau ayat yang betul dalam pertuturan dan penulisan, selain dapat membaca dan memahami teks ringkas serta pengaplikasian yang betul dalam sistem bahasa. Oleh tu, elemen-elemen pembelajaran bahasa seperti kosa kata dan tatabahasa merupakan elemen yang membantu pelajar dalam penguasaan keempat-empat kemahiran tersebut.

Manakala kurikulum Bahasa Arab Tinggi pula ditawarkan kepada pelajar menengah atas sahaja, iaitu tingkatan 4 dan 5 yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memberi fokus terhadap kecekapan pelajar dalam memahami teks yang kompleks dalam tema yang konkrit dan abstrak, selain dapat berkomunikasi dan mengekspresi pendapat secara bebas dengan penutur jati bahasa Arab dengan lancar. Hasil pembelajaran ini dengan matlamat memberi ruang untuk memartabatkan dan memuliakan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran al-Karim dan bahasa ilmu untuk menguasai pengetahuan, dan kemahiran berbahasa supaya dapat memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakannya dengan tepat di samping memperluaskan maklumat dan menikmati keindahan berbahasa. Selain itu, hasil pembelajarannya diharap dapat mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta dapat merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muhtabar (Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohamed & Zamri., 2008).

Bahasa Arab dijadikan sebagai bahasa pengantar melalui Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). KPM, LEPAI dan Jabatan/ Yayasan Agama secara bersama telah membina kurikulum baru iaitu Kurikulum Dini/ Azhari sebagai dasar dalam kurikulum agama-Arab KBD yang dilaksanakan di seluruh sekolah agama di Malaysia termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). KBD diwujudkan bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam dan bagi merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Berdasarkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), (2015), beberapa perubahan dari segi peruntukan waktu minimum seminggu dan penambahan

mata pelajaran Dini dalam kurikulum kebangsaan telah dilaksanakan KBD dengan mengekalkan mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pelaksanaan kurikulum ini juga memberi kelebihan dan nilai tambah kepada murid dalam penguasaan bahasa selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Kemahiran dwibahasa). Aspek pengetahuan kurikulum ini juga akan mengembangkan potensi dan keupayaan murid dalam ilmu agama dan bahasa Arab.

Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah (LAM) merupakan salah satu mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) selain *Al-syariah*, *Usuluddin* dan *Tahfiz*. Kurikulum ini mula dilaksanakan di SABK pada tahun 2015. Kandungan pembelajaran Syariah, Usuluddin dan tahfiz menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam PdP. Sebagai bahasa utama dalam pengajaran mata pelajaran KBD, satu usaha dalam meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Arab perlu dilakukan agar objektif pelaksanaan KBD ini tercapai.

Sebelum pelaksanaan mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM), murid-murid di SABK menggunakan Bahasa Arab Komunikasi sejak tahun 1997. Setelah Kurikulum Bersepadu Dini diperkenalkan, maka mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi juga telah digantikan dengan Kurikulum Bersepadu Dini *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM). Kurikulum Bersepadu Dini *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal bertujuan mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kandungan huraian sukatan mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asira* pula dilihat lebih terkini, bersesuaian dengan maksud perkataan *Al-muasiroh* (kontemporari/semasa). Kandungan Dokumen Standard kurikulum yang digunakan sebagai rujukan utama pengajaran LAM merupakan transisi kepada pelaksanaan KSSM yang dilaksanakan pada tahun 2017 di seluruh negara. Ianya digubal dalam bentuk pernyataan standard yang terdiri dari standard kandungan dan pembelajaran yang perlu di capai oleh murid dalam satu tempoh persekolahan (Nor Hani Jaludin, Noraizan Mohsin & Ruslin Amir, 2018). Dalam usaha melahirkan ilmuan Islam dan pelapis generasi ulama pada masa akan datang, kurikulum ini dibina berasaskan kemahiran berbahasa dan ilmu bahasa

Arab. Perkara ini akan dapat meningkatkan kecekapan dalam interaksi sosial murid serta boleh mengakses maklumat tambahan kepada pengetahuan yang diperlukan.

Untuk mencapai hasrat tersebut, KSSM *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* ini memfokuskan kepada penguasaan murid terhadap empat kemahiran asas bahasa Arab yang ditekankan secara mendalam di Tingkatan 1 dan 2. Tatabahasa Arab diserapkan secara implisit dalam pembelajaran empat kemahiran bahasa tersebut. Manakala di Tingkatan 3, 4 dan 5 penekanan tersebut dibuat secara lebih eksplisit. Selain itu, penggunaan templat ayat yang dicadangkan dalam kurikulum ini juga akan memudahkan murid untuk mencapai objektif yang disasarkan dalam KSSM Dini *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah*.

Tema pembelajaran KSSM *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* ini melibatkan tema-tema pembelajaran bahasa di samping beberapa topik yang terkandung dalam KSSM Usul al-Din dan KSSM al-Syariah. Kandungan dan topik-topik ini dipilih untuk mencapai matlamat penguasaan ilmu secara global bermula di bangku sekolah.

Kurikulum ini memberikan pertimbangan kepada gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang pelbagai. Bagi mencapai hasrat tersebut, teknik pengajaran guru yang berkesan sangat diperlukan untuk membantu murid mengalami pengalaman sebenar pembelajaran bahasa Arab yang menyeronokkan. Amalan lughatul-fasli yang berkesan sangat penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran tersebut.

Sepanjang proses pembelajaran, pentaksiran formatif dilaksanakan terhadap murid melalui enam tahap penguasaan dalam standard prestasi bagi setiap kemahiran. Pentaksiran tersebut dilaksanakan secara holistik melalui pertimbangan profesional guru terhadap murid. Di samping itu, penilaian sumatif juga boleh dilaksanakan oleh guru untuk menilai pencapaian murid dalam aspek penguasaan kandungan (DSKP *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah*, 2019). Pembelajaran *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) tidak menumpukan kepada penguasaan *sorf* (morfologi) dan *nahu*

(sintaksis) semata-mata seperti mana Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi, tetapi lebih kepada asas mudah *Qawalib al-lugawiyah* (*pattern/template* bahasa) yang hampir maknanya kepada susunan Bahasa Melayu. Pengajaran berpandukan unsur *qawalib* ini menitikberatkan kemahiran murid dalam penggunaan pola dan bentuk ayat yang digunakan sesuai dengan keupayaan penutur bukan Arab dalam berkomunikasi tanpa diperkenalkan kepada *qawaid nahwiyyah* mahupun *sorfiyah* dalam setiap frasa. Melalui pendekatan ini, maka berlakulah pemerolehan dan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

Manakala dari aspek kosa kata, peranan perbendaharaan kata dalam menguasai empat kemahiran bahasa sangat diperlukan kerana keupayaan untuk memahami empat kemahiran bahasa sangat bergantung pada penguasaan perbendaharaan kata. Elemen ini diberikan penekanan melalui dokumen dan pelaksanaannya dalam KSSM Bahasa Arab. Pemilihan kosa kata dari tema-tema yang telah disenaraikan adalah berdasarkan perkembangan murid dari aspek mental dan fizikal serta keperluan tertentu yang bersesuaian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2018).

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Bersandarkan realiti, diketahui bahawa bahasa Arab sering kali tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Melayu umumnya dan umat Islam di Malaysia khususnya kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang menjalankan fungsi agama (Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah, Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy, 2017). Kedudukan bahasa Arab di Malaysia memiliki salasilah yang lama dan mapan, bahkan mempunyai masa depan yang amat cerah dan terjamin. Namun, hakikat yang terjadi kepada para pelajar di peringkat lepasan SPM, mereka masih belum dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Terdapat beberapa perkataan mudah yang seharusnya difahami oleh mereka justeru yang terjadi adalah sebaliknya. (Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad, 2020). Hasnurol Hashim,

Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad (2020) menyatakan, kosa kata merupakan aspek atau unsur bahasa yang penting dan memberi impak terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya bahasa kedua atau bahasa asing. Kajiannya juga mendapati bahawa para pelajar bahasa Arab yang menghadapi masalah kosa kata turut gagal mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Kesannya, implikasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menjadi dingin dalam kalangan pelajar bahasa kedua atau bahasa asing. Hal ini disokong oleh Aisah Hasmam et al. (2017) yang menyatakan kelemahan pelajar bahasa Arab dalam aspek kemahiran memahami makna kosa kata Bahasa Arab adalah membimbangkan. Menurut Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim & Shuhairimi Abdullah (2020), masalah kekurangan kosa kata boleh menyebabkan aktiviti komunikasi terhenti. Keadaan ini mungkin terjadi kepada pelajar yang mempunyai idea dan ingin memulakan komunikasi lisan, tetapi terhenti proses penyampaian maklumat tersebut disebabkan oleh masalah linguistik yang terbatas, Penelitian Zunita Mohamad Maskor (2020) juga mendapati permasalahan sama yang dihadapi oleh sebahagian besar pelajar SMKA terhadap kemahiran menulis dalam bahasa Arab dan ia berada pada tahap sederhana sahaja.

Permasalahan terhadap penguasaan kosa kata turut dibuktikan melalui pengalaman para tenaga pengajar Bahasa Arab di peringkat universiti. Beberapa kajian membuktikan bahawa para pelajar dalam bidang bahasa Arab ini menghadapi masalah untuk mengikuti pengajian mereka di peringkat universiti (Hairun Najuwah, Awatif, Ku Fatahiyah, Siti Nurhajariah, 2017). Masalah kelemahan kosa kata yang telah dibuktikan dalam kajian Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah, Sulaiman Ismail (2020) boleh dikaitkan dengan kelemahan penguasaan bahasa Arab secara umum dalam kalangan pelajar universiti yang sering dibangkitkan oleh golongan pendidik dan pensyarah. Antara punca yang dikenal pasti adalah, kurangnya kosa kata atau perbendaharaan kata dalam kalangan mereka yang sepatutnya digarap pada peringkat sekolah menengah lagi. Kelemahan kosa kata pelajar di peringkat tinggi ini menunjukkan kelemahan pelajar di peringkat rendah pengajian yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak yang terlibat. Kekurangan pengetahuan dalam penguasaan kosa kata bukanlah sesuatu yang baharu dalam kalangan penutur yang mempelajari bahasa kedua/asing. Kelemahan dalam aspek ini juga adalah kekangan yang utama untuk diberi perhatian. Beberapa kajian lepas melibatkan penutur bahasa yang

mempelajari bahasa Inggeris di Malaysia menunjukkan keputusan yang sama (Tan, A. & Goh, L. H., 2017).

Penguasaan bahasa yang baik bermakna pelajar perlu menguasai empat kemahiran berbahasa sama ada secara lisan mahupun bertulis. Masalah kekurangan kosa kata boleh menyebabkan aktiviti komunikasi terhenti. Keadaan ini mungkin terjadi kepada pelajar yang mempunyai idea dan ingin memulakan komunikasi lisan, tetapi terhenti proses penyampaian maklumat tersebut disebabkan masalah linguistik yang terbatas (Nurmasturah, Noor Asliza & Shuhairimi, 2020). Dapatan kajian Nurmasturah, Noor Asliza & Shuhairimi (2020) juga memberi maklumat bahawa sejumlah besar daripada pelajar menghadapi masalah penguasaan kosa kata yang tepat dalam pembelajaran bahasa asing berbanding peratusan pelajar yang dapat menguasainya. Selain tu, kesukaran dalam memahami maksud perkataan atau kosa kata adalah faktor kepada penguasaan kosa kata yang lemah (Khatijah dan Hakim, 2018). Bahkan, kelemahan dalam penguasaan aspek ini membataskan pelajar terhadap kemahiran komunikasi, pemahaman bacaan, penulisan karangan secara lisan dan tulisan (Irma Martiny, Maimun Aqsha, Zaid Arafat & Aishah Sjahrony, 2017; Abdul Razif Zaini & Mohd. Zaki Abd. Rahman, 2017). Dari kronologi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, ia telah menempuh berbagai-bagai peralihan peringkat serta fasa pengajian, melalui teknik tradisional sebagai permulaan sehingga kepada teknik komunikasi. Kajian membuktikan pelajar bahasa yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia masih menghadapi masalah yang serius dalam menguasai kosa kata bahasa Arab. Ini menjadi jawapan utama kepada persoalan mengapa pelajar secara umumnya masih lemah dalam menggunakan bahasa Arab sama ada dalam kemahiran bahasa mahupun pengetahuan ilmu tersebut (Zainur Rijal, Rosni Samah, Sulaiman Ismail, 2020). Berdasarkan rentetan tahun penyelidikan yang telah diketengahkan, para penyelidik mendapati bahawa isu kelemahan kosa kata berlanjutan dari semasa ke semasa mengakibatkan permasalahan dalam penguasaan aspek tersebut bukanlah suatu permasalahan yang remeh dan boleh diambil ringan. Hal ini juga telah menjadi kebimbangan yang sering disuarakan oleh para pendidik bahasa Arab khususnya di Malaysia.

Tiga faktor sosial yang dominan dalam aspek pembelajaran bahasa, ialah faktor motivasi, sikap dan persekitaran (Dayang Sufilkawany Ujai, Wan Muna Ruzanna & Wan Mohammad, 2017). Walaupun pelajar mengikuti pembelajaran di sekolah dalam suasana pembelajaran dan bahan pembelajaran yang sama daripada seorang guru, namun, setiap daripada mereka mungkin menunjukkan tahap yang berbeza dalam penguasaan kosa kata. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan data analisis pencapaian peperiksaan mata pelajaran BAT pelajar pada tahun-tahun lalu yang mendapati peningkatan status gagal dalam mata pelajaran BAT. Mengetahui dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar strategi pembelajaran perbendaharaan kata/kosa kata bakal memberi manfaat kepada guru dan penyelidik. Dengan hal yang demikian, pihak yang terlibat dapat merancang bahan yang sesuai untuk para pelajar dan memberi tumpuan terhadap faktor yang dominan tersebut. Penguasaan kosa kata bahasa Arab ini dipengaruhi oleh faktor yang memberi kesan kepada strategi penguasaan kosa kata mereka. Persoalannya, apakah faktor yang menjadi pemangkin terhadap tahap penguasaan mereka dalam kosa kata bahasa Arab? Nyikos & Fon (2007) telah mengenal pasti empat faktor utama yang mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata, iaitu tahap kecekapan pelajar, variasi individu dan jantina, perkembangan dan kecekapan strategi, dan suasana pembelajaran.

Menurut Ibn Khaldun (2002), faktor persekitaran mempengaruhi tabiat hidup seseorang yang terhasil melalui pengamatan. Manakala menurut (Dayang Sufilkawany, Wan Muna Ruzanna (2017), faktor sosial mempengaruhi pembelajaran bahasa. Motivasi dan sikap yang positif sangat penting bagi seseorang untuk mencapai tahap penguasaan diri mereka. Penguasaan bahasa kedua boleh dipengaruhi oleh pelbagai aspek. Hal ini sekali gus mengisyaratkan bahawa urusan mengembangkan potensi dan pendidikan bukan terletak kepada persekolahan semata-mata, malah perlu dilakukan secara holistik oleh semua pihak yang terlibat melalui pelbagai pendekatan pembelajaran sosial seperti permodelan, peneguhan, maklum balas dan nasihat secara langsung bagi menggalakkan pembelajaran sosial yang positif. Elemen-elemen pembelajaran sosial yang sedia wujud dalam kehidupan pelajar perlu digerakkan secara bersepadu agar mereka turut memberi sumbangan yang positif terhadap pembinaan generasi muda yang dinamik, berketerampilan dan berakhlak mulia.

Sementara tu, aspek saiz kosa kata merupakan satu dimensi ilmu kosa kata yang kerap disentuh dalam menilai kebolehan berbahasa seseorang. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Arab melalui KBSR dan KBSM, objektif P&P bahasa Arab bermatlamat untuk membolehkan pelajar menguasai aspek kosa kata bahasa Arab dengan baik. Namun begitu, penilaian terhadap faktor yang mempengaruhi saiz kosa kata sering kali dipandang sepi serta penilaian yang dibuat tidak bersifat empirikal. Kajian berkaitan kosa kata pula kebanyakannya memfokuskan kepada strategi pembelajaran kosa kata dan saiz kosa kata. Kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab di Malaysia amnya dan di Terengganu khasnya masih belum dijalankan dengan meluas dan kurang mendapat perhatian. Justeru, kajian yang akan dilaksanakan oleh penyelidik ini adalah penting untuk mengenal pasti apakah faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.

1.4 SOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab soalan berikut: -

1. Apakah tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?
2. Bagaimanakah sikap terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?
3. Apakah bentuk pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah menengah agama di Terengganu?
4. Bagaimanakah sokongan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan ibubapa pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?
5. Bagaimanakah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.
2. Mengetahui pasti sikap terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.
3. Mengetahui pasti pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah menengah agama di Terengganu.
4. Mengetahui pasti sokongan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan ibubapa pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.
5. Menghuraikan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

1. Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.
2. Terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pengajaran guru dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.
3. Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan ibubapa dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan penyelidikan ini ialah:

- a. Kajian ini bakal menggambarkan aspek-aspek yang memberi pengaruh terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab seseorang pelajar di peringkat SMA dalam membantu beberapa pihak yang bertanggungjawab dalam lapangan pendidikan. Perancangan yang sistematik dan tindakan yang lebih efisien boleh diambil pada tahap yang optima sekiranya semua pihak menyedari dan cakna dengan faktor yang menjadi pengaruh kepada penguasaan kosa kata pelajar.
- b. Maklumat berkaitan kosa kata terbabit juga sangat berguna bagi golongan pelajar terutamanya pada tahap sekolah menengah. Kosa kata adalah merupakan aspek yang terpenting dalam pembelajaran bahasa dan ia tidak harus dipinggirkan. Pelajar dapat mengenal pasti faktor yang dominan bagi memastikan penguasaan kosa kata bahasa Arab yang produktif mengikut kecenderungan mereka sendiri. Di samping itu, pelajar juga dapat memperbaiki serta menambahbaik kelemahan yang dikenal pasti. Dengan ini, pelajar akan sedar bahawa penguasaan kemahiran dan kecekapan bahasa tertentu dipengaruhi oleh tahap saiz kosa kata yang dikuasai.
- c. Buat golongan pengajar, dapatan penyelidikan ini diharap dapat menyampaikan input yang bermanfaat bagi keperluan pendidikan. Pendidik mampu untuk menambahbaik gaya, kaedah, pendekatan pengajaran, alat/bahan yang digunakan dan pendekatan pengajaran kosa kata dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut aras aspirasi pelajar. Maklumat yang berkaitan dengan respons pelajar dapat digunakan untuk penambahbaikan yang lebih baik terhadap pengajaran kosa kata bahasa Arab. Berpandukan pengetahuan ini, para pendidik dapat merangka aktiviti pengajaran yang bersesuaian untuk para pelajar secara efektif dan efisien. Bukan sahaja itu malah, kajian ini juga akan memberikan gambaran awal tentang korelasi antara sikap pelajar dengan penguasaan kosa kata secara khusus. Maklumat tersebut relevan dalam

mendukung para guru dan ibubapa menanggapi kepekaan dan respons pelajar, serta menguji keperluan pembelajaran pelajar. Guru dan ibubapa boleh menggunakan pendekatan yang sesuai dengan mewujudkan hubungan interpersonal yang boleh memotivasikan pelajar, sekaligus mampu membantu perkembangan tahap kosa kata mereka.

- d. Selain dari itu, keluarga khususnya ibubapa dapat membekalkan keperluan pembelajaran yang optimum dari sudut moral, rohani dan jasmani yang dihajati oleh anak-anak mereka.
- e. Penyelidikan ini juga boleh dimanfaatkan kepada pihak yang berperanan dalam penyusunan dasar, kurikulum dan silibus. Hasil penyelidikan ini mampu berperanan sebagai rujukan dalam mengukur hasil pelaksanaan kurikulum yang sedia ada dari segi usaha perkembangan penguasaan kosa kata pelajar, mengatur teknik penggunaan dan penentuan perkataan yang bersesuaian dengan kepentingan pelajar. Hasil dapatan juga penting bagi keperluan mengatur dan menyusun pendekatan pembelajaran pada jangka masa panjang terutamanya dari sudut peningkatan penguasaan kosa kata di tahap yang lebih tinggi dan lanjutan. Dapatan ini dapat membekalkan prosedur berkesan dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dan berkesan khususnya aspek kosa kata bahasa Arab.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Perbincangan kajian ini bertumpukan secara khusus kepada pemboleh ubah kajian yang memberi pengaruh kepada penguasaan kosa kata atau perbendaharaan bahasa Arab sahaja. Ia tidak meneliti aspek-aspek berbahasa yang lain seperti tatabahasa, sebutan dan sebagainya. Dari segi penguasaan, pengetahuan yang diukur terhad kepada penguasaan kosa kata sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) kementerian juga mengikut pendapat dan pandangan daripada beberapa sarjana dan pakar bahasa.

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan enam di Sekolah Menengah Agama (A) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu yang menawarkan mata pelajaran BAT dalam peperiksaan SPM. Rasional ini dibuat berdasarkan jumlah pelajar yang menepati saiz sampel kajian dan berlatarbelakangkan dari pelbagai sekolah yang berlainan pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kemudiannya memilih SMAASZA sebagai platform untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pra universiti, selain itu, status pelajarnya yang menepati tahap pencapaian yang cemerlang dalam kalangan SMA yang lain di Terengganu. Pelajar tingkatan enam yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab di seluruh Terengganu hanya empat buah sekolah sahaja. Lokasi penyelidikan ini juga dipilih adalah berlandaskan kepada kecenderungan hala tuju atau destinasi para pelajar untuk memilih menyambung pelajaran dalam bidang pengajian berkaitan bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi dan lanjutan.

Manakala dari segi responden, penyelidikan ini terhad kepada pelajar tingkatan enam di SMAASZA. Penentuan ini adalah mengikut tempoh pembelajaran pelajar di peringkat menengah yang seharusnya memiliki sebilangan kosa kata bahasa Arab bersesuaian dengan keperluan di peringkat semasa. Ketika ini, para pelajar telah melalui beberapa tempoh tertentu dalam pembelajaran bahasa Arab dan menempuhi beberapa tahap peperiksaan umum di peringkat tingkatan tiga dan lima.

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Berikut adalah definisi operasional kajian ini:

1.9.1 Penguasaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), definisi penguasaan adalah perihal menguasai atau menguasai. Dari sudut lapangan linguistik, penguasaan bahasa merujuk kepada kecekapan individu berbahasa dengan berkesan berdasarkan kepada kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran pendengaran, kemahiran pertuturan, kemahiran pembacaan dan kemahiran penulisan. Istilah penguasaan menurut Lutfi Abas dan Awang Sariyan (1988) adalah perbuatan atau keadaan boleh menguasai. Manakala menurut Nation (2010) dan McCarthy (1998), penguasaan kosa kata penting untuk dinilai dari dua sudut yang berbeza, iaitu dari sudut pemahaman dan dari sudut penggunaan yang mahir dalam ketepatan menggunakan kosa kata. Dengan kata lain, penguasaan adalah pengetahuan, kefahaman dan aplikasi penggunaannya apabila diperlukan, serta aspek pembelajaran. Bersandarkan kepada definisi yang dikemukakan, penguasaan bahasa secara umumnya bermaksud menguasai sistem atau ketetapan yang telah disepakati sehingga mampu berinteraksi dengan individu lain. Sistem atau ketetapan ini merupakan asas penting yang mencerminkan bahasa sehingga melahirkan pelbagai kajian yang berkaitan dengannya (Hazrul Affendi, 2020).

1.9.2 Saiz Kosa Kata

Saiz kosa kata dirujuk sebagai aspek kuantiti dan berapa banyak patah perkataan yang diketahui oleh seseorang. Menurut Nation (2001), saiz kosa kata adalah bilangan perkataan yang diketahui oleh pelajar pada satu tahap kecekapan bahasa yang tertentu. Dalam kajian ini, saiz kosa kata kepada saiz atau kuantiti kosa kata bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar sekolah di peringkat menengah

tingkatan enam adalah mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

1.9.3 Kosa Kata

Kosa kata diterjemahkan sebagai *kalimat* dalam bahasa Arab. Kosa kata merupakan komponen utama dalam ilmu nahu bahasa Arab (ilmu morfologi Arab). Pada bab 2 akan dihuraikan berkaitan kosa kata bahasa Arab. Kosa kata bermaksud keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa, atau dikenali sebagai perbendaharaan kata (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Dalam kajian ini, kosa kata adalah kosa kata bahasa Arab yang dipelajari dan dikuasai oleh responden kajian, iaitu pelajar di peringkat menengah. Kosa kata ini berdasarkan penguasaan kosa kata pelajar mengikut pengalaman pembelajaran bahasa Arab mereka secara individu. Tahap penguasaan kosa kata ini berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian dengan tahap penguasaannya adalah sekitar 1500 hingga 2000 saiz perkataan serta penggunaannya yang tepat.

1.9.4 Bahasa Arab

Dalam kajian ini bahasa Arab bermaksud kurikulum atau mata pelajaran bahasa Arab dalam pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM). *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asira* merupakan salah satu mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) selain *Al-syariah*, *Usuluddin dan Tahfiz*. Kurikulum ini mula dilaksanakan di SABK, SMA dan SMKA pada tahun 2015. Bahasa Arab yang formal (*fushah*) dijadikan medium dalam kajian ini. Bahasa Arab *fushah* juga diterapkan dalam silibus buku teks mata pelajaran tersebut dan ia juga merupakan bahasa pengantar rasmi al-Quran dan kitab-kitab dalam bidang ilmu Islam. Sebagaimana yang telah digariskan menerusi CEFR, kecekapan menggunakan bahasa Arab diaplikasikan tanpa membatasi lingkungan peribadi,

kemasyarakatan, ekonomi dan pendidikan. Bahasa Arab di Malaysia telah dianggap sebagai bahasa asing seiring dengan beberapa bahasa asing selain bahasa Arab antaranya; Perancis, Jepun, dan Jerman. Matlamat tertinggi yang digariskan oleh KPM adalah bagi membolehkan murid memahami al-Quran dan hadis, namun objektif yang digariskan adalah bagi membolehkan murid menguasai aspek bahasa seperti fonologi, morfologi, tatabahasa dan makna perkataan, di samping kemahiran bahasa itu sendiri iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil inisiatif pendekatan secara komunikatif dalam pengajaran Bahasa asing bagi memartabatkan pengajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah.

1.9.5 Pelajar Sekolah Menengah Agama

Dalam kajian ini, pelajar secara umumnya membawa maksud individu, atau sekelompok individu yang sedang mengikuti pengajian di peringkat menengah kebangsaan agama di Terengganu. Kajian ini menumpukan pelajar peringkat menengah iaitu pelajar di tahap Tingkatan Enam yang mempelajari kurikulum bahasa Arab di salah sebuah SMA di Terengganu yang dipilih sebagai subjek kajian. Pelajar Tingkatan Enam ini terdiri daripada dua kategori iaitu yang mengikuti pengajian di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Pengkaji memilih pelajar di peringkat menengah tingkatan enam kerana mereka telah mempunyai masa pengalaman mempelajari bahasa Arab dengan tempoh minimum lima tahun pembelajaran. Mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) diwajibkan ke atas pelajar Tingkatan Empat dan Lima serta beberapa mata pelajaran Islamik lain.

1.9.6 Sikap

Sikap (*attitude*) seseorang merujuk kepada bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balasnya ke atas individu, kumpulan, isu-isu sosial mahupun apa-apa peristiwa di persekitaran yang mana bentuk tersebut adalah tersusun dan konsisten (Lambert & Lambert, 1973:72). Sikap dari segi penelitian ilmu psikologi ialah suatu bentuk psikologi, entiti mental dan emosi yang diwarisi, atau sesuatu yang dapat mengkategorikan bentuk seseorang. Sikap adalah kompleks dan ia merupakan suatu keadaan yang diperoleh melalui pengalaman. Dalam kajian ini sikap adalah merujuk kepada sikap pelajar Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMASZA) terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab.

1.9.7 Pengajaran Guru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) definisi guru adalah orang yang mengajar, mendidik, mengasuh. Guru juga merupakan istilah yang digunakan untuk seorang yang pakar dalam sesuatu bidang misalnya pengurusan guru merujuk kepada seorang yang pakar dan handal dalam bidang pengurusan Manakala definisi pendekatan pula adalah perihal (perbuatan dsb) mendekati atau mendekatkan. Selain itu, ia memberi maksud kaedah (cara, langkah-langkah, dan sebagainya) yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas.

Dalam konteks penyelidikan ini, pengajaran guru adalah pendekatan pengajaran yang dipraktikkan oleh para guru bidang bahasa Arab yang mengajar subjek atau mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) di sekolah sasaran kajian iaitu Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMAASZA). Ia juga merupakan salah satu faktor yang akan dikaji dalam mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

1.9.8 Sokongan Iubapa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), sokongan adalah sesuatu yang dijadikan sokong (tiang dan lain-lain), tunjangan. Selain itu, ia memberi makna perbuatan mengatakan persetujuan dan memberi perangsang dengan atau tanpa bantuan kebendaan, bantuan (wang dan lain-lain), pertolongan. Dalam penyelidikan ini, sokongan iubapa adalah merujuk kepada iubapa atau penjaga kepada responden kajian serta sokongan iubapa terhadap responden dari segi moral dan material dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab.

1.10 KESIMPULAN

Pengetahuan kosa kata dilihat sebagai tonggak dalam pembelajaran bahasa kedua/ketiga. Penguasaannya yang baik dinilai berdasarkan tahap kefahaman pelajar terhadap teks yang dibaca, kemahiran menulis dan berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari. Muhammad Al-Khuli (1986) menjelaskan pengajaran dan pembelajaran kosa kata dalam pengajaran bahasa merupakan perkara utama dan penting. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa kosa kata memainkan peranan yang amat penting dalam penguasaan sesuatu bahasa sama ada bahasa ibunda mahupun bahasa kedua. Hal ini disokong oleh Al-Nauri (2018) dengan mengatakan kajian bahasa seharusnya menyetengahkan kepentingan pengetahuan leksikal atau kosa kata dalam keupayaan linguistik. Pendekatan yang bersesuaian dan berkesan diperlukan bagi pemerolehan penguasaan kosa kata yang baik yang didasari oleh beberapa faktor yang berkaitan. Melalui bab ini, penyelidik telah mengemukakan gambaran konteks kajian membicarakan mengenai status bahasa Arab serta sistem pembelajarannya di negara ini. Selain tu, pengkaji juga membahas isu kepincangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, di mana antara asas permasalahan yang ditentukan adalah kebatasan dan kelemahan pelajar dalam menguasai saiz kosa kata yang mencukupi. Kelemahan ini memberi kesan negatif dan membataskan pelajar kepada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Kebanyakan kajian kosa kata bahasa Arab lebih memfokuskan kepada aspek strategi dan kaedah. Kajian yang mengenal pasti perkara yang mempengaruhi

penguasaan kosa kata masih jarang dilakukan dan terdapat lompang untuk diisi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan tiga faktor yang dikenal pasti dan meneliti hubungannya dengan tahap penguasaan saiz kosa kata dalam kalangan pelajar.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Penyelidik telah melakukan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang relevan dengan skop kajian ini. Daripada hasil tinjauan tersebut, beberapa perkara telah diketengahkan untuk diperbincangkan dalam bab ini. Perkara tersebut merangkumi pendekatan teori, iaitu teori-teori pembelajaran bahasa dan teori pemerolehan bahasa, penguasaan kosa kata, dan sorotan kajian-kajian lepas yang menjuruskan kepada keperluan kajian ini dijalankan. Kajian-kajian lepas ini banyak membantu penyelidik dalam memberikan input yang penting untuk proses reka bentuk instrumen soal selidik yang akan dibincangkan dalam bab 3 nanti.

2.2 Pembelajaran Bahasa Kedua

Bahasa kedua (B2) merujuk kepada mana-mana bahasa yang dipelajari selain daripada bahasa pertama seseorang; walaupun konsep ini dinamakan pemerolehan bahasa kedua (PB2), ia juga boleh dimaksudkan dengan bahasa lain yang ketiga, keempat atau beberapa bahasa yang dipelajarinya (Gass & Selinker, 2008). Pemerolehan bahasa kedua adalah proses pembelajaran bahasa kedua seseorang individu. Subdisiplin dari bidang linguistik gunaan ini juga merupakan disiplin ilmiah yang dikhususkan untuk mengkaji proses pemerolehan bahasa kedua. Pemerolehan bahasa kedua pada asalnya adalah terhadap sesuatu yang pelajar lakukan dan ia

berperanan untuk memfokuskan sifat tidak sedar (*unconsciousness*) dalam proses pembelajaran; ia tidak merujuk kepada aplikasi dalam pengajaran bahasa meskipun pengajaran boleh memberi kesan kepada pemerolehan. Istilah pemerolehan pada mulanya digunakan untuk menekankan sifat kesedaran dan bukannya proses pembelajaran (Krashen, 1982), namun beberapa tahun kebelakangan ini sebahagian besar pembelajaran dan pemerolehan telah menjadi sinonim.

PB2 boleh disatukan dengan pembelajaran bahasa warisan (Gass & Selinker, 2008), tetapi ia tidak dapat digabungkan dengan dwibahasa atau bilingualisma. Kebanyakan penyelidik PB2 melihat bilingualisma sebagai jalan buntu kepada pembelajaran bahasa, bukannya kepada proses itu sendiri dan melihat istilah itu sebagai rujukan kepada kefasihan asli. Para penulis dalam bidang pendidikan dan psikologi bagaimanapun, sering menggunakan bilingualisma secara umum untuk merujuk kepada semua bentuk multibahasa (Gass & Selinker, 2008). PB2 juga tidak berbeza dengan pemerolehan bahasa asing, tetapi pembelajaran bahasa kedua dan pembelajaran bahasa asing melibatkan proses asas yang sama dalam situasi yang berbeza (Ellis, 1997).

Disiplin akademik bahasa kedua adalah satu sub-disiplin linguistik terapan. Sebagaimana kepelbagaian cabang ilmu linguistik, pemerolehan bahasa kedua juga berkait rapat dengan psikologi, kognitif psikologi dan pendidikan. Untuk memisahkan disiplin akademik daripada proses pembelajaran itu sendiri, istilah yang digunakan adalah penyelidikan pemerolehan bahasa kedua, kajian bahasa kedua, dan kajian pemerolehan bahasa kedua.

Sehingga kini, adalah sukar untuk mengenal pasti permulaan masa yang tepat kajian ini dijalankan (Gass & Selinker, 2008). Walau bagaimanapun, beberapa sumber menyebutkan terdapat dua penerbitan ilmiah yang mendorong kajian ini: esei Pit Corder yang berjudul *The Significance of Learners' Errors* dan juga Larry Selinker yang berjudul *Interlanguage* (VanPatten & Benati, 2010). Pembangunan bidang ini dilihat menakjubkan dalam dekad yang berikutnya. Sejak tahun 1980, PB2 telah dikaji

dari pelbagai perspektif disiplin dan perspektif teori. Pada awal tahun 2000, beberapa kajian mencadangkan keserataan antara pemerolehan bahasa manusia dan bahasa komputer (Java contohnya) kepada kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 hingga 11 tahun, walaupun ia tidak diterima secara meluas dalam kalangan pendidik. Pendekatan besar dalam bidang ini adalah; sistematik fungsi linguistik, teori sosiobudaya, kognitif linguistik, tatabahasa universal Noam Chomsky, teori kemahiran pemerolehan dan perhubungannya (VanPatten & Benati, 2010).

Terdapat banyak perdebatan mengenai bagaimana bahasa dipelajari dan banyak isu masih tidak dapat diselesaikan. Terdapat banyak teori pemerolehan bahasa kedua, tetapi tiada teori yang diterima sebagai penjelasan yang lengkap oleh kesemua penyelidik PB2. Oleh kerana sifat disiplin (*interdisciplinary nature*) bidang PB2, perkara ini tidak dijangka akan berlaku pada masa hadapan.

2.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa

Kajian dan penyelidikan yang berhubung kait dengan bahasa dikenali sebagai ilmu linguistik. Ilmu linguistik dalam bahasa Arab dikenali sebagai *ilmu al-lughah* atau *fiqh al-lughah*. Menurut al-Dabuli (1998) *ilmu al-lughah* adalah berbeza daripada *fiqh al-lughah*. Menurutnya *ilmu al-lughah* adalah perbincangan tentang sejarah, asal usul bahasa, hubungannya dengan bahasa manusia yang pertama, kesan faktor persekitaran, sosial, sejarah, psikologi dan lain-lainya terhadap kelangsungan sesuatu bahasa dan kemajuannya. Manakala *fiqh al-lughah* adalah lebih khusus iaitu perbincangan tentang satu bahasa sahaja yang meliputi ciri, rahsia perkembangan dan juga fenomena yang wujud dalam bahasa tersebut. Justeru, *ilmu al-lughah* adalah lebih umum manakala *fiqh al-lughah* lebih khusus kepada satu-satu bahasa sahaja.

Ilmu linguistik secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu linguistik teori dan linguistik gunaan (Al-Khuli, 2000). Linguistik teori adalah kajian atau perbahasan dari aspek seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis atau ilmu nahu dan semantik sehingga menghasilkan teori dan juga kaedah yang berkaitan dengannya. Aspek yang dikaji inilah yang merupakan sistem yang mewujudkan bahasa. Aspek ini adalah komponen bahasa yang diterjemahkan sebagai sistem sebagaimana takrifan kebanyakan sarjana tentang bahasa. Linguistik gunaan pula adalah kajian dan perbahasan yang berkaitan dengan pengajaran bahasa, psikolinguistik, sosiolinguistik dan lain-lain lagi.

Linguistik gunaan merupakan penggunaan dan penerapan teori yang terhasil dari kajian dan perbahasan berkaitan dengan komponen bahasa ke dalam pelbagai bidang. Hasil penerapan teori ini telah menghasilkan beberapa disiplin ilmu seperti pengajaran bahasa yang menghubungkan kaitkan teori ini dengan bidang pendidikan, psikolinguistik yang mengkaji bahasa dari perspektif psikologi, sosiolinguistik yang mengkaji bahasa dari perspektif sosial dan lain-lain lagi (Hazrul Affendi, 2020).

Dalam pengajaran bahasa, penguasaan bahasa memberi fokus terhadap kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Semua kemahiran ini berkaitan dengan teori linguistik yang diketengahkan oleh sarjana terdahulu seperti teori linguistik tradisional, teori linguistik struktural dan teori linguistik transformasi generatif.

Menurut Raminah Sabran dan Rahim Syam (1985) teori linguistik tradisional membentuk peraturan bahasa yang normatif dan prekriptif sifatnya supaya dapat diwujudkan satu bentuk bahasa yang betul dan tepat sepanjang masa dan menggunakan tulisan sebagai bahan kajian. Melalui teori ini terbinallah beberapa kaedah pengajaran bahasa seperti kaedah nahu, kaedah terjemahan dan kaedah nahu terjemahan. Teori linguistik struktural pula terhasil daripada kajian struktur bahasa melalui pertuturan. Komponen yang membentuk bahasa mestilah dikaji secara bersama kerana semua komponen ini mempunyai pertalian antara satu sama lain.

Berasaskan kepada teori ini lahirlah beberapa kaedah dalam pengajaran bahasa seperti kaedah terus, kaedah fonetik dan kaedah semula jadi (Hazrul Affendi, 2020).

Manakala teori transformasi generatif terhasil dari pengkajian terhadap aspek kecekapan yang dimiliki oleh penutur jati. Walaupun teori ini tidak melahirkan kaedah, tetapi prinsip yang diketengahkan dapat membantu pengajaran bahasa seperti pengajaran haruslah mengutamakan mental kanak-kanak, struktur bahasa haruslah diajarkan secara formal, aspek bahasa yang diutamakan dalam pengajaran ialah sintaksis dan morfologi dan kesilapan-kesilapan bahasa yang umum dilakukan oleh pelajar haruslah diambil kira dalam pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran.

Proses pengajaran berkorelasi dengan proses pembelajaran. Pengajaran bahasa adalah hasil dari gabungan bidang linguistik dan pendidikan manakala pembelajaran bahasa pula adalah gabungan dari bidang linguistik dan psikologi. Terdapat dua teori pembelajaran bahasa yang terkenal iaitu teori behaviourisme dan mentalis. Oleh sebab itu, faktor-faktor yang berhubung kait dengan psikologi pelajar perlu diberi perhatian sebagai penyumbang dalam proses pembelajaran bahasa seperti faktor sikap, ibubapa dan guru. Menurut Meor Mohd Aiyub Meor Zakaria (2002) teori behaviourisme berpegang kepada prinsip bahawa bahasa adalah satu tingkah laku manusia yang dikuasai melalui proses pengulangan sebagaimana tingkah laku yang lain. Kaedah pengajaran yang terhasil dari teori ini adalah kaedah dengar-sebut yang mengutamakan lisan, latih-tubi dan nahu tidak diajar secara formal. Manakala teori mentalis menegaskan bahawa manusia mempunyai kebolehan semula jadi dalam menguasai bahasa dan terdapat dua aspek penting dalam penguasaan bahasa iaitu kecekapan dan prestasi. Kaedah pengajaran yang terhasil dari teori ini adalah kaedah kod-kognitif yang mengutamakan tulisan dan bacaan, penerapan pengetahuan dan nahu diajar secara formal.

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan akan menghasilkan penguasaan bahasa. Kajian berkaitan bahasa melibatkan kajian bahasa secara umum atau khusus seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab atau

lain-lain lagi. Di samping itu, bahasa yang dikaji juga dikategorikan sebagai bahasa pertama atau bahasa ibunda dan juga sebagai bahasa kedua. Untuk menguasai bahasa kedua, S.D. Krashen (2002) telah mengemukakan satu teori yang dinamakan Teori Pemantau (Monitor Theory) yang berkaitan dengan pembinaan kecekapan bahasa kedua untuk orang dewasa. Teori ini menjelaskan bahawa orang dewasa memiliki dua sistem yang tersendiri untuk membina keupayaan dalam bahasa kedua iaitu pemerolehan bahasa, yang berlaku secara di bawah sedar dan pembelajaran bahasa, yang berlaku secara sedar. Seterusnya S. D. Krashen (2009) telah mengemukakan lima hipotesis berkaitan pemerolehan bahasa kedua.

Pertama, perbezaan pemerolehan dan pembelajaran. Beliau menjelaskan kedua dua cara ini adalah untuk membina kecekapan dalam bahasa kedua. Kedua, hipotesis arahan semula jadi, yang mana proses pemerolehan bahasa adalah secara semula jadi dan dipengaruhi oleh umur, latar belakang dan tahap pendedahan kepada bahasa kedua. Ketiga, hipotesis pemantau iaitu satu konsep untuk meningkatkan tahap kecekapan komunikasi. Konsep ini hanya melibatkan pembelajaran sahaja. Keempat, hipotesis input yang merujuk kepada pendedahan terhadap rangsangan. Lebih banyak pengetahuan dan maklumat bahasa akan diperolehi jika lebih banyak terdedah kepada rangsangan yang bermakna. Kelima, hipotesis penapis afektif yang berkaitan dengan emosi seseorang seperti motivasi, minat dan kesedaran untuk menguasai bahasa kedua.

S.D. Krashen (2002) menjelaskan bahawa orang dewasa memiliki 2 sistem untuk membentuk keupayaan dalam bahasa kedua. Dua sistem ini adalah pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa. S.D. Krashen turut menjelaskan bahawa kedua dua sistem ini mempunyai hubungan dengan amalan pengajaran bahasa kedua.

2.2.2 Perbandingan Dengan Pemerolehan Bahasa Pertama

Orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua adalah berbeza daripada kanak-kanak mempelajari bahasa pertama mereka iaitu dalam tiga cara sekurang-kurangnya. Otak kanak-kanak masih membangun manakala orang dewasa mempunyai minda yang sedar, dan pelajar dewasa sekurang-kurangnya mempunyai satu bahasa yang pertama berorientasikan pemikiran dan pertuturan mereka. Walaupun sesetengah pelajar dewasa yang mencapai tahap kemahiran bahasa yang fasih, namun sebutannya masih cenderung menjadi tidak asli. Kekurangan sebutan asli ini kepada pelajar dewasa yang dijelaskan melalui hipotesis tempoh kritikal, ia dikenali sebagai fosilisasi.

Beberapa kesilapan yang dilakukan pelajar bahasa kedua dalam ucapan mereka turut berasal dari bahasa pertama mereka. Misalnya, penutur bahasa Sepanyol yang mempelajari bahasa Inggeris mungkin mengatakan “*is raining*” (sedang hujan) daripada “*it is raining*” (ia sedang hujan), dengan meninggalkan subjek ayat tersebut. Pengaruh bahasa pertama ke dalam bahasa kedua ini dikenali sebagai pemindahan bahasa negatif. Walaubagaimanapun, penutur bahasa Perancis yang mempelajari bahasa Inggeris kebiasaannya tidak melakukan kesilapan yang sama dengan meninggalkan “*it*” dalam “*it is raining.*” ini adalah kerana subjek ayat berkenaan dengan kata ganti dan bersifat peribadi boleh ditinggalkan (atau seperti dalam kes ini tidak digunakan di tempat pertama) dalam bahasa Sepanyol tetapi bukan pada bahasa Perancis. Hal ini juga boleh dikaitkan dengan penutur bahasa Melayu yang mempelajari bahasa Arab dengan menterjemah frasa bahasa Arab (B2) yang diujarkan secara langsung dari bahasa Melayu (B1) seperti contoh:

“أريد أن أقابل أكثر العلماء”

(saya ingin berjumpa dengan ramai ulama) dan

“لأن أريد أن أعمل عملي كمسلم”

(kerana saya mahu menunaikan tanggungjawab saya sebagai seorang muslim). Pelajar menggunakan strategi ini menunjukkan bahawa mereka berfikir dalam bahasa bunda (Blum-Kulka & Levenston 1983: 132) mereka iaitu bahasa Melayu ketika menghadapi

masalah komunikasi dan seterusnya menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab sama ada perkataan atau frasa secara bulat-bulat dari B1 (3).

Pelajar bahasa kedua juga bercakap dalam bahasa pertama mereka dengan nada yang halus. Perubahan ini terjadi melibatkan pelbagai aspek, dari sebutan dan sintaksis untuk gerak syarat dan ciri-ciri bahasa yang dilakukan pelajar untuk difahami. Sebagai contoh, penutur bahasa Perancis yang bercakap bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua menyebut bunyi /t/ dalam bahasa Perancis berbeza dengan penutur yang hanya berbahasa Perancis. Walaupun pada awal pemerolehan bahasa kedua, perubahan ini juga didapati dalam sebutan; sebagai contoh, penutur bahasa Inggeris menyebut bunyi huruf /p t k/ dan huruf vokal dalam bahasa Inggeris adalah berbeza selepas mereka mula mempelajari bahasa Korea. Kesan daripada bahasa kedua ini, telah membawa Vivian Cook (2016) sebagai pengkaji pertama untuk mencadangkan idea kepelbagaian kecekapan, dengan melihat seseorang yang bertutur dalam pelbagai bahasa bukan dilihat sebagai sistem yang berlainan, tetapi sebagai satu sistem yang berkait dengan minda mereka.

2.2.3 Tahap-Tahap Pemerolehan Bahasa Kedua

Haynes (Haynes & Judie, 2007) membahagikan proses pemerolehan bahasa kedua kepada lima tahap: pra produksi, produksi awal, bicara awal, fasih dan mahir.

Tahap pertama: Pra-produksi Tahap awal adalah pra-produksi, yang juga dikenali dengan tempoh diam, di mana pelajar tak banyak bicara kerana mereka hanya memiliki kosa kata reseptif hingga 500 kata tetapi mereka masih belum mampu bertutur dalam bahasa kedua. Dalam menentukan saiz kosa kata bahasa Arab pula, sebahagian pakar mencadangkan bahawa pelajar di peringkat rendah perlu menguasai sebanyak 750 sehingga 1000 patah perkataan. Ini membuktikan bahawa penguasaan kosa kata adalah penting

dalam memperoleh bahasa kedua. Manakala pada tahap ini, tidak semua pelajar melalui tahap diam. Seseengah pelajar terus memasuki tahap berbicara dan mula bercakap dengan segera, meskipun kata-kata yang mereka gunakan hanya meniru bukan daripada penggunaan kreativiti berbahasa. Bagi para pelajar yang telah melalui tahap diam, kebiasaannya hal itu hanya mengambil masa selama tiga sampai enam bulan.

Tahap kedua: Produksi awal Pada tahap ini, pelajar dapat bercakap dalam frasa pendek satu atau dua perkataan. Mereka juga dapat mengingat potongan kata-kata dalam bahasa kedua, meskipun masih mengalami banyak kesalahan dalam penggunaannya. Pelajar bahasa kedua dalam tahap ini telah memiliki kosa kata aktif dan pasif sekitar 1000 perkataan. Pakar bahasa Tu'aymah (2006), mencadangkan bahawa pelajar di peringkat pertengahan perlu menguasai sebanyak 1000 sehingga 1500 patah perkataan. Tahap ini normalnya berlangsung selama enam bulan.

Tahap ketiga: Awal bicara Tahap ketiga adalah awal bicara. Kosa kata pelajar bahasa kedua pada tahap ini meningkat sehingga 3000 patah perkataan dan mereka dapat berkomunikasi dengan soalan ringkas dan frasa-frasa sederhana. Pada tahap ini mereka sering mengalami kesalahan tatabahasa. Selain tu, menurut Kementerian Pendidikan (2002), penguasaan lingkungan 2000 patah perkataan adalah diperlukan bagi pelajar di peringkat menengah mengikut sukatan pelajaran buku teks BAT. Sementara tu, saiz penguasaan kosa kata pelajar dikemaskini berdasarkan saranan pihak kementerian kepada 1500 patah perkataan penguasaan (Harun, Zawawi, 2014).

Tahap keempat: Kelancaran pertengahan. Pada tahap ini, pelajar telah memiliki lebih dari 6000 kosa kata, dan dapat menggunakan ayat dengan struktur yang lebih kompleks. Mereka juga dapat berkongsi pendapat dan pandangan mereka. Namun, pelajar masih kerap kali melakukan kesalahan dalam struktur ayat yang lebih kompleks.

Tahap terakhir ialah mahir, yang kebiasaannya tercapai antara lima sehingga sepuluh tahun pembelajaran bahasa. Pada tahap ini, pelajar hampir dapat bertutur sama seperti penutur asal bahasa.

Waktu yang diperlukan untuk mencapai tahap mahir bergantung kepada jenis bahasa yang dipelajari. Menurut penelitian yang dilakukan oleh *Foreign Service Institute* di Amerika, dari 63 bahasa yang dianalisis, lima bahasa agak sukar untuk mencapai tahap mahir, terutama pada kemampuan membaca dan berbicara, iaitu bahasa Arab, Mandarin, Jepun dan Korea. Bahasa-bahasa tersebut memerlukan sekitar 88 minggu atau 2200 jam kelas untuk dikuasai.

Menurut Nation (Nation & Waring, 1997), pengetahuan kosa kata membolehkan penggunaan bahasa. Manakala penggunaan bahasa pula, boleh meningkatkan penguasaan kosa kata, pengetahuan kosa kata boleh meningkatkan penggunaan kosa kata dan seterusnya.

2.3 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBELAJARAN BAHASA KEDUA

Kebanyakan para penyelidik telah melakukan kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa kedua khususnya berkaitan pembelajaran kosa kata dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan.

2.3.1 Faktor Sikap Pelajar

Sikap dari segi penelitian ilmu psikologi ialah suatu bentuk psikologi, entiti mental dan emosi yang diwarisi, atau sesuatu yang dapat mengkategorikan bentuk seseorang. Sikap adalah kompleks dan ia merupakan suatu keadaan yang diperoleh melalui pengalaman.

Sikap dianggap sebagai kunci kepada komponen motivasi dan merupakan unsur utama proses motivasi, yang memberi kesan dan secara aktif menyumbang kepada penguasaan bahasa lain (Gardner dan Lambert, 1972). Menurut Fishbein dan Ajzen, (1991) apa-apa tindak balas umum yang boleh ditempatkan sepanjang dimensi kesungguhan dari negatif ke positif dianggap sebagai sikap. Sikap terhadap tingkah laku dibentuk oleh:


- a. *Behavioral Belief* (tingkah laku kepercayaan), iaitu kepercayaan bahawa tingkah laku akan menghasilkan output atau kepercayaan terhadap adanya konsekuensi dari kelakuan tingkah laku tertentu
- b. *Outcomes Evaluation / Evaluation of the Consequency* (Penilaian Konsekuensi), iaitu. penilaian seseorang terhadap output atau penilaian terhadap konsekuensi dari kepercayaan tingkah laku.

Menurut Gardner (1985), Richards et al. (1993) dan Parilah (2009), sikap terhadap bahasa kedua adalah perasaan seseorang terhadap bahasa lain yang bukan bahasa ibundanya di mana ia memberi kesan terhadap pembelajaran bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, Gardner (1985) dalam model teorinya iaitu model *socio-educational* telah membahagikan sikap bahasa kepada dua bahagian. Pertama, sikap terhadap pembelajaran bahasa kedua. Keduanya adalah sikap terhadap golongan bahasa kedua. Nur Hidayati dan Zamri (2014) dalam kajiannya menerangkan aspek sikap yang diperkenalkan oleh Gardner et. al (1991) iaitu sikap pembelajaran bahasa kedua, minat mempelajari bahasa asing, sikap ketika situasi pembelajaran bahasa kedua, keinginan mempelajari bahasa kedua, orientasi integratif, tindak balas terhadap pengajaran guru bahasa kedua dan sikap terhadap kursus bahasa kedua.

Manakala menurut Ajzen (1975) dan Baker (1992), sikap ialah apa yang dipelajari dan kesan yang positif atau negatif kepada seseorang, objek, institusi, peristiwa atau idea. Secara umumnya, teori sikap yang diperkenalkan oleh Gardner (1985) mempunyai hubungan yang rapat dengan penguasaan terhadap bahasa kedua. Elemen-elemen yang diperkenalkan oleh beliau adalah dari segi sikap positif, penutur bahasa sasaran dan budaya bahasa sasaran dalam memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran. Manakala sikap negatif pula boleh mengganggu dan menghalang proses pembelajaran bahasa dan penutur bahasa sasaran tersebut.

Gardner (1985) merupakan seorang pelopor dalam kajian sikap bahasa. Beliau mengatakan bahawa pembelajaran bahasa kedua adalah fenomena sosial psikologi. Gardner juga menegaskan bahawa adalah penting untuk mempelajari keadaan di mana fenomena mengambil alih dan pemboleh ubah yang mempengaruhi bagaimana seorang pelajar mempelajari bahasa kedua. Pernyataan Gardner ini dipengaruhi oleh konsep '*social psychological*' Lambert (1963 a,b). Bagi memudahkan pemahaman konsep tersebut, Gardner (1985) telah membentuk konsep tersebut kepada bentuk model. Model teori Lambert sebahagian besar memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh faktor-faktor afektif. Faktor-faktor ini digambarkan dalam Rajah 2.1.

Rajah 2.1 menunjukkan elemen-elemen utama dalam model psikologi-sosial pemerolehan bahasa kedua. Gardner (1985) berpendapat bahawa 'darjah kejayaan individu dalam memperolehi bahasa kedua bergantung kepada kecenderungan etnosentrik, sikap terhadap komuniti lain, orientasi terhadap pembelajaran bahasa dan motivasi.'



Rajah 2.1: Model 'Social Psychological' (sumber: Gardner, 1985:133)

Dalam model ini, sikap dan orientasi, motivasi dan kecenderungan menunjukkan kesan secara langsung terhadap kecekapan bahasa oleh pelajar. Terdapat dua jenis orientasi yang berbeza iaitu integratif dan instrumental. Orientasi integratif merujuk kepada keinginan untuk mempelajari dan menjadi sebahagian dari komuniti budaya lain (Lambert 1963b:114). Orientasi instrumental pula menekankan tujuan/matlamat pembelajaran bahasa iaitu nilai utilitari pencapaian linguistik seperti kerjaya.

Orientasi integratif menitikberatkan penglibatan emosi dengan komuniti bahasa kedua manakala orientasi instrumental adalah sebaliknya. Walaubagaimanapun, (Lambert 1963b) menekankan bahawa terdapat beberapa orientasi yang lain. Sebagai contoh, seseorang itu mungkin mempelajari bahasa kedua untuk menjadi sebahagian dari komuniti bahasa agar dapat mengeksploitasi, memanipulasi atau mengawal dengan agenda personal mereka (Lambert, 1963b:114).

Dalam Rajah 2.1, sikap merujuk kepada apa-apa reaksi sikap yang melibatkan komuniti bahasa lain termasuk kecenderungan untuk bersikap non-etnosentrik (Gardner, 1985:134). Orientasi pula merujuk kepada apa-apa sahaja tujuan/penyebab mempelajari bahasa (ms. 134). Kecenderungan merujuk kepada apa jua kebolehan

kognitif meliputi kepintaran dan kecenderungan bahasa (ms. 134). Motivasi merujuk kepada kombinasi usaha dengan keinginan untuk mencapai matlamat pembelajaran dengan sikap yang baik terhadap pembelajaran bahasa. Berdasarkan Rajah 2.1, sikap dan orientasi digabungkan bersama sebagai satu unit dan ia dikatakan akan mempengaruhi tahap motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa kedua. Manakala, sikap dan orientasi, kecenderungan dan motivasi akan memberi kesan kepada pencapaian bahasa (Gardner, 1985:134).

Menurut Gardner (1985), kecekapan dalam bahasa kedua akan membawa perubahan kepada identiti pelajar bahasa kedua. Jika pembelajaran bahasa kedua tidak mempunyai tekanan atau mengurangkan kepentingan bahasa pertama, hasilnya adalah kepada '*additive bilingualism*'. Dalam beberapa kes, pelajar bahasa kedua mungkin mengalami perubahan dalam diri sendiri (Gardner, 1985:134) namun mereka menunjukkan peningkatan yang positif dalam berkomunikasi.

Sebaliknya, sekiranya pembelajaran bahasa kedua melibatkan ancaman, ia mungkin menghasilkan '*subtractive bilingualism*'. Dalam proses pembelajaran bahasa, ancaman ini menimbulkan perasaan yang berhubung dengan kehilangan identiti budaya. Oleh yang demikian ia membawa kepada pengasingan.

Oleh tu, Gardner (1985) berpandangan model psikologi sosial oleh Lambert adalah sesuai diguna pakai sebagai asas utama terhadap model '*socio-educational*' pemerolehan bahasa kedua yang dicadangkan oleh beliau. Ini adalah kerana, model ini menekankan ciri-ciri linguistik iaitu mengambil kira peranan perbezaan individu dalam meningkatkan kecekapan bahasa.

Konsep sikap adalah rumit untuk digambarkan. Allport (1954 menerusi Bordens dan Horowitz, 2008: 157) menggambarkan sikap sebagai 'keadaan kesediaan mental dan neural, yang disusun melalui pengalaman, memberikan pengaruh langsung atau dinamik kepada respons individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya. Gardner (1985) mencadangkan bahawa sikap adalah 'jumlah kesangsian

dan perasaan manusia, kecenderungan atau prasangka, ancaman, ketakutan, perasaan awal dan kecaman mengenai topik yang ditunjuk'. Brown (2007) menggambarkan sikap sebagai satu set kepercayaan bahawa pelajar berpegang kepada bahasa sasaran sama ada ia penting, menarik, membosankan, dan sebagainya. Dalam kajiannya, Ellis (1994) mendapati bahawa pelajar menunjukkan sikap yang berbeza terhadap bahasa sasaran, penutur bahasa sasaran, budaya bahasa sasaran, nilai sosial pembelajaran bahasa kedua, kegunaan khusus bahasa sasaran, seperti kemahiran berbahasa, diri sebagai ahli budaya mereka sendiri, keutamaan bahasa, dan sikap ibubapa terhadap pembelajaran bahasa.

2.3.2 Faktor Guru

Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) dalam Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan menyebut, antara bidang keberhasilan utama guru adalah menyampaikan kandungan kurikulum dalam bilik darjah melalui pelbagai kaedah pedagogi dan aplikasi yang melibatkan murid, dan mengaplikasikan teknik penilaian berkaitan yang boleh mencerminkan pembelajaran murid bagi mencapai hasil pembelajaran berkesan. Guru juga berperanan menjadi fasilitator pembelajaran murid melalui perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menarik perhatian dan minat murid. Dalam proses pembelajaran yang berkesan, guru membantu melaksanakan kajian tindakan dan menggunakan hasil kajian untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta membimbing murid untuk mengamalkan pembelajaran sendiri.

Guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pengajaran yang berasaskan kepada bahasa. Beberapa aspek seperti kaedah, pendekatan dan pengaplikasian dalam pengajaran mempunyai perkaitan yang relevan untuk dilaksanakan oleh guru. Semua prinsip ini mampu dilaksanakan oleh guru dalam kelas bagi menjamin keberkesanan pengajaran dalam kalangan pelajar (Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir, & Mohd Firdaus Yahaya, 2014). Guru

merupakan antara individu yang paling dekat dengan pelajar yang seharusnya memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di Malaysia serta mengembalikan pendidikan bahasa Arab setaraf dengan keistimewaannya dalam sistem pendidikan negara (Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman, & Zamri Arifin, 2014).

Ketidakselarasan strategi dan pendekatan pengajaran guru dengan keperluan dan gaya pembelajaran murid di mana murid tidak tahu teknik dan cara pembelajaran yang berkesan juga menjadi punca kepada kemerosotan pelajar. Faktor tenaga pengajar boleh dilihat dari tiga sudut iaitu , pertamanya; kemahiran guru dalam mengajar bahasa, kedua; kemahiran guru dalam menguasai selok- belok bahasa yang diajar dan ketiga; personaliti guru bahasa. Hal ini dapat dikaitkan dengan teori tingkah laku atau behaviourisme.

Menurut Williams & Anandam (1973), pembelajaran ialah perubahan tingkah laku kekal yang dihasilkan daripada pengalaman atau latihan. Teori pembelajaran behaviourisme mengatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelaziman, di mana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang tekal. Teori behaviourisme ini dipelopori oleh Leonard Bloomfield dalam bukunya *Language* (1933). Menurut Bloomfield (1933), penguasaan bahasa melalui latihan, bukan melalui ilmu semata-mata. Pendapat ini melahirkan aliran yang menganggap pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah proses mekanikal untuk membentuk tabiat dan melalui latihan pengulangan. Tokoh-tokoh mazhab behavioris seperti Pavlov, Thorndike dan Skinner berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu tingkah laku yang boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Dari perspektif behaviourisme, pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap suatu rangsangan yang diberi.

Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai (sama ada peneguhan positif atau negatif) sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan.

Behaviourisme merupakan satu pendekatan pemikiran yang menekankan peranan pengalaman dalam mengawal tingkah laku. Menurut ahli-ahli behaviourisme, proses-proses penting yang mengawal tingkah laku ini adalah dipelajari. Kedua-duanya, iaitu dorongan yang membangkitkan tingkah laku serta tingkah laku tertentu yang dibangkitkan daripada dorongan ini dipelajari melalui interaksi dengan persekitaran. Antara matlamat utama pemikiran ini ialah bagi menentukan hukum-hukum ataupun prinsip-prinsip yang mengawal pembelajaran. Antara tokoh-tokoh ahli behaviourisme yang terkemuka, yang akan dibincangkan di sini ialah van Pavlov, J.B. Watson, E.L. Thorndike dan B.F. Skinner. Eksperimen-eksperimen yang mereka jalankan menjadi asas kepada prinsip dan idea pembelajaran.

Al-Syaibani (1979) menerusi Noorzawani Zainal (2006), menegaskan, dalam memilih kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

“tiada satu metod pengajaran yang berguna untuk semua tujuan pendidikan dan semua mata pelajaran. Begitu juga tiada pengkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih metod yang sesuai dalam tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar, serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar-pelajar.”

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa, guru perlu berperanan secara bijak dalam memilih kaedah pengajaran kepada pelajar. Ini bagi memastikan tujuan pendidikan yang diinginkan dan tujuan pelajaran yang hendak dicapai dapat dilaksanakan bagi mencapai tahap kecemerlangan setiap pelajar (Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A. & Yahya, R. (2012).

Terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan oleh guru untuk mempelbagaikan situasi rangsangan. Pertama adalah dengan cara mempelbagaikan tingkah laku. Kedua adalah dengan cara mempelbagaikan pengalihan saluran deria, ketiga dengan cara mempelbagaikan pola interaksi guru dan murid dan keempat, dengan cara mempelbagaikan pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan alat

bantu mengajar. Selain tu, wajar diadakan satu waktu yang khas untuk mata pelajaran kosa kata bahasa Arab. Program memperkasakan kosa kata bahasa Arab ini boleh dilaksanakan secara santai sama ada sebelum atau selepas P&P seperti mengadakan kuiz kosa kata, silang kata, nyanyian, berdrama dan juga pembelajaran *online*. Harus disedari bahawa, menguasai kosa kata bukan sekadar dengan cara menghafal, malah ia harus sentiasa diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Nurain Syafina binti Husaini & Norhayuza binti Mohamad, 2018).

Berdasarkan teori ini, terdapat satu pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa iaitu melalui pendekatan induktif. Pendekatan induktif ialah memulakan sesuatu pengajaran itu dengan memberikan contoh-contoh terlebih dahulu dan kemudian baharulah diterangkan. Bagi meningkatkan pencapaian bahasa Arab yang baik dalam kalangan pelajar, pendedahan kosa kata harus diberi dalam pengajaran bahasa. Penguasaan ini boleh berlaku melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Haruslah difahami bahawa mempelajari bahasa Arab jauh sekali perbezaannya dengan mempelajari bahasa Inggeris. Salah satu elemen yang penting untuk menguasai sesuatu bahasa itu ialah kemampuan bagaimana untuk berfikir dalam bahasa tersebut. Setiap pakar menggunakan kaedah yang berbeza antara satu sama lain. Namun terdapat empat kaedah penting dalam pengajaran bahasa Arab seperti yang dinyatakan oleh Ahmad Kilani (2001). Kaedah yang dimaksudkan ialah Kaedah nahu Terjemah (*al-Qawaidwal Taijamah*), Kaedah Langsung (*al-Mubasharah*), Kaedah dengar dan tutur (*al-Sam'iyah al-Shafawiyyah*), Kaedah Elektik (*al-Intiqah'iyah*), dan beberapa kaedah lain. Namun, kaedah-kaedah ini tidak tertumpu kepada penguasaan kosa kata bahasa Arab secara eksplisit.

Proses pembelajaran hendaklah diberi penekanan kepada pengumpulan kosa kata dalam pelbagai bidang. Guru hendaklah membimbing pelajar dalam beberapa aktiviti bagi meningkatkan penguasaan kosa kata yang dapat dipertingkatkan melalui kepelbagaian pendekatan pembelajaran. Guru tidaklah hanya menterjemah teks

bacaan semata-mata, tetapi hendaklah melibatkan pelajar bersamanya bagi mencari makna perkataan dalam teks bacaan. Dengan adanya interaksi ini, pelajar akan dapat berfikir dan menerima pelajaran dengan mudah, khususnya dalam menguasai kosa kata. Menurut Virginia (1983) pelajar tidak boleh mengumpul semua perkataan yang terdapat dalam teks bacaan. Mereka hendaklah mengumpul perkataan yang selalu berulang sahaja, perkataan yang kurang dan perkataan yang ganjil. Perkataan yang selalu berulang hendaklah dikumpul dan dihafal bersama ayatnya bagi memudahkan mengingatnya. Kosa kata ini penting bagi membekalkan bahasa yang baik.

Pengajaran kosa kata perlu menekankan pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana pendidikan bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata (Rosni Samah, 2013). Beberapa cadangan dikemukakan untuk membantu usaha menguasai kosa kata antaranya.

i. Pemilihan Perkataan

Guru hendaklah memilih perkataan untuk dibekalkan kepada pelajar. Perkataan tersebut hendaklah perkataan yang selalu berulang dalam bidangnya, perkataan yang mudah disebut oleh pelajar, perkataan yang khusus dalam bidangnya dan perkataan yang baharu ditemui dalam setiap bacaan.

ii. Menterjemah Perkataan

Dalam menterjemahkan perkataan, para guru hendaklah menterjemahkan perkataan yang baharu ditemui dan meminta pelajar juga menterjemahkannya melalui penerangan maknanya dalam bahasa Arab, memberi perkataan berlawanan, memberi perkataan sama erti, melakukan aksi, membina ayat, menggunakan gambar atau objek, merujuk kepada kamus dan akhirnya menterjemah ke dalam bahasa ibunda.

iii. Penerangan Makna Perkataan

Dalam proses penerangan makna perkataan pula, guru dan pelajar digalakkan membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna

perkataan tertentu sahaja dan membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baharu ditemui sahaja. Bagi pengukuhan penguasaan perkataan, guru dan pelajar digalakkan mengulang kaji perkataan baharu sebelum setiap sesi pengajaran berikutnya atau mengulang kaji perkataan yang dipelajari sebelumnya untuk setiap sesi pengajaran berikutnya.

iv. Penggunaan Perkataan

Bagi menambahkan kemahiran penggunaan perkataan, guru dan pelajar hendaklah sentiasa memastikan operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya atau operasi kelas dijalankan dalam dwibahasa. Guru hendaklah kurang bercakap dan memberi peluang kepada pelajar bercakap lebih, guru dan pelajar hendaklah sentiasa berinteraksi dalam kelas. Guru-guru perlu sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar dalam dan juga di luar kelas, guru sentiasa menggalakkan pelajar bercakap bahasa Arab dan aktiviti di sekolah hendaklah dijalankan dalam bahasa Arab.

Selain pendekatan pengajaran kosa kata yang dikemukakan oleh sarjana pendidikan bahasa Arab, guru juga boleh mengaplikasikan teori behaviourisme dalam kalangan pelajar dalam kelas bagi mencapai hasil pembelajaran kosa kata yang diharapkan. Sebagai contoh teknik pengubahsuaian tingkah laku termasuk pujian, sistem ganjaran, maklum balas berterusan, pengukuhan positif dan disiplin yang bukan bersifat dendaan. Behaviourisme masih lagi relevan pada masa kini ketika diperkenalkan kepada sekolah-sekolah pada tahun 1950-an oleh B.F Skinner. Menurut Skinner, tingkah laku merupakan tindak balas yang diperkuatkan dari hasil akibat tingkah laku tersebut. Sebagai contoh, jika pelajar itu diberi ganjaran untuk melakukan kerja tambahan, mereka menjadi lebih cenderung untuk mengulangi perilaku tersebut.

2.3.3 Faktor Sokongan ibu Bapa

Keadaan sosio-ekonomi yang dilihat seperti sikap ibu bapa terhadap pendidikan, aspirasi ibu bapa kepada anak-anak, aktiviti-aktiviti yang memacu perkembangan intelek dalam keluarga, akan mencapai hubungan yang kukuh diantara sosio-ekonomi dengan pencapaian pelajar di sekolah. Para pelajar perlu mempunyai dorongan dan sikap yang sihat untuk belajar dengan berkesan. Dorongan dan sikap yang sihat ini menjadi faktor sosial dan budaya. Dorongan dan motivasi sangat penting kepada seseorang pelajar dalam proses mempelajari bahasa kedua. Pembelajaran boleh bermula di rumah melalui komunikasi dengan keluarga bagi membentuk kebiasaan (Noor Zila Md. Yusuf & Amir Juhari, 2012).

Pengaruh keluarga merupakan faktor penting yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sama ada perempuan dan lelaki. Justeru, didikan dan dorongan keluarga amat berkait rapat untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam kedua-dua jantina. Pendidikan keluarga dan status sosioekonomi memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar di semua peringkat pendidikan. Pelajar dengan keluarga yang kedua-duanya ibu bapa mereka yang berpendidikan tinggi lebih cenderung untuk mencapai tahap tertinggi dalam akademik. Selain tu, pelajar yang berasal dari keluarga yang mempunyai skala pendidikan tinggi juga mempunyai peluang statistik yang jauh lebih baik untuk menyambung pengajian di institusi pendidikan tinggi (Oloo, 2003).

Menurut Henderson & Berla (1994), pencapaian anak-anak di sekolah bukanlah bergantung kepada pendapatan atau status sosial ibu bapa, tetapi ia bergantung kepada sejauh manakah penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah. Sebagai contoh, sejauh manakah keluarga seseorang pelajar dapat mewujudkan persekitaran rumah yang menggalakkan dalam proses pembelajaran. Kajian lepas telah mengenal pasti empat peranan yang dimainkan oleh ibu bapa yang menyumbang kepada pembelajaran anak-anak iaitu; ibu bapa sebagai guru, ibu bapa sebagai penyokong, ibu bapa sebagai *advocates* dan ibu bapa sebagai pembuat keputusan. Ini menunjukkan keluarga merupakan faktor yang sangat berpengaruh

kepada pembelajaran pelajar. Sekiranya ibu bapa dapat menunjukkan minat seperti sering berbincang dengan anak-anak mereka tentang pelajaran walaupun tidak secara khususnya harus memberi tunjuk ajar kepada anak mereka dalam kandungan mata pelajaran, pelajar akan merasakan pelajarannya diberi perhatian oleh ibu bapa.

Menurut Morrison (1978), pengertian penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa untuk membantu. Ibu bapa mencari kekuatan dan bakatnya serta menggunakannya bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi boleh menentukan pencapaian kanak-kanak dalam matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Penglibatan ibu bapa perlu digalakkan kerana memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan kejayaan akademik kanak-kanak (Hountenville & Conway, 2008).

Epstein et al.(2002) telah memperkenalkan enam jenis penglibatan ibu bapa di mana setiap jenis penglibatan mempengaruhi amalan perkongsian dan juga pelaksanaan perkongsian yang berbeza. Walaupun begitu, sekiranya dilaksanakan dengan baik, kesemuanya akan memberi impak yang positif terhadap murid, guru dan ibu bapa (Epstein et al., 2002). Enam jenis penglibatan tersebut ialah; keibubapaan (*parenting*) yang merujuk kepada tanggungjawab asas keluarga seperti memastikan kesihatan dan keselamatan anak. Ini termasuk membantu keluarga dengan kemahiran keibubapaan, memberi sokongan kepada keluarga, memahami perkembangan kanak-kanak dan remaja serta menyediakan suasana rumah yang membantu proses pembelajaran bagi setiap peringkat umur dan tahap pendidikan. Jenis penglibatan ini termasuk juga membantu pihak sekolah memahami latar belakang keluarga, budaya dan sasaran untuk anak-anak. Jenis yang kedua pula ialah komunikasi (*communicating*) iaitu merujuk kepada komunikasi dari sekolah ke rumah tentang program sekolah dan peningkatan anak-anak.

Dalam hal ini, pihak sekolah bertanggung jawab dalam merangka satu bentuk komunikasi yang berkesan agar keluarga dapat dimaklumkan dengan program sekolah dan juga perkembangan anak-anak. Penglibatan jenis ini adalah untuk membentuk saluran komunikasi dua hala antara sekolah dan rumah. Jenis penglibatan ketiga dikenali sebagai penyumbang sukarelawan (*volunteering*). Penglibatan jenis ini merujuk kepada ibu bapa yang secara sukarela membantu guru, pengetua atau guru besar dan juga anak-anak dalam bilik darjah dan juga aktiviti berasaskan sekolah. Ia juga merujuk kepada ibu bapa yang hadir ke sekolah untuk menyokong persembahan murid, aktiviti sukan, menghadiri bengkel pendidikan dan program-program latihan yang dapat meningkatkan diri mereka dalam membantu pembelajaran anak-anak mereka. Jenis penglibatan keempat menurut Model Epstein ialah pembelajaran di rumah (*learning at home*) iaitu aktiviti daripada inisiatif ibu bapa atau inisiatif permintaan anak-anak untuk mendapatkan bantuan, dan juga arahan guru supaya ibu bapa memantau dan membantu aktiviti pembelajaran anak-anak mereka di rumah yang berkaitan dengan kerja sekolah anak-anak.

Seterusnya bagi penglibatan kelima iaitu yang dikenali sebagai “membuat keputusan” (*decision making*). Ibu bapa mengambil peranan sebagai pembuat keputusan dalam Persatuan ibu Bapa dan Guru (PIBG), majlis penasihat atau apa jua persatuan di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Ia juga termasuk penglibatan ibu bapa bersama aktivis masyarakat kumpulan pejuang bebas yang memantau sekolah dan berusaha untuk memajukan sekolah. Jenis penglibatan yang terakhir ialah bekerjasama dengan masyarakat (*collaborating with the community*). Penglibatan jenis ini pula merujuk kepada hubungan sekolah dengan agensi, wakil perniagaan, kumpulan agama dan kumpulan lain yang bersama-sama berkongsi tanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak dan kejayaan masa depan mereka. Menurut Epstein et al. (2002) lagi, enam bahagian model ini terdiri daripada semua aspek amalan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.

Model komprehensif ini bertindak sebagai jambatan kepada guru, keluarga dan masyarakat untuk bekerjasama bagi pencapaian sekolah dan kerjasama keluarga. Jelasnya, perkongsian keluarga dan sekolah hanya akan berjaya sekiranya murid,

keluarga, guru dan masyarakat berkolaborasi dan berinteraksi antara satu sama lain dalam pembelajaran anak-anak. Program komprehensif ibu bapa akan menggabungkan enam keutamaan tersebut dalam pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan Tindakan yang terdiri daripada ibu bapa, guru, murid, pentadbir dan ahli masyarakat. Epstein et al. (2002) menekankan keperluan perancangan orang biasa melibatkan semua *stakeholders*. Dalam konseptualisasinya, ibu bapa, guru dan ahli masyarakat diungkapkan seperti '*spheres of influence*' di mana semua *stakeholders* adalah rakan kongsi yang setara dalam pembelajaran murid.

Dalam aspek sokongan ibu bapa terhadap domain kosa kata bahasa Arab, selain faktor keagamaan, kajian mendapati bahawa sokongan moral dapat memberi faedah kepada diri pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Arab sebagai rangsangan luaran. Bentuk sokongan moral ini boleh diterima daripada guru, ibu bapa, rakan atau sesiapa sahaja. Melalui pendekatan ini, para pelajar bersemangat dan bermotivasi untuk terus mempelajari kosa kata bahasa Arab (Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Musab, 2018).

2.4 PEMBELAJARAN KOSA KATA

Menurut beberapa sarjana Barat (Larry Selinker, 1972; Haynes & Judie, 2007; VanPatten, Bill, Benati, Alessandro G., 2010), terdapat tiga kunci utama yang menyebabkan peningkatan dan memperkembangkan kosa kata. Penguasaan dalam aspek kosa kata yang baik atau signifikan akan membantu pelajar menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis manakala penguasaan kosa kata yang lemah menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam proses pembelajaran dalam pemerolehan bahasa kedua. Maka, penguasaan kosa kata perlu menjadi keutamaan di samping komponen lain dalam proses pembelajaran bahasa.

i. Kosas kata merupakan kunci komunikasi

Bagi pelajar, matlamat utama dalam pembelajaran bahasa kedua adalah supaya dapat berkomunikasi dengan bahasa yang baru. Jika kecenderungan pelajar dalam kemahiran bukan lisan, maka menguasai kosas kata bukan sahaja penting, malah ia adalah kritis dalam suasana pembelajaran pemerolehan bahasa kedua.

Terdapat sebab mengapa kita perlu membawa kamus ketika melancong dan bukannya membawa buku tatabahasa. Seperti mana David A. Wilkins (1972), pakar bahasa dari Jerman mengatakan: 'tanpa kemahiran tatabahasa, sangat sedikit dapat disampaikan, tanpa kosas kata tiada apa-apa dapat disampaikan'.

ii. Kosas kata yang mantap dapat memperkembangkan kemahiran-kemahiran lain

Tidak dinafikan lagi kosas kata merupakan asas kepada pemerolehan bahasa kedua, namun bagaimana pula dengan dimensi yang lain? Perlukah kita mengambil perhatian kepada aspek pembelajaran bahasa yang lain?

Sememangnya perlu, dengan memperkasakan kosas kata secara langsung dapat memberi impak yang positif kepada daya tahan pelajar dalam membina kecekapan berbahasa secara menyeluruh. Pakar terkemuka pengkaji bahasa Paul Nation (1994) menyatakan: 'kosas kata tidak terhenti padanya sahaja penguasaan kosas kata yang kaya mampu menjadikan kemahiran mendengar, bercakap, membaca, dan menulis semakin mudah untuk dilaksanakan. Apabila memori kerja seseorang tidak diisi dengan keraguan tentang ejaan, pengucapan dan penggunaan ayat dalam perkataan yang betul, pelajar dapat memberi tumpuan yang penuh dalam aspek bahasa ke tahap yang lebih tinggi seperti menggunakan struktur ayat yang tepat dan ungkapan yang sesuai untuk perbualan tertentu yang berlaku.

iii. Semakin banyak perkataan dikuasai, semakin banyak yang akan dipelajari

Pembelajaran kosa kata memerlukan fokus yang mendalam, dan lazimnya proses pembelajaran ini berlaku secara inferens menyelusuri pembacaan dan pendengaran dengan menggunakan *context clue* untuk mencari makna. Walau bagaimanapun, pembelajaran seperti ini mungkin hanya berlaku jika jumlah perkataan yang belum diketahui masih berada pada tahap yang rendah (Nation & Paul, 1990).

Tuntasnya, pelajar perlu menguasai sebilangan kosa kata kunci supaya dapat meneroka perkataan baru yang muncul melalui kandungan bacaan. Hal ini bermakna pelajar yang menguasai kosa kata kunci dapat mengaplikasikan kata-kata yang diketahuinya untuk belajar dengan lebih lanjut, berbanding pelajar yang kurang memiliki jumlah aspek kosa kata (Folse & Keith S., 2004). Proses pembelajaran akan menjadi lebih pantas dan sistematik jika pelajar dapat membezakan pula antara kosa kata-kosa kata penting yang menjadi kata kunci mengikut subjek dan topik yang dipelajari (Zainur Rijal, Rosni, Mohammad Fauzi, Mohd Shahrman, 2016).

2.4.1 Kosa Kata Bahasa Arab

Kosa kata merupakan komponen utama dalam bahasa Arab iaitu *'ilmu nahu* (ilmu morfologi bahasa Arab). Bagi menjelaskan perkaitan kosa kata atau perbendaharaan kata atau kalimah bahasa Arab dengan ilmu morfologinya, perlu diperjelaskan definisi nahu terlebih dahulu. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) telah mendefinisikan nahu sebagai cabang ilmu linguistik yang berkait dengan sintaksis, morfologi dan sebagainya.

1. Dari segi tatabahasa – nahu diertikan sebagai bentuk yang mengkaji bentuk kata dan kata-kata terbitannya.
2. Dari segi morfologi – mengkaji bahasa dalam penggunaan yang sebenarnya.

3. Ilmu bahasa – sarwajagat pengkajian bahasa secara umum (tidak terhad kepada sesuatu bahasa sahaja)
4. Ilmu – ilmu jalan bahasa (penyusunan kata dan ayat).
5. Nahu – rangkai kata nahu yang hanya menerbitkan makna.

Daripada pengertian yang dinyatakan, mudahlah untuk memahami perkaitan kosa kata bahasa Arab dengan ilmu morfologi bahasa Arab. Kemuncak keupayaan berbahasa itu terletak kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna mengikut sistem nahu (Chomsky 1965). Menurut Mohd Rashid (2012), nahu atau peraturan adalah penting dan harus dititikberatkan dalam berbahasa. Hal ini adalah kerana, apabila seseorang penutur mengikut nahu atau peraturan dalam berbahasa, maksud bagi sesuatu yang hendak disampaikan itu akan mencapai objektifnya. Nahu atau tatabahasa lazimnya terdiri daripada aspek Morfologi dan Sintaksis. Morfologi merujuk kepada bidang yang mengkaji bahasa pada peringkat perkataan, manakala sintaksis pula merujuk kepada bidang yang mengkaji bahasa pada peringkat binaan ayat (Mohd Rashid, 2012). Para sarjana dan ulama'-ulama' ilmu nahu hebat membahaskan mengenai kosa kata dalam kitab-kitab ilmiah mereka mengikut tahap pemikiran dan kefahaman penuntut ilmu tersebut. Kosa kata merupakan satu tajuk yang sangat penting dalam mana-mana si kandungan naskah ilmiah tatabahasa Arab.

Perkataan kosa kata disebut sebagai *al-kalimah* dan dikatakan *kalimah* terbahagi kepada tiga pada *Lisān al-'Arab* (percakapan orang Arab), iaitu *al-kalam* (perkataan), *aj-jumlah* (ayat), dan *al-jumlah mufidah* (ayat lengkap) seperti mana yang dijelaskan dalam kitab *Taisir Qawaid al-Nahu lil Mubtadiien* (2009: Jld. 3, 11-12). Maka diterangkan dengan lebih lanjut lagi makna kalimah mengikut istilah ilmu nahu, iaitu lafaz yang memberi makna satu perkataan (مفرد) atau perkataan tunggal yang berasingan (قول مفرد مستقل) atau perkataan yang mempunyai dua makna padanya (مقدر منه) seperti contoh berikut:

اجلس انت

Duduklah kamu...

(ayat perintah yang merupakan ayat tunggal yang berasingan dengan kata ganti nama yang dinyatakan secara spesifik)

اجلس...

Duduklah...

(ayat perintah yang mempunyai kata ganti nama tersembunyi dan tidak perlu kepada perkataan kata ganti nama yang berasingan).

Dijelaskan lagi, definisi umum kalimah iaitu kosa kata ini ialah pada *Lisān al-‘Arab* (percakapan orang Arab) dan bukanlah pada percakapan bahasa lain kerana ia diterjemahkan kepada makna yang berbeza mengikut hukum dan kaedah bahasa masing-masing.

Seterusnya, diertikan dengan مفرد (satu perkataan): iaitu perkataan yang tidak tersusun dan menunjukkan kepada makna yang berbilang seperti: رجل – رجال (**lelaki-ramai lelaki**) kedua-duanya ialah satu perkataan walaupun perkataan itu bersifat banyak. مستقيل (Perkataan tunggal yang berasingan) juga dikatakan satu perkataan seperti huruf مضارعة (kata kerja yang menunjukkan pekerjaan yang dilakukan di masa sekarang atau yang akan datang) kerana hanya berasingan dari segi makna sahaja. Manakala مقدر منه (perkataan yang mempunyai dua makna padanya), iaitu padanya terdapat kata ganti nama tersembunyi yang wajib dan harus juga dikatakan satu perkataan walaupun padanya mempunyai kata ganti nama yang tersembunyi.


ضمير مستتر وجوبا – اكتب

Kata ganti nama tersembunyi wajib – tulislah (semantik kata ganti nama)

Kata ganti nama harus – dia berdiri (kata ganti nama ‘dia’ harus dinyatakan kerana semantik kata ganti nama ‘dia’ dalam perkataan ‘berdiri’).

Dapat disimpulkan di sini kalimah tersusun kepada dua susunan iaitu *الكلام المفيد* (perkataan yang lengkap) dan *الجملة المفيدة* (ayat yang lengkap). Kedua-duanya merangkumi ayat dan bukannya satu perkataan. Berlainan daripada bahasa-bahasa semetik yang lain, bahasa Arab mempunyai kaedah yang kompleks dan metod yang luar biasa dalam pembinaan ayat lengkap. Melalui satu kata dasar seperti *يقوم* yang bermakna ‘berdiri’ boleh digabungkan dengan kata ganti nama ‘dia’ iaitu *هو* diterjemahkan bermaksud ‘dia sedang berdiri’ dan menjadi sepotong ayat yang juga merupakan satu kosa kata. Hal ini mungkin menyulitkan dan mengambil sedikit masa untuk mengenal pasti dalam memahami teks bahasa Arab. Walau bagaimanapun, perkara ini dapat dimanfaatkan kerana keindahan bahasa ini, ia dapat menyampaikan makna yang mendalam dan emosi yang tidak dapat ditandingi oleh banyak bahasa.

Ulama’-ulama’ dan tokoh sarjana ilmu nahu Arab membincangkan *al-kalimah* (kosa kata) dengan lebih mendalam dan terperinci. Menurut *Madkhal ‘ilmu al-nahu* (2011: 1), pada bab permulaan ilmu nahu, *kalimah* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kata benda, kata kerja dan kata dan partikel atau kata huruf.



Rajah 2.2: Pembahagian Kosa Kata kepada tiga bahagian

Menurut Mustafa Mahmoud Al-Azhari (2009: Jld. 3, 13-14), dalam penulisannya, pembahagian tiga bahagian *kalimah* dapat diringkaskan kepada tiga perkara;

Pertama: didapati kalimah diklasifikasikan sebagai: subjek (ذات) – peristiwa (حدث) – dan penghubung (رابطة) antara subjek dan peristiwa. Maka subjek ialah kata nama, manakala peristiwa ialah kata kerja dan penghubung ialah partikel.

Kedua: *Kalimah* menunjukkan makna kepada perkataan itu sendiri atau perkataan yang lain; seperti contoh berikut:

فالأول هو المبتدأ والفعل : "محمد يقوم..."

Pertama ialah kata nama dan perbuatan: “**Muhammad sedang berdiri...**”

والثاني هو الحرف : "...في الفصل"

Kedua ialah partikel: “...**di** kelas”

Oleh tu, penggunaan nahu yang sempurna bermaksud penggunaan kata atau perkataan dan ayat yang betul dalam proses berbahasa. (Mohd Rashid, 2012). Hal ini adalah kerana, kombinasi atau gabungan perkataan dan ayat yang digunakan akan menentukan kesempurnaan ayat yang diujarkan oleh penutur.

Sehubungan dengan tu, kosa kata merupakan perkara yang paling asas perlu dipelajari dan dikuasai sebaik mungkin oleh pelajar sebelum mereka mempelajari dan didedahkan dengan kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain. Apabila seseorang pelajar dapat menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik selari dengan penguasaan mereka dalam aspek kata nama, kata kerja dan partikel atau kata huruf, kebolehannya untuk memahami teks dan menggunakannya untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab akan mencapai matlamat pembelajaran bahasa itu sendiri.

Kelemahan pelajar yang menghadapi masalah dalam membezakan antara golongan kosa kata bahasa Arab iaitu, kata nama, kata kerja dan partikel boleh menjejaskan dan mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab. Kelemahan ini tidak seharusnya berlaku kepada pelajar di peringkat menengah kerana pelajar telah mengikuti pengajian bahasa Arab selama lima tahun bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Tambahan pula, pada persekolahan peringkat rendah telah diwujudkan Program Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dalam menguasai kemahiran asas bahasa Arab. Sekiranya masalah ini tidak diatasi pada peringkat awal, ia boleh menjejaskan dan mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab dan tidak akan mencapai matlamat sebenar pembelajaran bahasa tersebut, sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2015).

2.4.2 Penguasaan Saiz Kosa Kata

Kosa kata dikaji secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, yang dianggap sebagai asas keseluruhan penguasaan dan pengembangan bahasa (Nation, 2013). Elemen saiz kosa kata merupakan satu komponen ilmu kosa kata yang sering dikaji dalam menilai kebolehan berbahasa seseorang. Saiz kosa kata ialah jumlah atau kuantiti kosa kata yang dimiliki oleh seseorang individu yang menuturkan sesuatu bahasa. Lazimnya seseorang individu diandaikan memiliki tahap intelek yang tinggi serta berkolerasi dengan pengetahuan yang luas serta memiliki sikap tekun membaca sekiranya memiliki penguasaan saiz kosa kata yang luas (Razif, 2015). Saiz kosa kata mempunyai hubungan korelasi dengan pencapaian dan kemahiran-kemahiran bahasa (Abdul Razif, Mohd. Zaki & Rahman, 2017). Definisi di atas seiring dengan definisi yang dilontarkan oleh Nation dan beberapa pengkaji lain. Saiz kosa kata turut dibuktikan mempunyai hubungan yang kukuh dengan bahasa secara keseluruhannya. Saiz kosa kata juga dianggap sebagai “*benchmark*” dan peramal yang efektif dalam menentukan tahap kecekapan individu dalam kemahiran-kemahiran tersebut (Laufer & Ravenhorst-Kalovski, 2010, Nation, 2001).

Namun, mendefinisikan kontrak pengetahuan kata sangat mencabar kerana sifatnya yang multidimensi. Penyelidik menerangkan tahap pengetahuan kata dengan cara yang berbeza, iaitu menggunakan pendekatan komponen (Nation, 2013), kaedah pengembangan (Henriksen, 1999), dan kaedah holistik (Meara, 2009). Kaedah penyelidik yang paling konvensional untuk mengetahui kontrak leksikal adalah dengan mengukur ukuran kosa kata (iaitu, jumlah kata yang diketahui dari segi hubungan makna-bentuk perkataan) iaitu dimensi "reseptif" dan "produktif". Secara umumnya, kemahiran reseptif meliputi kemahiran mendengar dan membaca serta kemahiran produktif pula terdiri daripada kemahiran bertutur dan menulis. Walaupun begitu, perkembangan hal ini masih tetap terbuka untuk dipersoalkan (Meara, 1997; Melka, 1982). Pandangan mengenai saiz dan jumlah kosa kata ini sentiasa tidak ada ketetapan (Nurain Syafina & Norhayuza, 2019).

Saiz kosa kata ditakrifkan sebagai suatu jumlah atau kuantiti kosa kata yang dikuasai seseorang individu yang menuturkan sesuatu bahasa (Nurain Syafina binti Husaini & Norhayuza binti Mohamad, 2018). Malah menurut Razif (2015), sekiranya seseorang individu menguasai saiz kosa kata yang signifikan kebiasaannya dijadikan sebagai '*benchmark*' atau kayu ukur bagi tahap intelektual yang tinggi dan sering dikaitkan dengan luas pengetahuan seseorang penutur. Definisi diatas seiring dengan definisi yang dilontarkan oleh Nation (2001) iaitu, saiz kosa kata penting kerana dianggap sebagai penanda aras dalam menentukan tahap penguasaan individu dalam kemahiran bahasa. Saiz kosa kata menunjukkan kepada lingkungan perkataan yang dikuasai oleh penuturnya pada suatu peringkat kemahiran bahasa yang khusus. Justeru, penutur yang mempelajari bahasa tertentu akan lebih mudah menghadapi pembelajaran bahasa jika menguasai kuantiti kosa kata yang besar (Curtis, 2006).

Saiz kosa kata juga dilihat berhubung kait yang signifikan dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis (Staehr, 2008; Llach & Gallego, 2009). Hal ini tidak pelik memandangkan saiz kosa kata berkaitan dengan kemampuan menguasai kemahiran membaca, menulis dan kemahiran umum berbahasa serta ia mampu mempengaruhi pencapaian akademik (Saville-Troike, 1984; Laufer, 1997; Stehr, 2008). Harun (2014) mendapati pelajar yang mempunyai penguasaan saiz kosa kata yang rendah tidak mampu menggunakan strategi pembelajaran yang melibatkan kemahiran bahasa terutamanya bertutur dan menulis.

Maksud saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa merujuk kepada jumlah perkataan yang diketahui oleh seseorang (Harun & Zawawi, 2014). Saiz kosa kata dianggap stok perkataan asas yang dikuasai pelajar untuk digunakan dalam pelbagai situasi bahasa yang juga dikenali sebagai leksikon (Nathesan, 2011). Perkara ini merupakan himpunan perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa dan berperanan membentuk sistem leksikalnya (Abdul Razif & Mohd Zaki: 2017). Oleh itu perlu difahami bahawa individu yang ingin mempertingkatkan kemampuannya dalam penguasaan bahasa seharusnya mempunyai saiz kosa kata yang besar dalam bahasa tersebut.

Namun, pengkaji bahasa mempunyai pendapat yang berbeza mengenai persoalan jumlah atau saiz kosa kata yang perlu dikuasai pelajar. Pandangan mengenai saiz dan jumlah kosa kata ini sentiasa tiada ketetapan (Nurain Syafina & Norhayuza, 2019). Kebanyakan sarjana menilai aspek saiz kosa kata hanya dengan menguji berdasarkan penguasaan pelajar dalam kemahiran bahasa secara umum (Azlia Cahyani Ngalawi & Hakim Zainal, 2020). Abd al-Bari (2011) berpandangan bahawa usaha menentukan bilangan perkataan yang perlu diajar kepada pelajar merupakan satu perkara yang agak sukar dilaksanakan. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor pengembangan bahasa, faktor individu serta perkembangan dunia pendidikan dan pengajaran. Bagi tujuan menentukan saiz dan jumlah kosa kata bahasa kedua yang perlu dikuasai, pendapat dan pandangan daripada beberapa ahli sarjana dan pakar bahasa dikemukakan. Senarai maklumat dalam jadual di bawah menunjukkan nama pengkaji bahasa, jenis kosa kata, dan jumlah kosa kata perlu dikuasai berdasarkan tahap pengajian.

Jadual 2.1: Pandangan ahli sarjana bahasa berkenaan saiz dan jumlah kosa kata yang perlu dikuasai

Sarjana bahasa	Saiz kosa kata yang perlu dikuasai	Jenis kosa kata	Peringkat
Michael Philip West (1953)	2000	Frekuensi	Semua peringkat
Tu'aymah (1986)	750-1000	Tidak spesifik	Rendah
	1000-1500		Pertengahan
	2500-3500		Tinggi
Liu Na dan Paul Nation (1985)	3000	Perkataan asas	Universiti

Anderson dan Nagy (1993)	2000-3000	Perkataan umum	Menengah
Nation dan Waring (1997)	2000-5000	Tidak spesifik	Semua peringkat
Laufer (1989)	3000	Tidak spesifik	Semua peringkat
Nation (2001)	2000	Frekuensi tinggi	Semua peringkat
Al-Batal (2006)	3000-3500	Tidak spesifik	Semua peringkat
Mat Taib (2006)	1000-1500	Tidak spesifik	Permulaan
	1500-2500		Kedua
	2500-3500		Ketiga
Al-Wa'iliy (2004)	2500	Tidak spesifik	Semua peringkat
Schmitt, 2000; Nation & Waring, 1997; Nation & Hwang, 1995; Meara, 1995	2000	Frekuensi tinggi	Semua peringkat
Nation & Gu (2007)	3000-5000	Frekuensi tinggi	Semua peringkat
'Abd al-Bari (2011)	2500	Harian	Semua peringkat
Kementerian Pendidikan (2019)	1500	Kosa kata dalam buku teks (BAT)	Menengah Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, terdapat variasi ketetapan dan perbezaan pandangan para sarjana bahasa mengenai persoalan jumlah atau saiz kosa kata yang perlu dikuasai pelajar. Menerusi jadual tersebut, dapat dibuktikan bahawa tahap penguasaan kosa kata yang ideal mampu dicapai sekiranya seseorang individu itu menguasai purata dalam lingkungan 2000 saiz kosa kata. Sebagaimana yang telah

dibincangkan di atas, jumlah tersebut merupakan jumlah minimum yang perlu dimiliki oleh para pelajar untuk menguasai bahasa dengan baik (Nurain Syafina & Norhayuza, 2019). Kajian berasaskan frekuensi kosa kata dalam teks seperti yang dijalankan oleh Nation (2001) menunjukkan bahawa sekitar 2000 sahaja perkataan asas yang diperlukan oleh pelajar untuk memahami sekurang-kurangnya 8 daripada setiap 10 perkataan yang ditemui dalam teks. 2000 perkataan ini merupakan kosa kata berfrekuensi tinggi yang kerap digunakan dalam pelbagai genre penulisan dan percakapan.

Kosa kata ini lazimnya merangkumi 80% perkataan dalam sesuatu teks akademik atau akhbar dan 90% perkataan dalam pertuturan harian dan novel. Perkataan dalam kategori ini boleh disetarakan dengan perkataan ‘berfungsi’ menurut pandangan Tu’aimah (2005). Situasi sama boleh diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Arab. Oleh itu, penguasaan sekitar 2000 saiz perkataan berfrekuensi tinggi dalam bahasa Arab amat penting sebagai langkah pertama dalam mempelajarinya. Seterusnya, bagi pembelajaran yang lebih mendalam, tahap kedua iaitu kosa kata akademik perlu diberi penekanan lanjut. Dalam hal ini, penguasaan kosa kata akademik mengikut pengelasan Nation (2001) memainkan peranan penting dalam memahami teks-teks akademik. Pelajar bahasa kedua dilaporkan memerlukan sekurang-kurangnya 2000 kosa kata bagi mewakili hampir 80% kefahaman terhadap teks yang dibaca (Schmitt, 2000; Nation & Waring, 1997; Nation & Hwang, 1995; Meara, 1995).

Sebagaimana yang telah disarankan oleh Kementerian Pendidikan (2002), penguasaan lingkungan 2000 patah perkataan adalah diperlukan bagi pelajar di peringkat menengah mengikut sukatan pelajaran buku teks BAT. Sementara itu, saiz penguasaan kosa kata pelajar dikemaskinikan berdasarkan saranan pihak kementerian kepada 1500 patah perkataan penguasaan (Harun, Zawawi, 2014). Objektif sukatan tersebut bertepatan dengan kajian Zainur Rijal dan Rosni (2018) yang menggambarkan bahawa penguasaan kosa kata bukan sekadar penguasaan dari aspek kuantiti dan pemahaman literal makna kosa kata tersebut, malah mampu memahami fungsi kosa

kata tersebut untuk diaplikasikan dalam ayat yang betul serta menghuraikan aplikasinya dalam cabang ilmu.

Manakala jumlah lain yang dinyatakan oleh para sarjana iaitu dalam lingkungan 2,000 hingga 5,000 patah perkataan ini adalah realistik bagi pembelajaran bahasa kedua memandangkan pelajar bukan penutur jati dianggap telah kehilangan faktor utama pembelajaran bahasa secara semula jadi berbanding penutur jati (Abdul Razif & Mohd. Zaki, 2017). Namun demikian, bagi pelajar bukan penutur jati atau bahasa kedua, jumlah dan kriteria ini sukar dicapai kerana elemen pemerolehan bahasa secara semula jadi tidak dilalui oleh mereka, bahkan pembelajaran bahasa kedua ini mempunyai objektif pembelajaran yang berbeza dengan bahasa pertama. Kenyataan ini disokong oleh kajian berasaskan frekuensi kosa kata dalam teks seperti yang dijalankan oleh Nation (2001) menunjukkan bahawa sekitar 2000 sahaja perkataan asas yang ditemui dalam teks.

Dalam kajian yang lain, Nation dan Waring (1997) berpendapat penguasaan kosa kata di antara 2,000 dan 5,000 perkataan telah memadai bagi pelajar yang menggunakan bahasa yang efektif. Sementara Anderson dan Nagy (1993) pula berpandangan seseorang pelajar sekolah menengah seharusnya menguasai antara 2000 hingga 3000 perkataan umum baru setiap tahun untuk menguasai subjek-subjek yang dipelajari pada peringkat tersebut. Begitu juga, Liu Na dan Nation (1985) menyatakan sebanyak 3000 perkataan asas mesti dikuasai oleh pelajar pada peringkat universiti dalam bidang tertentu. Justeru, dapat difahami secara kasar bahawa jumlah minimum kosa kata yang mesti dikuasai pelajar adalah antara 3000 ke 5000 perkataan. Jumlah ini adalah gabungan antara kosa kata berfrekuensi tinggi (kosa kata tahap pertama) kosa kata akademik (kosa kata tahap kedua) dan kosa kata teknikal (kosa kata tahap ketiga). Bagi 2000 kosa kata berfrekuensi tinggi pertama merupakan kosa kata yang hampir sama bagi setiap pelajar tanpa mengira bidang pengajian.

Coady dan Huckin (2003) mengetengahkan paradoks pelajar bahasa, di mana pembaca perlu membaca untuk memperoleh kosa kata dan memerlukan kosa kata untuk membaca. Tanpanya mereka mungkin gagal memahami teks bacaan dengan tepat. Nguyen dan Nation (2011) menegaskan bahawa pelajar harus diuji dan dinilai pada setiap tahap; jika tidak, andaian palsu dapat dibuat terhadap pengetahuan kosa kata pelajar. Untuk menguji pengetahuan kosa kata pelajar, ujian kosa kata boleh menjadi alat yang berguna untuk mengukur tahap mereka. Ujian ukuran kosa kata tidak terhad kepada mengukur tahap penguasaan kata, ia juga dapat dilakukan untuk pelbagai tujuan yang tertentu. Beglar (2010) menekankan bahawa ujian kosa kata dapat dilakukan untuk pelbagai tujuan, termasuk memeriksa kecukupan pengetahuan pelajar tentang kosa kata untuk melakukan tugas-tugas tertentu, merekod perkembangan kosa kata pelajar, menilai apakah tujuan program-program tertentu dipenuhi, memeriksa sejauh mana program tertentu memenuhi tujuannya, memilih arah pengajaran yang sesuai untuk pelajar, merancang sukatan pelajaran yang relevan dan sesuai, serta bahan pengajaran dan lain-lain. Tahap kosa kata adalah ukuran umum yang diterapkan untuk memahami saiz penguasaan kosa kata pelajar. Walau bagaimanapun, saiz kosa kata adalah ukuran yang agak spesifik terhadap pengetahuan kosa kata pelajar atau pemahaman makna sebenar perkataan. Oleh tu, skor atau keputusan ujian kosa kata yang disahkan dan dinilai adalah petunjuk yang sah dan petunjuk yang adil dalam pengukuran tahap dan saiz kosa kata pelajar.

Kesimpulannya, pelajar di tahap sekolah menengah disarankan menguasai saiz kosa kata sekitar 1500 hingga 2000 patah perkataan. Hal ini dapat dipastikan berdasarkan perbincangan mengenai jumlah penguasaan kosa kata menurut pandangan beberapa ahli pakar bahasa serta berlandaskan matlamat DSKP Bahasa Arab oleh pihak kementerian. Pengkaji berpandangan, jumlah penguasaan kosa kata tersebut adalah relevan kerana kebarangkalian majoriti pelajar didedahkan dengan pembelajaran bahasa Arab secara sistematik bermula pada awal peringkat persekolahan. Ini bermakna kebanyakan mereka telah mempunyai lebih daripada lima tahun pengalaman pembelajaran bahasa Arab.

2.5 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Perbendaharaan kata atau kosa kata merupakan asas dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa asing atau bahasa kedua. Kelemahan menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar samada di peringkat sekolah mahupun universiti telah dibuktikan dalam beberapa kajian yang dilakukan sama ada dalam mahupun luar negara. Kajian-kajian lepas ini banyak membantu pengkaji dengan memberikan gambaran kedudukan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Dalam aspek pertuturan dan komunikasi bahasa Arab, didapati penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka sebagai mahasiswa sangat rendah. Ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah perasaan malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa kekurangan kosa kata merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar terhalang untuk bertutur dalam bahasa Arab (Anuar Sopian, 2016). Secara amnya, pertuturan bahasa kedua yang baik memerlukan kepada penguasaan kosa kata yang ideal. Bagaimanapun, kajian ini tidak menumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian terhadap penguasaan kosa kata perlu diperluaskan dengan meneliti faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti yang akan dijalankan oleh penyelidik.

Dalam konteks yang sama, kajian lain yang dilakukan mendapati terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab. Kekurangan penguasaan kosa kata dan penguasaan *Nahw* dan *Sarf* menjadi antara punca kekangan (Adnan & Muhammad Firdaus, 2014). Namun begitu, kajian ini merupakan satu kajian rintis dan terbatas kepada bilangan dan variasi responden yang kecil sahaja. Kajian lanjutan perlu dijalankan bagi meneliti penguasaan kosa kata bahasa Arab dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam kalangan pelajar.

Saiz kosa kata mempunyai hubungan langsung dengan pencapaian dan kemahiran-kemahiran bahasa. Kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang dikaji memiliki saiz kosa kata di bawah paras minimum. Tahap kecekapan lisan mereka pula berada pada tahap sederhana dan korelasi antara kedua-duanya menunjukkan nilai yang koefisien. Hubungan signifikan yang wujud antara saiz kosa kata dan kemahiran bertutur pelajar menjelaskan tahap kecekapan bertutur pelajar meningkat dengan peningkatan saiz kosa kata (Abdul Razif Zaini & Mohd. Zaki Abd. Rahman, 2017). Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya seseorang pelajar itu menguasai kosa kata untuk menguasai kecekapan bertutur dalam bahasa Arab, sekaligus memperkukuhkan justifikasi kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik.

Secara konsisten saiz kosa kata didapati berkorelasi dengan ukuran kemahiran berbahasa dan meramalkan keupayaan fungsi berbahasa. Kekekapan perkataan didapati berkorelasi secara signifikan dengan item penilaian fasiliti (Robert Stephen Ricks, 2015). Kajian merumuskan perkembangan tiga penilaian berasaskan frekuensi yang disampaikan melalui *web*, dimodelkan menggunakan bahasa Inggeris sebagai format bahasa asing, ia direka untuk mengukur pengetahuan kosa kata para pelajar bahasa Arab yang bukan penutur asli. Data kekerapan perkataan untuk penilaian ini diambil dari Buckwalter dan Kamus Arab Frekuensi Parkinson. Responden terdiri daripada pelbagai peringkat umur, jantina dan majoritinya berlatarbelakangkan bidang bahasa Arab dan bidang yang berkaitan dengannya. Kebolehpercayaan dan prestasi item menunjukkan bahawa penilaian ini secara jayanya dapat membezakan antara para pelajar dengan jumlah kosa kata yang berbeza. Dapatan kajian juga memberikan justifikasi kepentingan kosa kata terhadap kemahiran berbahasa khususnya bahasa Arab.

Penyelidikan semasa menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar merasa sukar untuk memahami bahan bacaan akademik sepenuhnya kerana mereka tidak mempunyai perbendaharaan kata atau kosa kata yang diperlukan. Lanjutan daripada itu, kajian mendapati bahawa pelajar aktif terlibat dengan *Wiki* sebagai alat pembelajaran dan terdapat peningkatan yang ketara dalam pengetahuan kosa kata

mereka (Kirk Dowswell, 2017). Secara keseluruhan dapatan kajian ini memberi implikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru, serta pelajar. Kerangka kerja VSS+ (*Vocabulary Self-Selection Strategy*)/Wiki/ILH (*Involvement Load Hypothesis*) dapat diadaptasi dengan mudah oleh guru-guru sebagai metod pengajaran dalam memperkembangkan penguasaan kosa kata pelajar dan konsep dalam pengkhususan mereka. Selain daripada penggunaan teknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembelajaran kosa kata juga harus diselidiki.

Kajian mengenai pembelajaran kosa kata bahasa Arab secara aturan kluster semantik dan aturan kluster bebas mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar kosa kata aturan kluster bebas lebih baik bagi ujian jangka pendek dan ujian jangka panjang berbanding pencapaian pelajar kosa kata aturan semantik. Kajian Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza, (2014) juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kosa kata aturan kluster bebas bagi kedua-dua ujian berkenaan berbanding pencapaian pelajar kosa kata kluster semantik. Sekali gus, keputusan kajian ini menunjukkan aturan kluster bebas memberi sumbangan kepada penguasaan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab (Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza, 2014). Kajian eksperimen kuasi siri masa ini dijalankan ke atas sekumpulan pelajar dengan tahap pembelajaran bahasa Arab adalah tahap permulaan. Kumpulan pelajar ini didedahkan dengan dua teknik pengajaran kosa kata bahasa Arab, iaitu aturan kluster semantik dan aturan kluster bebas. Meskipun dapatan kajian ini sangat berguna sebagai panduan dalam merangka strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang berkesan dalam kalangan pelajar, tetapi ia langsung tidak menyentuh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar, yang juga penting untuk diteliti.

Kajian berkaitan penguasaan penulisan karangan bahasa Arab juga memperlihatkan bahawa penguasaan kosa kata dan tatabahasa dalam pembinaan ayat lengkap dan difahami perlu ditingkatkan selain memperkukuhkan teknik-teknik penulisan karangan yang betul. Tahap penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan majoriti pelajar sekolah menengah agama adalah rendah (Muhammad Zahri

& Muhammad Haron, 2016). Bagaimanapun, kajian ini menyatakan bahawa penguasaan kosa kata mempengaruhi tahap penulisan karangan pelajar, tetapi tidak meneliti punca kelemahan pelajar dalam kosa kata.

Aspek saiz kosa kata turut diberi perhatian dalam kajian luar negara. Kajian ini membentangkan angka-angka untuk saiz leksikon bagi penutur asli bahasa Arab dan ia harus digunakan secara pedagogi. Angka 25,000 perkataan ditetapkan sebagai piawai bagi pelajar untuk dicapai jika mereka bercita-cita untuk menjadi seperti penutur asli bahasa Arab. Angka ini seharusnya diberi perhatian dan pencetus terhadap pihak penggubal kurikulum dan pencipta bahan pembelajaran yang ingin membangunkan strategi dapatan ini agar kemajuan pelajar terjamin (Masrai, A., Masrai, A. & Milton, J., 2017). Kajian lanjutan bagi mengkaji strategi atau kaedah pengajaran dan bila kaedah tersebut diaplikasikan dilihat amat berguna untuk diteruskan. Selain itu, faktor-faktor yang menjadi pendorong kepada pencapaian penguasaan aspek kosa kata juga amat penting untuk dinilai.

Selain bahasa Arab, kajian hampir sama yang dilakukan terhadap bahasa Inggeris juga menunjukkan bahawa saiz kosa kata mempengaruhi kebolehan pelajar bertutur dalam bahasa tersebut (Yasmika Baihaqi, 2014). Keputusan ujian hipotesis menunjukkan terdapat kolerasi yang signifikan dan positif di antara penguasaan kosa kata dan kebolehan pelajar bertutur dalam bahasa Inggeris. Dapatan menunjukkan bahawa semakin tinggi penguasaan kosa kata bahasa Inggeris pelajar, semakin tinggi kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya, jika penguasaan kosa kata pelajar adalah lemah, maka kebolehan bertutur mereka adalah lemah. Dapatan kajian ini juga menyokong justifikasi kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik.

Dalam konteks pemahaman bacaan pula, didapati bahawa kemahiran berbahasa dalam B1 dan B2 adalah saling bergantung dan berhubung dengan pemahaman bacaan terhadap murid yang mempelajari dwibahasa (*dual languages*) (Lama Farran, 2016). Selain itu, kajian ini juga mendapati kemahiran kosa kata dalam setiap bahasa menentukan pemahaman bacaan dalam bahasa tersebut, setelah kesan

kronologi umur kanak-kanak diambil kira. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa kosa kata adalah asas dalam keberhasilan pemahaman bacaan B1 dan B2 dan seharusnya dimajukan dan dipertingkatkan. Namun begitu, walaupun isu kajian ini tertumpu kepada kosa kata tetapi fokusnya adalah terhadap kemahiran bacaan iaitu berbanding dengan penyelidikan yang akan diusahakan oleh pengkaji.

Antara faktor primer yang menyumbang kepada penguasaan bahasa Arab adalah sikap. Sikap dikategorikan kepada tiga dalam pembelajaran bahasa, pertama: sikap instrumental, kedua: sikap integratif dan ketiga: sikap kepada pembelajaran bahasa. Sikap merupakan komponen penting dalam pemerolehan bahasa. Dari sudut konteks pembelajaran bahasa Arab, Nur Afifah, Nuraznan (2019) menggambarkan sikap pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasai melalui tindakan yang dilakukan. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa faktor sikap mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar. Oleh itu, sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya perlu dipupuk dan dibina segera setelah mereka mengenal bahasa Arab. Dorongan keluarga, pengaruh rakan sebaya, kepentingan bersifat global dan komersial merupakan faktor-faktor yang boleh meningkatkan sikap mereka menjadi lebih positif untuk terus mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Siti Sukainah et. al. (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif, motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen penting yang menentukan keberhasilan pelajar bahasa. Zamri Ariffin et. al. (2014) menegaskan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan ramai pelajar ketinggalan atau gagal dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah sikap mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri. Kajian beliau mendapati bahawa faktor-faktor yang membentuk motivasi yang baik dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh sikap pelajar yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, mudah dipelajari dan difahami selain dorongan persekitaran bahasa Arab, kesedaran sendiri dan pengajaran pembelajaran yang efektif.

Kajian Muhammad Naim, Zulkipli, Wahida, Arnida dan Zainal Abidin (2018) pula melihat faktor-faktor yang membentuk cabaran dan mempengaruhi keyakinan para pelajar sekolah menengah dalam mempelajari bahasa Arab. Kajian ini mendapati bahawa sikap pelajar merupakan salah satu faktor yang dianggap mempengaruhi keyakinan mempelajari bahasa Arab. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap keyakinan yang lebih tinggi untuk bertutur dalam bahasa Arab berbanding pelajar lelaki. Ini mungkin disebabkan oleh faktor sikap yang positif dan motivasi tinggi dalam kalangan pelajar perempuan di sekolah. Jumlah pelajar perempuan yang lebih ramai berbanding pelajar lelaki mewujudkan persaingan positif dalam proses pembelajaran dan ini dapat meningkatkan tahap keyakinan untuk menguasai bahasa Arab. Cabaran sikap, motivasi dan persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab turut mempengaruhi tahap keyakinan dan penguasaan mereka.

Kejayaan seseorang dalam mempelajari bahasa asing adalah berdasarkan sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran sesuatu bahasa (Nur Hidayati dan Zamri, 2014). Manakala Nur Pratiwi, Suhaila Zailani, Salamiah (2014) mengatakan bahawa selain sikap diri pelajar, peranan tenaga pengajar adalah sangat penting dalam meningkatkan atau mengurangi tahap keresahan pelajar. Guru dianggap sebagai elemen penting dalam dunia pendidikan. Ia memainkan peranan utama bagi memastikan kejayaan pelajar. Peranan guru bukan setakat mengajar mata pelajaran yang ditentukan pihak universiti, malah sebagai pembimbing yang bertindak mendidik minda, membina akhlak dan menanamkan motivasi kepada pelajar. Oleh itu, guru dituntut untuk memahami, memberi komitmen, dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan inisiatif dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pelajar. Bagaimana pun, kajian ini tidak menyentuh mengenai penguasaan kosa kata, dan tidak mengkhususkan penelitian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama.

Kajian Noor Anida, Norhayati, Nurazan (2014) merumuskan bahawa pelajar perlu mempunyai sikap yang positif dan bermotivasi tinggi dalam mempelajari bahasa Arab serta melipatgandakan inisiatif sendiri bagi mengatasi kelemahan mereka dalam menguasai kemahiran menulis. Hal ini adalah kerana, faktor sikap dan motivasi pelajar merupakan antara faktor kelemahan pelajar menguasai tulisan Arab selain faktor teknikal tulisan itu sendiri. Dalam aspek komunikasi pula, antara kelemahan yang kerap berlaku di kalangan para pelajar adalah berpunca daripada sikap pelajar yang malu untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan mereka, dibantu dengan faktor persekitaran yang tidak menyokong para pelajar mewujudkan persekitaran untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari (Norhayati, Shaferul Hafes dan Mohd Fauzi 2013). Seterusnya, dapatan kajian Mohammad Abdillah, Miss Asma, Zamri (2014) merumuskan bahawa kecenderungan minat pelajar terhadap Bahasa Arab berada pada tahap yang baik. Kajian juga mendapati bahawa faktor minat pelajar yang tinggi merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pencapaian pelajar.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian mengenal pasti bahawa beberapa perkara perlu dilakukan oleh guru bahasa Arab dalam membentuk sikap pelajar. Antaranya, guru perlu memupuk semangat dalam diri pelajar agar sentiasa membuat persediaan sebelum bermulanya kelas, sentiasa mengulang kaji subjek bahasa Arab sama seperti pelajaran lain, membuka kamus untuk menambah perbendaharaan kata bahasa Arab dan mencari bahan bacaan bahasa Arab. Selain daripada itu juga, guru perlu memberi galakan agar pelajar menyertai aktiviti dan pertandingan bahasa Arab di sekolah kerana masih rama pelajar yang berasa malu untuk bertutur dalam bahasa Arab dan mencari peluang untuk bertutur dalam bahasa Arab. Berdasarkan tahap signifikan pengaruh sikap yang dibuktikan dalam kajian-kajian lepas, seharusnya aspek sikap pelajar dititikberatkan bermula dari peringkat awal untuk memberi perhatian terhadap elemen motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa Arab seterusnya memudahkan pembelajaran mereka.

Kajian-kajian lepas rata-rata menunjukkan antara faktor utama penyumbang kepada penguasaan bahasa Arab adalah sikap. Sikap dikategorikan kepada tiga dalam pembelajaran bahasa, iaitu sikap instrumental, sikap integratif dan sikap terhadap pembelajaran bahasa. Kajian mendapati responden menunjukkan sikap kurang kesedaran terhadap pembelajaran bahasa dan beranggapan bahasa Arab tidak mempunyai kaitan terhadap pembelajaran bahasa Arab dan beranggapan bahasa Arab tidak mempunyai kaitan dengan tugas mereka (Nur Hidayati & Zamri, 2014). Justeru, satu kajian perlu dijalankan ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah agama untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sikap mereka untuk mempelajari bahasa Arab bagi meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di samping faktor-faktor yang lain.

Pelajar yang mempunyai tahap kepercayaan keupayaan sendiri yang rendah akan cepat berasa putus asa apabila berhadapan dengan kegagalan atau tekanan dalam pelajaran. Sikap selalunya terbentuk daripada persepsi terhadap sesuatu. Kajian mendapati bahawa sikap pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab adalah positif dengan minat yang tinggi tetapi pencapaian sebenar mereka masih tidak memuaskan (Ismail, Wan Maizatul Akmar & Azman, 2013). Kajian ini melibatkan seramai 159 peserta kajian dipilih daripada lapan buah sekolah rendah yang menjalankan program j-QAF bagi kohort pertama. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa tahap sendiri pelajar adalah memuaskan. Oleh itu, penambahbaikan secara berterusan perlu diberi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab di bawah program ini agar menjadi satu inovasi dalam sistem pendidikan negara. Kajian lanjutan perlu dijalankan dengan menumpukan faktor-faktor lain yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dalam konteks kaedah pembelajaran kosa kata, secara umumnya kajian mendapati pelajar yang cemerlang menggunakan pelbagai strategi ketika mempelajari kosa kata bahasa Arab berbanding pelajar yang lemah. Kekerapan penggunaan strategi juga pelbagai dan berbeza-beza antara satu sama lain.

Kajian Mohd Zaki, Kaseh Abu, Nik Farhan, Nurazan, (2016) merupakan kajian kualitatif yang menggunakan protokol berfikir lantang, pemerhatian dan temu bual sebagai instrumen pungutan data. Kerangka konseptual kajian ini dibina

berdasarkan teori strategi pembelajaran bahasa (SPB) dan strategi pembelajaran kosa kata (SPKK). Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar cemerlang sahaja. Strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar cemerlang mungkin berbeza daripada pelajar lemah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan meneroka bentuk strategi yang digunakan oleh pelajar cemerlang dalam mempelajari kosa kata baharu berimbuhan bahasa Arab. Konteks kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji di mana pengkaji akan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan semua pelajar, baik yang cemerlang ataupun lemah.

Oxford dan Shearin (1994) turut menyenaraikan enam faktor yang memberi impak besar terhadap pembentukan motivasi iaitu sikap terhadap bahasa sasaran, kepercayaan diri, matlamat, penglibatan, persekitaran dan atribut diri. Abbas Pourhosein Gilakjani et. al. (2012) menyifatkan, faktor yang paling utama dalam pembentukan motivasi ialah rasa bersemangat (*passion*). Lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi pelajar merangkumi: memperkemaskan sikap para pelajar terhadap bahasa sasaran, mempertingkatkan jangkauan kejayaan mereka, mempertingkatkan matlamat mereka, menjadikan bahan pembelajaran berkaitan dengan jiwa mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik (Pourhosein Gilakjani et. al. 2012). Satu petunjuk yang amat berguna kepada kita ialah hasil kajian Kaseh Abu Bakar et. al. (2010) yang mendapati motif agama Islam merupakan satu faktor yang kuat dalam mempertingkatkan motivasi pembelajaran bahasa Arab.

Zamri Ariffin et. al. (2014) menegaskan bahawa antara faktor utama yang menjadikan ramai pelajar ketinggalan atau gagal dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah sikap mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri. Peratusan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sama ada dalam atau di luar bilik darjah adalah terlalu kurang. Antara faktor-faktor lain yang dikaitkan dengan pencapaian pelajar adalah minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan latar belakang keluarga. Minat pula mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila seseorang meminati sesuatu maka ia akan bersikap positif terhadap perkara tersebut. Hal ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan.

Selain daripada pelajar, kajian juga dilakukan terhadap para guru untuk meneliti pendekatan yang digunakan dalam aspek pengajaran kosa kata. Guru merupakan pemudah cara dan sumber utama bagi seorang pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Guru berperanan besar dalam mencetus minat pelajar terhadap pengajaran yang dilalui. Kajian mendapati bahawa majoriti guru menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana pendidikan bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata. Bagi penerangan dan pengukuhan perkataan, majoriti guru menerangkan makna kesemua perkataan dan mengulang kaji perkataan baharu sebelumnya pada setiap waktu kelas bermula selain galakan kepada pelajar untuk bertutur bahasa Arab (Rosni Samah, 2013). Ini menunjukkan bahawa gaya pengajaran guru mempengaruhi penguasaan pelajar dalam pembelajaran. Namun, kajian ini hanya menumpukan kepada pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh guru tanpa mengambil kira pandangan pelajar terhadap pendekatan-pendekatan tersebut. Kajian ini juga tidak menjelaskan tentang hubungan pendekatan-pendekatan yang telah digunakan oleh guru-guru tersebut dengan pencapaian pelajar berkaitan kosa kata.

Kajian yang dijalankan dalam konteks strategi pembelajaran kosa kata juga menunjukkan murid banyak meluangkan masa mencari makna kosa kata dengan bertanyakan guru dan rakan berbanding mencari makna perkataan dalam kamus. Malah kekurangan melaksanakan ulang kaji dan latihan sebelum kelas bermula juga antara penyebab pelajar lemah dalam penguasaan kosa kata (Irma Martiny, Maimun Aqsha, Zaid Arafat & Aishah Sjahrony, 2017). Irma et. al (2017) menyarankan agar satu kajian lanjutan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar perlu dijalankan kerana ia mempunyai kaitan dengan kelemahan pelajar dalam kosa kata bahasa Arab. Dalam kajiannya, pengkaji mencadangkan agar guru memberi pendedahan tentang Teknik Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab yang berkesan kepada murid. Guru juga perlu mempelbagaikan aktiviti pengukuhan dan pengayaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam dan di luar kelas di samping memastikan pelajar menguasai kosa kata yang ditentukan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP).

Manakala di peringkat universiti, kajian Zainurr Rijall Abdul Razak & Rosni Samah (2018) mencadangkan supaya aspek pengajaran kosa kata diberi perhatian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di universiti sama ada dalam atau luar dewan kuliah serta tutorial. Kajian ini turut membincangkan saiz kosa kata ideal dalam bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar pada peringkat universiti, permasalahan utama yang dihadapi dalam menguasainya serta pendekatan pengajaran yang sesuai. Dapatan kajian ini adalah penting untuk dianalisis kerana hasil pembelajaran bahasa Arab pelajar di peringkat universiti mencerminkan hasil pembelajaran mereka sejak di peringkat sekolah menengah.

Dari aspek sokongan ibu bapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab, selain faktor keagamaan, hasil kajian mendapati sokongan moral turut memberi faedah kepada diri pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Arab sebagai rangsangan luaran. Bentuk sokongan moral ini boleh diterima daripada guru, ibu bapa, rakan atau sesiapa sahaja. Hal yang demikian menunjukkan para pelajar bersemangat dan bermotivasi untuk terus mempelajari kosa kata bahasa Arab (Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Musab, 2018). Walaupun kajian ini dalam konteks penguasaan kosa kata, namun ia tertumpu terhadap tahap motivasi fundamental dan luaran pelajar. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa ibubapa merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Tidak dinafikan galakan dan sokongan daripada guru dan ibu bapa adalah sangat penting dalam penguasaan bahasa Arab. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian yang menunjukkan nilai min paling tinggi dicapai pada salah satu item yang dikaji iaitu galakan daripada guru dan ibu bapa dalam menentukan tahap motivasi ekstrinsik pelajar tahfiz terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Hanis Najwa, Ku Fatahiah, Wazzainab, Farah- Nur Rashida & Norafidah, 2017). Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik. Namun, kajian yang tertumpu kepada faktor ibu bapa dalam mempengaruhi penguasaan kosa kata masih belum meluas. Kajian yang dijalankan lebih memberi fokus kepada penguasaan bahasa secara umum.

Kajian-kajian yang ditampilkan di atas, lebih memfokuskan kepada pengaruh ibubapa terhadap penguasaan bahasa secara umum, serta tidak tertumpu kepada aspek penguasaan kosa kata bahasa Arab. Hanya terdapat satu kajian untuk mengenal pasti pengaruh ibubapa dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab yang dijalankan oleh Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Musab (2018), namun kajian tersebut tertumpu kepada motivasi pelajar dan tidak melibatkan faktor-faktor lain yang dilihat berpotensi dalam mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar.

Berdasarkan penyelidikan-penyelidikan mengenai penguasaan kosa kata yang disenaraikan, dapat disimpulkan bahawa penyelidikan berkaitan penguasaan bahasa Arab lebih memberi fokus aspek pertuturan, pemahaman, dan penulisan. Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan, didapati kelemahan dalam penguasaan kosa kata menjadi antara punca utama kepada permasalahan dalam penguasaan kemahiran berbahasa yang lain tanpa meneliti punca kelemahan pelajar dalam aspek tersebut. Hasil kajian ini akan diberi perhatian dalam menganalisis untuk bab perbincangan sebagai sokongan. Manakala penyelidikan aspek kosa kata bahasa Arab pula lebih memberi fokus kepada mengkaji strategi pembelajaran kosa kata dan saiz penguasaan kosa kata. Hal ini bermakna penyelidikan hanya mengkaji strategi dalam penguasaan kosa kata tanpa mengkhususkan penelitian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar.

Justeru, satu kajian perlu dijalankan ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah agama untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sikap mereka dalam mempelajari bahasa Arab bagi meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Hampir keseluruhan kajian penyelidikan yang dijalankan merujuk kepada mengenal pasti kelemahan pembelajaran bahasa Arab. Manakala kajian berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata adalah kurang diberi perhatian. Hanya terdapat satu kajian yang dijalankan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar yang dijalankan oleh Muhammad Naim, Zulkipli, Wahida, Arnida dan Zainal Abidin (2018), namun kajian tersebut tidak memberi fokus kepada aspek kosa kata.

2.6 KERANGKA KONSEPTUAL


Menurut Gardner (1985), sikap memberi kesan terhadap pembelajaran bahasa. Teori sikap yang diperkenalkan Gardner (1985) menunjukkan terdapat hubungan yang rapat diantara sikap dengan penguasaan terhadap bahasa kedua. Sementara menurut Bloomfield (1953), pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah proses yang melibatkan membentuk tabiat dan tingkah laku, di mana ia dibina dengan hubungan rangsangan luar. Hal ini dapat dikaitkan dengan personaliti guru bahasa terhadap pembelajaran bahasa kedua. Manakala model Epstein et al. (2002) diterapkan kepada penglibatan ibubapa dalam membantu proses pembelajaran anak-anak. Model komprehensif ini bertindak sebagai jambatan kepada guru, keluarga dan masyarakat untuk bekerjasama ke arah pencapaian sekolah dan kerjasama keluarga.

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibina dengan penetapan tiga pemboleh ubah sebagai pemboleh ubah bebas (*independent variable*) dan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sebagai pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*). Sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa ditetapkan sebagai pemboleh ubah bebas (*independent variable*). Penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar pula ditetapkan sebagai pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*). Ini bermakna, ketiga-tiga faktor yang ditetapkan dijangka mempunyai hubungan dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Bagi menjelaskan serta menunjukkan perkaitan antara pemboleh ubah kajian, satu kerangka teori yang mendasari kajian telah dibentuk. Kerangka konsep kajian ini telah dibentuk berdasarkan kepada literatur dan teori serta model-model yang berkaitan. Dua model dan satu teori utama yang diadaptasi untuk kajian ini adalah:

- 1) Model '*Social Psychological*' Gardner (1985:133)
- 2) Teori Pembelajaran Behaviourisme Leonard Bloomfield (1933).
- 3) Model Epstein (2002).

Kerangka konsep bagi kajian ini adalah berdasarkan Rajah 2.3



Rajah 2.3: Kerangka Konsep Kajian

2.7 KESIMPULAN

Kebanyakan kajian-kajian lepas yang disorot, penguasaan kosa kata yang lemah menjadi penyebab kegagalan pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik, sama ada dalam aspek penulisan mahupun pertuturan. Masalah yang dikenal pasti dalam kajian-kajian yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah masalah penguasaan kosa kata bahasa Arab yang lemah dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat institut pengajian tinggi. Sorotan literatur memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai pembelajaran dan penguasaan kosa kata bahasa Arab dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran telah dikaji, namun, kajian yang memberi fokus kepada kosa kata bahasa Arab, terutamanya kajian untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih belum dijalankan dengan meluas.

Justeru, aspek ini perlu diberi perhatian dan kajian lanjutan perlu dijalankan terutama di peringkat pra universiti. Berdasarkan teori-teori dan kajian-kajian lepas yang dikemukakan, penguasaan kosa kata adalah penting untuk dikuasai bagi mencapai matlamat kecekapan berbahasa yang diinginkan, secara tidak langsung, faktor-faktor yang mempengaruhinya juga perlu diteliti dan diperhalusi.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN


Bab ini membincangkan metodologi yang diaplikasikan dalam kajian ini. Metodologi kajian merupakan tatacara pengkaji menjalankan sesuatu penyelidikan. Metodologi juga merupakan aspek yang penting dan perlu diberi perhatian dalam mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan dipercayai. Selain itu, pemilihan metodologi yang bersesuaian penting agar penyelidikan dapat dijalankan secara lebih efektif dan mampu menjawab soalan kajian.

Justeru, bab ini akan membincangkan dengan terperinci beberapa perkara penting berkaitan metod dan strategi yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini, antaranya ialah:

1. Reka bentuk kajian
2. Populasi Kajian
3. Pensampelan
4. Instrumen kajian
5. Kesahan, Kebolehpercayaan Instrumen Kajian dan Kajian Rintis
6. Prosedur Kajian
7. Analisis Data

Metodologi kajian dan strategi yang disusun untuk mendapatkan maklumat dan data bagi mencapai objektif dan matlamat kajian adalah seperti yang dijelaskan dalam rajah 3.1 berikut.

CARTA ALIRAN PROSES KAJIAN



Rajah 3.1: Carta alir proses kajian yang dijalankan

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik sebagai alat pengumpulan data dan set soalan pengujian bagi menilai tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Pemilihan kaedah kuantitatif ini juga dibuat dengan merujuk kajian -kajian lepas. Ini adalah kerana meskipun kajian boleh dilakukan dengan berbagai reka bentuk tetapi pemilihannya tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya.

Kesesuaiannya perlu dikenal pasti terlebih dahulu kerana hasil sesuatu kajian nanti bergantung kepada kaedah dan reka bentuk kajian yang digunakan. Selain itu, setiap reka bentuk kajian mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri dan tidak ada satu pun reka bentuk kajian yang sempurna. Bagi mengatasi masalah ini, penyelidik merujuk ciri-ciri reka bentuk kajian– kajian berkaitan yang terdahulu. Justeru, kajian-kajian lepas yang berkaitan telah ditinjau terlebih dahulu untuk dikenal pasti kesesuaiannya (Nordin, 2016).

Kajian ini juga bersifat deskriptif dan inferensi. Penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk memberi gambaran yang tepat terhadap keadaan sosial yang dikaji. Ia adalah sesuai untuk menjelaskan sesuatu fenomena dan situasi yang berlaku dengan lebih jelas. Penyelidikan deskriptif popular kerana penyelidikan jenis ini boleh dilaksanakan dalam semua bidang dan boleh digunakan dengan mudah untuk tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan atau *survey*. Tinjauan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dilakukan dengan menggunakan soal selidik. Ia digunakan kerana kesesuaiannya untuk mengukur pendapat, sikap serta dapat menggambarkan suasana sebenar (Nordin, 2016). Tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan situasi yang berbeza mengikut tahap pencapaian peperiksaan dan tahap demografi pelajar.

Penggunaan soal selidik adalah lebih mudah, menjimatkan kos, juga memudahkan pihak responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Ia juga dapat memberikan ketepatan dalam sampel kerana tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Sebelum soal selidik diedarkan, kebenaran pihak berwajib diperoleh untuk membenarkan responden memberikan kerjasama untuk menjawab soal selidik. Statistik inferensi pula adalah untuk memeriksa hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas dengan menggunakan korelasi dan regresi linear berganda. Kaedah statistik ini dilakukan bagi meramalkan kemungkinan berlakunya peristiwa secara keseluruhan. Bagi melihat hubungan antara ketiga-tiga faktor iaitu sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu, analisis korelasi Pearson dan analisis regresi linear berganda pula digunakan.

Dalam kajian ini, aset soal selidik tinjauan yang digunakan dibina secara adaptasi. Soalan dan objektif kajian serta faktor sosiobudaya setempat bersesuaian dengan soal selidik yang diadaptasi. Soal selidik ini digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar, juga berasaskan faktor demografi seperti jantina, latar belakang ibubapa dan sosio ekonomi keluarga sebagai moderator dalam kajian. Pemilihan soal selidik juga bertepatan dengan Gillham, B. (2000) yang menyatakan bahawa kajian mengenai tingkah laku responden dalam kelas lazimnya dilakukan secara tinjauan melalui soal selidik dengan mendapatkan persepsi mereka sendiri.

Melalui soal selidik juga, data kuantitatif mudah diperolehi, diproses dan dianalisis. Analisis ini membolehkan pengkaji menentukan variasi yang berlaku dalam sesuatu pemboleh ubah dan kaitannya dengan pemboleh ubah yang lain. Berdasarkan keputusan analisis juga, pengkaji boleh mengenal pasti bentuk variasi setiap variabel dan hubungan antara variabel-variabel yang dikaji.

3.3 POPULASI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di sekolah SMA di Terengganu. Justeru, sampel kajian ini terdiri daripada pelajar pra universiti di salah sebuah buah Sekolah Menengah Agama (SMA) dari empat buah SMA di Terengganu di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) iaitu Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin.

Pelajar tingkatan enam dipilih dalam kajian ini adalah kerana tahap pengajian mereka yang berada di peringkat pra universiti setelah melalui tempoh pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah. Mereka telah melalui tempoh pembelajaran yang lama dalam subjek bahasa Arab melalui sistem kurikulum bahasa Arab di peringkat menengah sekurang-kurangnya lima tahun pengajian. Selain itu, mereka juga telah melalui sekurang-kurangnya dua sistem peperiksaan utama iaitu peperiksaan PT3 dan SPM dengan mengambil kertas *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM). Keadaan ini memberikan mereka peluang untuk mengayakan kosa kata bahasa Arab sekali gus dijangkakan terdapat faktor-faktor yang signifikan yang mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar. Justeru, keputusan mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat SPM digunakan sebagai indikator perbandingan antara tahap pengetahuan sedia ada kosa kata Arab dengan pencapaian dalam mata pelajaran tersebut.

Selain itu, subjek bahasa Arab di peringkat pra universiti ini diambil secara elektif. Subjek elektif bermakna pelajar mengambil subjek bahasa Arab berdasarkan pilihan mereka sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa mereka yang mengambil subjek ini mempunyai tahap kesedaran dan persediaan yang tinggi serta mencukupi bagi menghadapi silibus bahasa Arab di peringkat ini. Pada peringkat ini, sebarang masalah serta kepincangan dapat dilihat dan diperbetulkan bagi menilai keupayaan pelajar menghadapi silibus bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi kelak. Kekurangan kajian mengenai penguasaan kosa kata bahasa Arab di peringkat menengah yang melibatkan pelajar pra universiti juga menjadi faktor penyebab mereka dipilih untuk tujuan kajian.

3.4 PENSAMPELAN

Berdasarkan populasi yang dijelaskan, sampel kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek bahasa Arab di peringkat STPM dari SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin di Terengganu (SMAASZA). Pemilihan sampel yang

digunakan ialah pensampelan bertujuan. Teknik pensampelan ini digunakan untuk mewakili populasi bagi menggambarkan pemahaman sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi. Menurut Gall dan Borg (2005), pemilihan sampel berdasarkan populasi kajian memadai daripada semua ahli dalam populasi.

Justeru, teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik pensampelan bertujuan. Teknik pensampelan ini digunakan kerana penyelidik hanya memilih pelajar-pelajar dari sebuah sekolah sahaja sebagai sampel kajian yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki oleh kajian ini. Penyelidik ingin mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Pelajar tingkatan enam dipilih kerana pelajar di tahap ini sepatutnya sudah menguasai di antara 1500 hingga 2000 kosa kata bahasa Arab (DSKP Bahasa Arab, 2020). Saiz kosa kata tersebut adalah berdasarkan objektif-objektif yang telah ditentukan dalam sukatan pelajaran, bahasa Arab di Malaysia. Saiz kosa kata ini tersedia dalam senarai kata yang disediakan melalui buku teks bahasa Arab pihak KPM melalui Bahagian Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) bagi setiap peringkat (Harun & Zawawi, 2014). Bagi subjek bahasa Arab Tinggi, pelajar perlu menguasai kosa kata bahasa Arab tidak kurang sekitar 1500 hingga 2000 patah perkataan daripada senarai kosa kata yang disediakan berdasarkan buku teks (sukatan pelajaran BAT, Kementerian Pendidikan (2018). Selain itu, Michael Philip West (1953) menjalankan kajian dalam Bahasa Inggeris untuk mencari frekuensi perkataan (*tawatur*) dan menyenaraikan perkataan mengikut kekerapan penggunaan dan menyenaraikan sebanyak 2000 perkataan yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa.

Dalam penentuan saiz sampel, penyelidik merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970). Berdasarkan jadual tersebut, bilangan sampel yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 135 orang daripada jumlah populasi 211 orang bilangan keseluruhan pelajar tingkatan 6 sekolah agama di seluruh Terengganu. Pandangan ini bertepatan dengan cadangan Cohen & Manion (2000) yang mencadangkan agar kajian yang menggunakan reka bentuk tinjauan memerlukan sampel yang lebih besar. Memandangkan bilangan pelajar Tingkatan Enam di

SMAASZA bagi sesi persekolahan 2019/2020 adalah seramai 135, maka, ia menepati saiz sampel yang diperlukan untuk kajian ini.

3.4.1 Pemilihan Sekolah

Lokasi penyelidikan adalah bertempat di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin di Kuala Terengganu, Terengganu. Skop kajian ini melibatkan kumpulan pelajar tertentu dan kawasan kajian yang terhad. Sekolah ini merupakan sebuah pusat pengajaran agama yang tertua di negeri Terengganu. Meskipun penubuhannya sudah menjangkau hampir 100 tahun, namun SMAASZA telah berjaya mengekalkan keterampilannya dengan sumbangan serta jasa bakti kepada masyarakat Islam Terengganu. Pelbagai ranjau dan duri telah dilalui demi menabur bakti dan kesedaran kepada masyarakat.

Berdasarkan maklumat Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia, terdapat seramai 300 orang pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek bahasa Arab di tiga buah SMKA (SMKA Nurul Ittifaq, Besut, SMKA Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu dan SMKA Durian Guling, Marang) dan tiga SMA (SMA Maarif, Besut, SMA Al-Falah, Kemaman dan SMA (A) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu) di seluruh negeri Terengganu. Di SMAASZA sahaja seramai 41 orang pelajar STPM dan seramai 84 orang pelajar STAM sesi persekolahan 2019/2020 Tingkatan Enam.

Pemilihan sekolah ini disifatkan wajar kerana menepati objektif kajian dalam menentukan perbezaan faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Tahap pencapaian pelajar di sekolah tersebut merangkumi tahap cemerlang dalam keputusan peperiksaan SPM mata pelajaran bahasa Arab yang lepas. SMAASZA menjadi tumpuan dan merupakan sekolah senarai pilihan bagi pelajar lepasan SPM aliran agama yang berhasrat melanjutkan pengajian di peringkat Tingkatan Enam selain SMA yang lain di Terengganu. Ini adalah kerana pengajian

Tingkatan Enam aliran agama hanya terhad kepada enam institusi sahaja di Terengganu (JHEAT, 2021) seperti yang disenaraikan di atas.

Selain pelajar SMAASZA lepasan SPM yang menyambung pengajian ke Tingkatan Enam di sekolah ini, turut disertai oleh pelajar-pelajar lepasan SPM yang berlatarbelakangkan dari variasi sekolah terdahulu dari SABK ataupun SMA. Ini bermakna strategi dan kaedah pembelajaran kosa kata bahasa Arab pelajar adalah berbeza mengikut pengalaman pembelajaran pelajar masing-masing. Perbezaan latar belakang pendidikan ini juga bermakna faktor demografi pelajar adalah berbeza mengikut lokasi. Selain itu, ibu bapa atau penjaga pelajar merangkumi semua peringkat status sosioekonomi, di samping status penempatan pelajar juga adalah berbeza iaitu berasrama dan tidak berasrama. Perbezaan pelajar yang berasrama dan tidak berasrama dari sudut suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif adalah penting dalam mengembangkan potensi pelajar cemerlang atau sebaliknya, Hal ini mungkin mempengaruhi beberapa faktor yang akan dikaji. Faktor-faktor seperti persekitaran, jantina, perbezaan pembelajaran, pengalaman dan sebagainya boleh mempengaruhi pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua seseorang pelajar (Nazirah, 2013).

Semenjak sekolah ini ditubuhkan, kajian yang dijalankan secara eksklusif masih belum meluas bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Hal ini juga mendorong keinginan pengkaji untuk melihat kesinambungan yang wujud antara sistem pendidikan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah dengan sekolah menengah agama ini dalam aspek pembelajaran kosa kata khususnya, dan penguasaan bahasa amnya sebagai usaha melahirkan pelajar-pelajar yang kompeten dan berkemahiran dari sudut penguasaan bahasa Arab sebagai bekalan mendepani cabaran masa depan kelak.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua jenis instrumen yang terdiri daripada satu set soal selidik dan satu set soalan ujian tahap saiz kosa kata Arab. Setiap instrumen ini telah dibina oleh pengkaji secara adaptasi dan modifikasi daripada item soal selidik pengkaji-pengkaji terdahulu.

3.5.1 Soal Selidik

Set soal selidik kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu faktor demografi, faktor sikap, faktor guru dan faktor ibubapa. Bagi bahagian faktor sikap, item dalam soal selidik tersebut telah disaring dan dibina semula oleh pengkaji secara adaptasi dan modifikasi daripada kajian *Attitude Motivation Index* (AMI) yang dianjurkan oleh Gardner (1985). Soal selidik ini merangkumi 2 bahagian utama iaitu sikap terhadap pembelajaran bahasa dan sikap terhadap individu yang menguasai bahasa. Namun, perubahan dan adaptasi terhadap soal selidik Gardner berbahasa Perancis telah dilakukan untuk kajian ini. Pembelajaran bahasa dalam soal selidik asal diubah kepada pembelajaran kosa kata bahasa Arab bagi mendasari serta menyesuaikan dengan konteks kajian ini.

Seterusnya bagi bahagian faktor guru, pengkaji telah merangka item hasil modifikasi dari soal selidik kajian Faironita Ibrahim & Kamarul Shukri Mat Teh (2015) dan Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin dan Saifullizam Puteh (2005). Modifikasi ini perlu dilakukan agar soal selidik bersesuaian dengan objektif kajian dengan merujuk kepada literatur (Creswell, 2012). Item yang dipilih kemudiannya telah dikemukakan kepada sekumpulan panel pakar untuk dinilai kesesuaiannya. Kerjasama daripada responden juga mudah diperoleh menerusi kaedah ini di samping mereka bebas membuat pemilihan dan juga menilai mengikut keperluan soal selidik. Item-item di dalamnya adalah menyentuh keempat-empat aspek kajian di atas dan ditambah lagi dengan 9 item faktor demografi.

Terdapat 36 pernyataan dalam instrumen ini dan empat skala yang dipilih oleh responden. Empat skala tersebut ialah sangat setuju, setuju, kurang setuju dan sangat tidak setuju dengan menghilangkan jawapan erti berganda (*multi-interpretable*) seperti jawapan “sederhana,” “tidak yakin,” “neutral,” dan sebagainya. Skala likert empat skala dipilih bagi menghilangkan kelemahan yang terkandung dalam skala lima mata iaitu jawapan tengah skala yang menimbulkan kesan kecenderungan tengah (*central tendency effect*). Tersedianya jawapan pada tengah itu memberi kesan terutama bagi responden yang berkecenderungan memberi pendapat yang ragu-ragu samada setuju atau tidak setuju. Jika kategori jawapan pada skala tersebut disediakan, ia akan menghilangkan banyak data penelitian sehingga mengurangi maklumat yang diperoleh daripada responden kajian (Eko Hertanto, 2017). Sebagaimana yang dikemukakan oleh Hadi (1999:19), kategori jawapan *Undeciden* mempunyai erti yang berganda iaitu responden belum dapat memutuskan atau memberi jawapan. Maka, skala *Likert* dengan skala empat dipilih untuk digunakan sebagai jawapan instrumen kajian.

Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup. Jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan. Mereka hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan. Menurut Babbie (1986), soalan tertutup memberi keseragaman dalam jawapan dan mudah untuk diproses. Bailey (1992) pula menyatakan bahawa kelebihan soalan berpilihan tetap iaitu jawapannya adalah lebih mudah dikodkan dan dianalisis terus dari set soal selidik. Instrumen set soal selidik yang digunakan dihurai dengan lebih terperinci pada jadual 3.1 di bawah.

Soal selidik juga merupakan instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif. Ini kerana penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Kerjasama daripada responden juga senang diperoleh menerusi kaedah ini di samping mereka bebas membuat pemilihan dan juga menilai mengikut keperluan soal selidik. Set soal selidik ini telah dipecahkan kepada dua bahagian:

i) Bahagian A: Ciri-ciri Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi 9 item berkenaan demografi responden seperti pendapatan ibubapa, taraf pendidikan ibubapa, jantina, faktor utama responden mempelajari bahasa Arab dan peringkat mempelajari bahasa Arab.

ii) Bahagian B: Pengaruh Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Ibubapa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar

Bahagian ini mengandungi 36 item berkaitan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Pemboleh ubah-pemboleh ubah ini terdiri daripada 12 item sikap pelajar, 12 item guru, dan 12 item sokongan ibubapa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1: Pengaruh Sikap, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Ibubapa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar

No.	Konstrak Faktor	Bil. tem
Ba	Sikap Pelajar	12
Bb	Guru	12
Bc	Sokongan Ibubapa	12
Jumlah		36

Set soal selidik ini disediakan sebanyak 90 set. Contoh set soal selidik adalah seperti dalam **Lampiran A**. Bagi mendapatkan data mengenai sikap pelajar, guru, dan sokongan ibubapa, responden dikehendaki menjawab soalan dengan menandakan jawapan berdasarkan pandangan dan pengalaman mereka mengikut respons pilihan jawapan yang telah ditetapkan. Setiap respons pilihan jawapan diukur menggunakan Skala Likert 4 dengan empat jawapan pilihan iaitu skala 1 sangat tidak setuju, hingga

skala 4 sangat setuju. Bentuk ini dipilih kerana mudah ditadbir kepada jumlah yang besar. Selain itu ia membantu responden menumpukan kepada subjek yang dikaji dan melancarkan proses penjadualan dan penganalisan data (Deobold, 1999). Pengkaji telah menetapkan empat tahap bagi pengukuran skala dan titik tengahnya ialah 2.5. Setiap item menggunakan skala ordinal empat mata sebagaimana jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2: Kategori Skala Ordinal Empat Mata

Skala Ordinal	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Skor	4	3	2	1

Responden telah diberi penerangan ringkas mengenai tujuan soal selidik. Penyelidik juga telah menerangkan kepada responden bahawa segala maklumat peribadi mereka adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan kajian. Responden diberi masa selama dua puluh lima minit untuk menjawab. Soalan soal selidik lebih tertumpu untuk mendapatkan data tentang latar belakang responden dan reaksi mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

3.5.2 Ujian Tahap Saiz Kosa Kata Bahasa Arab

Bahagian ini mengandungi satu set soalan Ujian Tahap Saiz Kosa Kata bagi mengukur tahap penguasaan saiz (jumlah) kosa kata bahasa Arab pelajar. Ujian adalah untuk menjawab soalan kajian yang pertama. Kebanyakan ujian untuk menilai saiz kosa kata Arab dilakukan secara rawak sahaja dengan menggunakan kosa kata yang terdapat dalam buku teks tanpa bersandarkan kaedah empirikal dan ilmiah tertentu. Hal ini tidak dapat mengukur dan menilai saiz sebenar kerana ia tidak berdasarkan tahap kekerapan perkataan (Harun, Zawawi & Nik Mohd Rahimi, 2017). Ini adalah kerana tahap kemahiran bacaan buku teks Arab didapati tidak bersesuaian untuk

dijadikan sebagai bahan pembelajaran (Kamarulzaman, 2011). Bagi bahasa Arab, masih belum ada satu ujian untuk menilai saiz kosa kata secara empirikal melainkan satu percubaan yang dilakukan oleh Harun, Zawawi, Edelina dan Normala (2014). Selain itu, terdapat beberapa penyelidik bahasa lain (Quinn, 1968; Harlech-Jones, 1983; Nurweni & Read, 1999) yang menggunakan senarai kekerapan perkataan untuk mengukur saiz kosa kata pelajar dalam kajian mereka. Kajian ini mengadaptasi ujian yang menggunakan format senarai kekerapan perkataan (*frequency word list*) berpandukan maklumat yang dibina oleh Harun (2014). Sampel perkataan diambil oleh Harun (2014) daripada senarai kekerapan perkataan (*frequency word list*) bahasa Arab dalam buku *A Word Count of Modern Arabic Prose* (Landau, 1959). Senarai kekerapan perkataan digunakan adalah merangkumi pelbagai perkataan-perkataan berdasarkan kekerapan dan mewakili keseluruhan isi kandungan yang hendak diuji sekali gus dapat meningkatkan lagi kesahan isi kandungan sesuatu ujian.

Ujian ini dipilih sebagai instrumen kerana ia telah terbukti, diguna oleh penyelidik (Baharudin, 2014; Harun, 2016) dalam kajiannya sebagai asas dalam sampel kosa kata kajian bagi tujuan menganggar saiz kosa kata pelajar. Penggunaan senarai kekerapan kosa kata didapati lebih mudah untuk menarik sampel perkataan berbanding sebuah kamus. Ujian berasas senarai kekerapan perkataan (*frequency word list*) dipercayai dan menghasilkan natijah yang stabil dalam mengetahui secara anggaran saiz kosa kata pelajar (Milton, 2009). Item perkataan telah dipilih daripada setiap 1000 hingga 2000 perkataan yang mana setiap 1000 perkataan sebanyak 50 perkataan telah dipilih secara rawak. Item-item ini terdiri daripada pelbagai perkataan yang melibatkan kata nama, kata kerja dan partikel. Secara keseluruhannya, sebanyak 200 item perkataan telah dipilih untuk ujian ini berdasarkan setiap 1000 tahap kekerapan. Menurut Harun (2016), keputusan indeks kesukaran dan indeks diskriminasi item, sebanyak 20 item kosa kata akan dipilih bagi mewakili 2000 perkataan. Ujian ini mengandungi empat bahagian yang mewakili empat tahap kekerapan perkataan iaitu, (1) 500 perkataan, (2) 1000 perkataan, (3) 1500, dan (4) 2000 perkataan. Tahap kesukaran perkataan bagi setiap tahap adalah semakin meningkat. Perkataan ini disusun berdasarkan indeks kesukaran yang diperolehi. Bagi tujuan pengiraan keputusan ujian, setiap perkataan yang dapat dijawab dengan betul diberikan satu markah. Jumlah bilangan perkataan yang dijawab dengan betul adalah skor ujian ini.

Menurut Lorge & Chall (1963) menerusi Harun (2016), sekiranya seseorang mengetahui semua sampel perkataan pada 1000 pertama, setengah daripada sampel 1000 kedua, suku daripada sampel 1000 ketiga, seseorang itu boleh dianggarkan mempunyai saiz kosa kata sebanyak 1750 apabila dijumlahkan semuanya pada setiap tahap iaitu 1000 pada tahap pertama, 500 pada tahap kedua dan 250 pada tahap ketiga. Pengujian ini adalah penting untuk dilaksanakan oleh kebanyakan sarjana bahasa yang menilai kosa kata pelajar. Lazimnya, kelemahan kosa kata pelajar dinilai melalui pencapaian berbahasa mereka dan sekiranya cemerlang maka hasilnya pelajar dikatakan memiliki kosa kata yang mencukupi dan jika lemah hasilnya adalah sebaliknya. Elemen saiz kosa kata memerlukan penilaian secara empirikal bagi mengukur atau menganggar jumlah (saiz) kosa kata yang dikuasai. Penilaian ini penting bagi memastikan objektif khusus penguasaan jumlah kosa kata yang dinyatakan di dalam sukatan pelajaran dapat dinilai dengan lebih tepat. Aspek saiz kosa kata bahasa Arab di Malaysia tidak diberi penekanan secara empirikal. Situasi ini agak berbeza dengan perkembangan bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris yang menjadikan aspek kosa kata antara elemen utama dalam pengajaran dan pembelajaran seiring dengan aspek-aspek bahasa yang lain. Isu saiz kosa kata dilihat penting apabila wujudnya ujian-ujian yang bertujuan melihat penguasaan saiz.

Ujian ini bermula dengan konsep yang mudah iaitu dengan melihat pengecaman awal terhadap perkataan terpilih sehinggalah akhirnya berkembang menjadi ujian-ujian yang lebih komprehensif dan efektif bagi tujuan penilaian saiz kosa kata (Harun Baharudin, Zawawi Ismail, 2014).

3.6 KESAHAN, KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN DAN KAJIAN RINTIS

Kesahan dan kebolehppercayaan instrumen merupakan ciri utama dan prosedur yang penting dalam penentuan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu instrumen dalam sesebuah penyelidikan. Kedua-dua perkara ini menjadi penyumbang utama dalam memberikan dapatan kajian yang tepat dan bermakna terhadap sesuatu kajian. Oleh itu, sebelum melaksanakan penyelidikan yang sebenar, penyelidik terlebih dahulu membuat kesahan dan kebolehppercayaan terhadap instrumen kajian.

3.6.1 Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan merujuk kepada keupayaan suatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dan hipotesis. Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis (Chua, 2011: 238). Justeru, instrumen penilaian yang dibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian.

Manakala bagi instrumen kedua iaitu ujian tahap kosa kata pula, tidak terdapat penambahbaikan yang ketara. Ini adalah kerana instrumen ini diadaptasi dari ujian yang menggunakan format senarai kekerapan perkataan (*frequency word list*) berpandukan maklumat yang dibina oleh Harun (2014). Sampel perkataan diambil oleh Harun (2014) daripada senarai kekerapan perkataan (*frequency word list*) bahasa Arab dalam buku *A Word Count of Modern Arabic Prose* (Landau, 1959). Instrumen ujian tahap saiz kosa kata melibatkan perbincangan bersama pakar dan guru bahasa Arab seramai lima orang. Berdasarkan penjelasan di atas, panel penilai merumuskan

bahawa instrumen ujian kosa kata yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang tinggi.

Keseluruhannya, pakar memperakui bahawa kedua-dua instrumen kajian mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur. Segala komentar dan cadangan daripada panel penilai telah diterima bagi memperbaiki instrumen kajian. Setelah mendapat persetujuan terhadap keseluruhan item dan kandungan instrumen, kesahan instrumen kajian dilakukan melalui kajian rintis. Langkah ini adalah bagi menguji kebolehpercayaan instrumen dengan beberapa perkara penting seperti catatan masa yang diperlukan untuk menjawab soalan, bentuk soalan yang menimbulkan kekeliruan serta susunan atau format instrumen yang digunakan.

Selain kesahan dalaman, soal selidik ini juga telah dibuktikan dengan dapatan analisis faktor penerokaan (EFA) yang diintegrasikan menggunakan perisian SPSS versi terbaru.

3.6.1.1 Analisis Faktor Penerokaan (EFA)

Jadual 3.3 menunjukkan hasil analisis faktor penerokaan (EFA) yang dijalankan ke atas item-item soalan bagi pemboleh ubah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa. Tujuan analisis EFA ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada item-item yang dikelaskan mengikut pemboleh ubah seperti mana dalam soal selidik adalah merupakan item-item setiap pemboleh ubah tersebut. Keputusan menunjukkan terdapat tiga komponen utama yang telah dihasilkan di mana item-item masing-masing kekal berada di bawah pemboleh ubah/faktor sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa. Jadual 3.3 menunjukkan setiap item disusun mengikut nilai muatan faktor tertinggi hingga terendah mengikut pemboleh ubah. EFA dijalankan untuk mendapatkan bacaan *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO). Nilai *factor loading*, nilai KMO dan putaran *Varimax* diambil kira semasa EFA dijalankan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan putaran faktor *Varimax*, sebanyak 2 item telah dikeluarkan dari pemboleh sokongan ibu bapa iaitu item 1 “Ibu bapa saya membelikan kamus bahasa Arab untuk saya” dan item 9 “Ibu bapa saya menyediakan akses internet di rumah manakala hanya item 1 “Kaedah pengajaran guru meningkatkan minat pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab” yang dikeluarkan dari pemboleh ubah pendekatan pengajaran guru. Sebanyak 4 item turut dikeluarkan dari pemboleh ubah sikap pelajar iaitu item 4 “Orang yang menguasai kosa kata bahasa Arab akan lebih memahami dan menghormati budaya hidup masyarakat Arab”, item 6 “Saya berasa kagum dengan orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab”, item 7 “Penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk menonton rancangan-rancangan berbahasa Arab” dan item 8 “Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab akan menjadi pendakwah dengan berkesan”. Tujuan item-item ini dikeluarkan adalah disebabkan mempunyai nilai *factor loading* yang rendah iaitu kurang dari 0.5. Faktor dapat mengekstrak varians yang secukupnya dari item-item tersebut sekiranya nilai muatan faktor adalah melebihi 0.5. Ini adalah kerana menurut Hair et al. (2006 , nilai *factor loading* dalam ujian ditetapkan pada nilai minimum 0.30. Selain itu, nilai *factor loading* yang rendah menunjukkan korelasi antara item dalam setiap pemboleh ubah adalah rendah. Sekiranya korelasi antara item rendah dalam setiap pemboleh ubah ia menunjukkan bahawa item-item tersebut bukan pengukur bagi faktor yang terlibat atau dengan kata lain, item-item tersebut bukan merupakan item bagi pemboleh ubah yang berkenaan.

Nilai KMO 0.814 menunjukkan bahawa saiz sampel yang digunakan adalah sesuai bagi analisis faktor penerokaan. Manakala keputusan ujian Bartlett’s adalah signifikan pada aras 0.05 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara item dalam setiap pemboleh ubah.

Jadual 3.3: Analisis Faktor Penerokaan Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Ibu Bapa

Analisis Faktor Penerokaan	Faktor		
	1	2	3
Nilai muatan faktor			
<i>Sokongan ibu bapa</i>			
10. Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk menghafal kosa kata bahasa Arab.	0.810		
12. Ibu bapa saya berbincang dengan saya tentang pencapaian saya dalam kosa kata bahasa Arab.	0.808		
4. Ibu bapa saya membimbing saya dalam menyiapkan kerja sekolah atau tugas bahasa Arab.	0.782		
6. Ibu bapa saya memberikan tunjuk ajar kepada saya bagaimana untuk menguasai kosa kata bahasa Arab.	0.753		
2. Ibu bapa saya bertanyakan keputusan peperiksaan subjek bahasa Arab saya.	0.729		
3. Ibu bapa saya membelikan gajet untuk saya belajar kosa kata bahasa Arab.	0.652		
7. Ibu bapa saya membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk saya belajar kosa kata bahasa Arab.	0.639		
11. Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek bahasa Arab.	0.639		
8. Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat perbincangan tentang kosa kata bahasa Arab dengan rakan-rakan.	0.627		
5. Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar bahasa Arab.	0.600		

Pendekatan pengajaran guru

6. Guru membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan kosa kata bahasa Arab.	0.744	
5. Guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan tentang kosa kata bahasa Arab.	0.720	
11. Guru menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab.	0.690	
8. Guru berpengetahuan dalam kosa kata bahasa Arab.	0.675	
10. Penyampaian pengajaran kosa kata bahasa Arab dibuat dengan jelas dan mudah difahami.	0.654	
9. Guru memberikan tugas kosa kata bahasa Arab yang sesuai dengan tahap pelajar.	0.647	
12. Latihan-latihan dan tugas-tugas yang diberi oleh guru berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.	0.616	
3. Latihan-latihan kosa kata bahasa Arab yang diberi oleh guru adalah mengikut topik yang ditetapkan.	0.577	
7. Cara penyampaian pengajaran guru menggalakkan pelajar untuk berfikir tentang maksud perkataan-perkataan bahasa Arab.	0.555	
4. Guru menggunakan alat bantu pengajaran dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab.	0.541	
2. Guru bahasa Arab mudah didekati oleh pelajar.	0.524	

Sikap pelajar

5. Kosa kata bahasa Arab harus dikuasai untuk memahami buku-buku berbahasa Arab.		0.610
--	--	-------

9. Penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk fasih berbahasa Arab.		0.596
11. Kosa kata bahasa Arab adalah rahsia kebijaksanaan dalam bahasa Arab.		0.588
2. Orang yang menguasai kosa kata bahasa Arab ialah orang yang berketokohan dalam ilmu-ilmu agama.		0.588
10. Saya melihat orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai orang yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut.		0.585
12. Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab layak menjadi pengajar bahasa Arab.		0.535
1. Kosa kata bahasa Arab adalah kunci untuk memahami al-Quran.		0.529
3. Penguasaan kosa kata bahasa Arab perlu untuk berkawan dengan orang Arab.		0.523
<i>Kaiser- Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy (KMO).</i>		0.814
	<i>Approx. Chi-Square</i>	1671.29
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<i>df</i>	406
	<i>Sig.</i>	0.000

3.6.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan juga merupakan satu perkara yang asas dalam penyelidikan kuantitatif. Ujian kebolehpercayaan yang popular ini turut dikenali sebagai *Coefficient Alpha* atau *Cronbach Alpha*. Soal selidik yang ditadbir adalah mempunyai tahap ketekalan standard melebihi 0.7. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* item berdasarkan konstruk soal selidik yang telah dijalankan seperti Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.4: Nilai Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Berdasarkan *Cronbach Alpha*

Konstrak	Bilangan Pemboleh ubah/ Item	Nilai Kebolehpercayaan
Sikap Pelajar	12 item	0.715
Guru	12 item	0.856
Sokongan Ibu Bapa	12 item	0.893

Jadual di atas menunjukkan keputusan ke atas instrumen soal selidik kajian. Nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstrak dalam instrumen soal selidik adalah pada tahap melebihi 0.6. Nilai tersebut menunjukkan kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik yang dibina pada tahap yang tinggi. Berdasarkan syarat George dan Mallery (2003) nilai *Alpha Cronbach* yang bagus adalah 0.7 ke atas.

Jadual 3.5: Jadual penentuan *Alpha Cronbach* George dan Mallery (2003)

Nilai Alpha Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan
<.5	Tidak diterima
.5	Lemah
.6	Boleh dipertimbangkan
.7	Diterima
.8	Bagus
.9	Cemerlang

Soal selidik ini mengandungi 45 item yang terbahagi kepada empat bahagian faktor yang mempengaruhi dan juga berasaskan faktor demografi seperti jantina, latar belakang ibubapa dan sosio ekonomi keluarga sebagai moderator kajian. Nilai *Alpha Cronbach* yang tinggi menunjukkan soal selidik mempunyai reabiliti yang baik bagi setiap item soal selidik (Gliem & Gliem 2003). Namun begitu, terdapat beberapa item yang dibuang daripada kelompok faktor masing-masing kerana ketidaksesuaian konsep item tersebut dengan item lain dalam kelompok tersebut. Beberapa item yang dibuang adalah seperti pada jadual 3.5, 3.6 dan 3.7 yang berikut.

Jadual 3.6: Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Sikap Pelajar

Sikap pelajar	Korelasi skor item- jumlah item (pembetulan)
1 Kosa kata bahasa Arab adalah kunci untuk memahami al Quran.	0.369
2 Orang yang menguasai kosa kata bahasa Arab ialah orang yang berketokohan dalam ilmu-ilmu agama.	0.420
3 Penguasaan kosa kata bahasa Arab perlu untuk berkawan dengan orang Arab.	0.327
5 Kosa kata bahasa Arab harus dikuasai untuk memahami buku-buku berbahasa Arab.	0.462
9 Penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk fasih berbahasa Arab.	0.433
10 Saya melihat orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai orang yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut.	0.433
11 Kosa kata bahasa Arab adalah rahsia kebijaksanaan dalam bahasa Arab.	0.477
12 Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab layak menjadi pengajar bahasa Arab.	0.421
Cronbach's Alpha (8 item)	0.715
Item yang dikeluarkan	4 item

Jadual 3.7: Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Pendekatan Pengajaran Guru

Pendekatan pengajaran guru	Korelasi skor item- jumlah item (pembetulan)
2 Guru bahasa Arab mudah didekati oleh pelajar.	0.468
3 Latihan-latihan kosa kata bahasa Arab yang diberi oleh guru adalah mengikut topik yang ditetapkan.	0.555
4 Guru menggunakan alat bantu pengajaran dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab.	0.524
5 Guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan tentang kosa kata bahasa Arab.	0.581
6 Guru membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan kosa kata bahasa Arab.	0.602
7 Cara penyampaian pengajaran guru menggalakkan pelajar untuk berfikir tentang maksud perkataan-perkataan bahasa Arab.	0.516
8 Guru berpengetahuan dalam kosa kata bahasa Arab.	0.541
9 Guru memberikan tugas kosa kata bahasa Arab yang sesuai dengan tahap pelajar.	0.585
10 Penyampaian pengajaran kosa kata bahasa Arab dibuat dengan jelas dan mudah difahami.	0.582
11 Guru menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab.	0.580
12 Latihan-latihan dan tugas-tugas yang diberi oleh guru berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.	0.581
Cronbach's Alpha (11 item)	0.856
Item yang dikeluarkan	1 item

Jadual 3.8: Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Sokongan Ibu Bapa

Sokongan ibu bapa	Korelasi skor item- jumlah item (pembetulan)
2 Ibu bapa saya bertanyakan keputusan peperiksaan subjek bahasa Arab saya.	0.650
3 Ibu bapa saya membelikan gajet untuk saya belajar kosa kata bahasa Arab.	0.601
4 Ibu bapa saya membimbing saya dalam menyiapkan kerja sekolah atau tugas bahasa Arab.	0.716
5 Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar bahasa Arab.	0.513
6 Ibu bapa saya memberikan tunjuk ajar kepada saya bagaimana untuk menguasai kosa kata bahasa Arab.	0.664
7 Ibu bapa saya membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk saya belajar kosa kata bahasa Arab.	0.578
8 Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat perbincangan tentang kosa kata bahasa Arab dengan rakan-rakan.	0.569
10 Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk menghafal kosa kata bahasa Arab.	0.749
11 Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek bahasa Arab.	0.585
12 Ibu bapa saya berbincang dengan saya tentang pencapaian saya dalam kosa kata bahasa Arab.	0.734
Cronbach's Alpha (10 item)	0.893
Item yang dikeluarkan	2 item

3.6.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah diadakan bagi menguji soal selidik yang telah dibina. Kajian rintis tersebut melibatkan seramai 46 orang pelajar daripada dua buah kelas Tingkatan Enam di SMKA Sheikh Abdul Malek di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Kajian rintis dijalankan ke atas pelajar yang mempunyai kriteria yang sama dengan responden sebenar kajian. Selain itu, penyelidik juga telah menemu bual beberapa orang pelajar bagi mendapatkan maklum balas berkenaan soal selidik tersebut. Maklum balas yang diperolehi daripada kajian rintis ini dijadikan panduan untuk penyelidik menambahbaik dan mentadbir soal selidik yang akan digunakan dalam kajian sebenar. Hasil kajian rintis yang telah dijalankan memperoleh pekali $\alpha = 0.895$.

3.7 PROSEDUR KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada subjek kajian iaitu set soal selidik dan set soalan Ujian Tahap Kosa Kata yang diedarkan. Sementara data sekunder diperolehi daripada kajian kepustakaan.

Sebelum memulakan kajian, terlebih dahulu penyelidik memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dengan disertakan satu salinan soal selidik dan juga proposal ringkas. Kebenaran ini perlu diperolehi kerana populasi kajian ialah pelajar sekolah yang berada di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah kebenaran EPRD diperolehi, pengkaji kemudiannya memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang terlibat iaitu Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Terengganu.

Pada peringkat sekolah, pengkaji terlebih dahulu berhubung secara atas talian dengan pihak sekolah yang dipilih sebelum menghantar surat permohonan. Pengkaji kemudiannya membuat temu janji dengan sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian mengikut kaedah pensampelan yang telah dinyatakan sebelum ini. Pengkaji memohon kebenaran daripada pengetua sekolah yang terlibat serta mendapatkan kerjasama daripada guru-guru mata pelajaran bahasa Arab Tingkatan Enam, untuk membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan sempurna di sekolah-sekolah sasaran. Kebenaran secara rasmi daripada pihak-pihak berkenaan diperlukan sebagai memenuhi prosedur sebelum sesuatu kajian dijalankan.

Berdasarkan kepada kebenaran pihak-pihak berkenaan serta persetujuan pihak sekolah, penyelidik telah menetapkan sesi pertemuan dengan para pelajar yang terlibat. Atas kehendak pihak sekolah, penyelidikan akan dijalankan secara terkawal agar tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran lain yang sedang berlangsung. Selain itu, dalam menangani penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19), KPM mengarahkan supaya mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP) Kesihatan* serta mematuhi arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh pihak KKM. Oleh itu, berdasarkan arahan tersebut, setiap sesi pertemuan dengan pelajar telah dijalankan di bilik darjah masing-masing dengan bantuan guru-guru mata pelajaran. Di samping itu, pertemuan dalam kelas juga memudahkan pemantauan dan kawalan disiplin ketika ujian dijalankan. Penyelidik juga sentiasa bergerak dari kelas ke kelas sewaktu sesi menjawab dijalankan bagi memastikan tiada masalah yang berlaku.

3.7.1 Prosedur Pengumpulan Data Soal Selidik

Prosedur pengumpulan data dimulai dengan menjawab instrumen soal selidik. Pada sesi pertemuan dengan pelajar, penyelidik mengedarkan set soal selidik kepada para pelajar Tingkatan Enam dengan bantuan guru bahasa Arab dan guru panitia Tingkatan Enam. Para pelajar dipilih daripada lima buah kelas di sekolah yang terlibat. Mereka dikehendaki melengkapkan dan mengembalikan set soal selidik

tersebut kepada penyelidik setelah tamat tempoh sesi menjawab. Responden diberi masa dua puluh lima minit diperuntukkan bagi menjawab set soal selidik. Namun, responden dibenarkan mendapatkan masa tambahan untuk menyempurnakan soal selidik tersebut. Responden juga diberi peluang untuk bertanya sekiranya terdapat soalan yang kurang jelas atau tidak difahami. Sesi soal selidik ini dijalankan dengan taklimat ringkas daripada pengkaji dan masa yang diperuntukkan. Sesi menjawab soalan ini dijalankan secara formal dengan bantuan dan pengawasan guru-guru mata pelajaran.

Proses mengumpul data ini dijalankan bergantung kepada jadual waktu mata pelajaran bahasa Arab di sekolah terlibat. Ini dilakukan bagi mengelakkan gangguan terhadap waktu pembelajaran mata pelajaran lain. Ia dijalankan secara terancang supaya pengurusannya lebih tersusun dan teratur memandangkan bilangan kelas yang banyak. Setelah selesai pengumpulan data, penyelidik mentadbir kedua-dua instrumen ini secara bersendirian.

3.7.2 Prosedur Pengumpulan Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab

Prosedur seterusnya adalah pengumpulan data kedua iaitu Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab. Setelah selesai pengumpulan data set soal selidik, penyelidik mengedarkan set Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab kepada para pelajar. Sebelum ujian ini dijalankan, responden sekali lagi diberi taklimat tentang tujuan ujian dijalankan dan tatacara menjawab. Mereka dikehendaki melengkapkan dan mengembalikan Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab tersebut kepada penyelidik setelah tamat tempoh sesi menjawab. Manakala bagi Ujian Kosa Kata Bahasa Arab, tempoh yang munasabah diperuntukkan. Responden diberi masa dua puluh minit untuk menjawab soalan soal selidik. Tidak diberikan masa tambahan bagi menjawab ujian kosa kata ini. Responden juga tidak dibenarkan merujuk dan menggunakan sebarang bahan rujukan. Selain itu, responden dilarang bercakap atau berhubung diantara satu sama lain dengan apa cara sekalipun semasa ujian kosa kata sedang

dijalankan. Sesi menjawab soalan ini dijalankan secara formal dengan bantuan dan pengawasan guru-guru mata pelajaran.

Proses mengumpul data ini dijalankan bergantung kepada jadual waktu bagi mata pelajaran bahasa Arab di sekolah terlibat. Ini dilakukan bagi mengelakkan gangguan terhadap waktu pembelajaran mata pelajaran lain. Ia dijalankan secara terancang supaya pengurusannya lebih tersusun memandangkan bilangan kelas yang banyak. Setelah selesai pengumpulan data, penyelidik mentadbir kedua-dua instrumen ini secara bersendirian.

3.8 ANALISIS DATA

Data yang diperoleh melalui instrumen soal selidik dan ujian tahap kosa kata telah dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package of Social Sciences (SPSS for Windows version 2 5.0)*. Beberapa soalan kajian telah dikemukakan dan dianalisis dengan statistik yang bersesuaian seperti jadual 3.7 di bawah.

Jadual 3.9: Soalan Kajian Dan Analisis Yang Digunakan

Bil	Soalan Kajian	Analisis / Statistik
1	Apakah tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
2	Bagaimanakah sikap pelajar sekolah menengah agama di Terengganu terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab?	Deskriptif / min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan

3	Apakah bentuk pendekatan pengajaran guru sekolah menengah agama di Terengganu dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
4	Bagaimanakah sokongan ibubapa pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
5	Bagaimanakah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?	Inferensi / korelasi pearson dan regresi linear berganda

Berdasarkan jadual di atas, data berkaitan tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar, data berkaitan pengaruh sikap pelajar, pengaruh pendekatan pengajaran guru dan pengaruh sokongan ibubapa, dianalisis menggunakan min, sisihan piawai, peratusan, dan kekerapan. Statistik deskriptif atau statistik perihalan ialah statistik yang digunakan untuk memperihalkan sesuatu peristiwa atau menggambarkan sesuatu populasi yang dikaji. Ia juga merupakan suatu teknik yang diguna untuk menerangkan data dengan cara menyusun, menganalisis dan meringkaskan beberapa set data berkenaan supaya menyampaikan data mudah difahami. Kaedah ini digunakan bagi menentukan frekuensi, peratus, sisihan piawaian dan min ke atas data-data yang telah diperoleh untuk menggambarkan maklumat seperti jantina, umur, aliran pengajian, pencapaian akademik dan sebagainya.

Statistik inferensi pula adalah untuk memeriksa hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas dengan menggunakan korelasi dan regresi linear berganda. Kaedah statistik ini dilakukan bagi meramalkan kemungkinan berlakunya peristiwa secara keseluruhan. Bagi melihat hubungan antara

ketiga-tiga faktor iaitu sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu, analisis korelasi Perason dan analisis regresi linear berganda digunakan. Pengkaji menetapkan paras signifikan pada aras $p < 0.05$ bagi tujuan tersebut.

3.8.1 Soal Selidik

Set soal selidik yang dipungut disemak untuk memastikan setiap responden menjawab soal selidik bagi memenuhi kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan dalam kajian. Data yang diperoleh diintegrasikan dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package of Social Sciences (SPSS for Windows version 25.0)*. Kemudiannya statistik deskriptif dan statistik inferensi akan digunakan untuk menganalisis data. Data yang dihurai berdasarkan analisis ini melibatkan instrumen kajian iaitu soal selidik. Ia bertujuan untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian.

Bagi menghuraikan analisis deskriptif ini, nilai interpretasi tahap skor min adalah mengikut kriteria penilaian yang dikemukakan oleh John Wilder Tukey (1970) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.10: Interpretasi Skor Min Analisis *Boxplot/Box and Whisker Diagram*

Skor min	Interpretasi
3.0 – 4.0	Tinggi
2.0 – 3.0	Sederhana
1.0 – 2.0	Rendah

Analisis *Boxplot/Box and Whisker Diagram* adalah kaedah standard untuk menampilkan set data berdasarkan ringkasan lima nombor: iaitu minimum, maximum, median sampel, serta kuartil pertama dan ketiga. Elemen penting yang digunakan untuk membina plot kotak (*boxplot*) adalah dengan menentukan nilai data minimum dan maksimum.

3.8.2 Ujian Tahap Saiz Kosa Kata Bahasa Arab

Manakala bagi data yang diperoleh dari instrumen ujian kosa kata bahasa Arab, penyelidik memberikan markah kepada jawapan pelajar yang betul. Bagi interpretasi markah ujian tahap kosa kata, penyelidik mengadaptasi daripada jadual interpretasi Nunally (1978) menerusi Harun (2016). Menurut Harun (2016), keputusan indeks kesukaran dan indeks diskriminasi item adalah sebanyak 20 item kosa kata dipilih bagi mewakili 2000 perkataan. 20 item soalan kosa kata tersebut adalah dalam berbentuk subjektif (*lihat lampiran*). Kesemua data yang diperoleh, dikumpul dan diproses menggunakan perisian SPSS V25.0.

Ujian ini mengandungi empat bahagian yang mewakili empat tahap kekerapan perkataan iaitu, (1) 500 perkataan, (2) 1000 perkataan, (3) 1500, dan (4) 2000 perkataan. Tahap kesukaran perkataan bagi setiap tahap adalah semakin meningkat. Perkataan ini disusun berdasarkan indeks kesukaran yang didapati. Bagi tujuan pengiraan keputusan ujian, setiap perkataan yang dapat dijawab dengan betul diberikan satu markah. Jumlah bilangan perkataan yang dijawab dengan betul adalah skor ujian. Interpretasi skor markah ujian dan saiz kosa kata pelajar ditentukan dengan berpandukan kepada Jadual 3.6.

Jadual 3.11: Interpretasi Skor Markah Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab (Adaptasi Dari Nunally, 1978) menerusi (Harun, 2016).

Skor markah	Perkataan dikuasai	Saiz kosa kata	Interpretasi
16 – 20	1600 hingga 2000	2000	Tinggi
11 – 15	1000 hingga 1500	1500	Sederhana Tinggi
6 – 10	501 hingga 1000	1000	Sederhana Rendah
0 – 5	0 hingga 500	500	Rendah

Melalui skala tersebut, penyelidik dapat mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab. Skor bagi setiap pecahan jawapan kepada soalan yang betul dinilai berdasarkan interpretasi skor markah ujian tahap kosa kata bahasa Arab yang ditetapkan.

Nilai skor markah digunakan bagi menentukan jumlah perkataan yang dijawab dengan betul oleh responden dengan jumlah keseluruhan item ujian iaitu 20, secara tidak langsung dapat menentukan jumlah perkataan serta saiz kosa kata yang dikuasai oleh responden.

3.8.3 Korelasi Pearson

Korelasi Pearson merupakan statistik berparameter yang digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan kedua-dua pemboleh ubah yang mempunyai data berbentuk taburan secara normal (parametrik) atau linear (Mohd Lazim, Alina, 2020). Analisis ini digunakan untuk menjawab objektif kelima. Ujian korelasi ini tidak membuktikan sejauhmana setiap faktor yang dikaji menyumbang kepada pemboleh ubah bersandar, tetapi hanya menentukan perkaitan yang wujud sama ada perkaitan tersebut positif atau negatif berdasarkan nilai pekali korelasi (r). Melalui ujian ini, penyelidik dapat menentukan faktor peramal tertentu yang berjaya menyumbang dan mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.

3.8.4 Analisis Regresi

Analisis regresi yang digunakan ialah regresi linear berganda (*Linear Multiple Regression*) bagi menjawab soalan kajian. Analisis yang memiliki variabel bebas lebih dari satu disebut analisis regresi linear berganda. Teknik regresi linear berganda digunakan menentukan pengaruh signifikan dua atau lebih variabel bebas (X_1, X_2, X_3, \dots, k) terhadap variabel terikat (Y). Model regresi linear berganda untuk populasi dapat ditunjukkan sebagai berikut:

$$y = \beta_0 + \beta_1 x_1 + \beta_2 x_2 + \dots + \beta_n x_n + e$$

Model regresi linear berganda untuk populasi di atas dapat ditaksir dengan model regresi linear berganda untuk sampel, Menurut Drapper dan Smith (1992) hubungan antara satu pemboleh ubah bebas dengan satu atau lebih

pemboleh ubah bersandar dapat dinyatakan dalam regresi linear berganda. Hubungan tersebut dapat dinyatakan secara umum sebagai berikut, iaitu :

$$\hat{y} = b_0 + b_1X_1 + b_2X_2 + \dots + b_kX_k$$

di mana:

Y = pemboleh ubah bersandar

b_0 = pekali regresi

X = pemboleh ubah bebas

e = ralat atau residual

$b_1, b_2, \dots \dots b_k$ = pekali bagi parameter konstan $\beta_1, \beta_2, \dots \dots \beta_k$

Dengan menggunakan analisis regresi linear berganda, penyelidik dapat mengenal pasti faktor yang paling banyak menyumbang kepada penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Dalam kajian ini terdapat tiga pemboleh ubah peramal terhadap satu pemboleh ubah bertindak balas, maka persamaan regresi linear berganda bagi kajian ini adalah seperti berikut:

$$y = \beta_0 + \beta_1x_1 + \beta_2x_2 + \beta_3x_3$$

Untuk kajian ini, analisis regresi linear berganda “*stepwise*” digunakan kerana ia hanya memasukkan pemboleh ubah peramal yang signifikan sahaja ke dalam regresi. Hasil pemeriksaan ke atas andaian-andaian ujian Regresi Linear Berganda ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab empat.

3.8.5 Penentuan Normaliti

Sebelum memulakan ujian, ujian kenormalan perlu dibuat untuk memastikan taburan data adalah normal. Penentuan normaliti merupakan keperluan utama dalam menjalankan teknik statistik inferensi. Justeru, analisis berkaitan dengan pengujian hipotesis kajian dimulakan dengan menjelaskan terlebih dahulu berkaitan penentuan normaliti. Analisis ini dilaksanakan bagi menentukan bahawa keseluruhan data responden yang diperoleh adalah “*well-modelled*”, iaitu bertabur secara taburan normal atau tidak. Bagi mendapatkan keputusan untuk analisis ini, Ujian Kenormalan (*Normality Test*) dilakukan ke atas keseluruhan data responden yang ada. Memandangkan bilangan set soalan kaji selidik adalah lebih daripada 100 (134 semuanya), pendekatan secara tidak normal melalui Ujian Kenormalan (*Normality Test*) akan digunakan, seperti kaedah grafik.

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian kenormalan reja tidak piawai menggunakan analisis regresi. Keputusan ujian Kolmogorov-Sminov adalah tidak signifikan pada 0.05 (sig.=0.100) menunjukkan bahawa data adalah bertaburan normal, setelah 1 *outlier* dikeluarkan. Ini menjadikan bilangan responden ialah 134 orang. Selain itu, nilai statistik bagi Skewness dan Kurtosis adalah menghampiri 0 di mana masing-masing berada dalam julat -1 dan +1 menunjukkan data adalah bertaburan normal.

Jadual 3.12: Ujian kenormalan

Reja tidak piawai	Ujian kenormalan		
	Kolmogorov-Smirnov ^a	Skewness	Kurtosis
Statistic	0.070	0.456	-0.318
Sig.	0.100		
Std. Error		0.209	0.416

^a Lilliefors Significance Correction

3.9 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan reka bentuk kajian, alat ukur kajian, populasi dan sampel, kaedah serta prosedur yang digunakan untuk menjalankan kajian. Huraian analisis dapatan kajian dibuat berdasarkan kepada setiap item dan juga secara keseluruhan bagi setiap aspek yang dikaji. Metodologi kajian digunakan untuk menjawab soalan kajian yang telah disediakan dalam bab 1. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian kuantitatif telah digunakan iaitu melibatkan analisis statistik data deskriptif dan statistik inferensi di mana penyelidik mentadbir tinjauan ke atas sampel atau populasi bagi memerihalkan sikap, pendapat, reaksi atau trend subjek kajian. Pengujian statistik inferensi melibatkan ujian korelasi Pearson dan analisis Regresi Linear Berganda. Penyelidikan kuantitatif boleh dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik yang melibatkan bilangan responden yang banyak dengan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel dalam mengukur pemboleh ubah bagi sesuatu penyelidikan tersebut (Krejcie & Morgan, 1970; Cohen, 1992). Menurut Ang Kean Hua (2016, penyelidikan kuantitatif merujuk kepada kajian yang melibatkan statistik. Kaedah kuantitatif digunakan kerana kajian ini memerihalkan tentang variabel dan korelasi antara variabel bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, dengan menggunakan kaedah kuantitatif, penyelidik dapat membuktikan kebolehpercayaan kajian untuk menguji teori, membina fakta dan

menyatakan kewujudan perhubungan antara variabel-variabel. Data yang diperoleh daripada ujian saiz kosa kata dan soal selidik diproses menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) versi 25.0. Keputusan dan kesimpulan yang diperoleh dibincangkan dalam Bab 4 dan 5.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membentangkan dapatan kajian penguasaan kosa kata bahasa Arab. Data kajian yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian SPSS Version 25.0. Perbahasannya mencakupi demografi responden kajian, tahap penguasaan saiz kosa kata, sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibubapa dan hubungan di antara tahap penguasaan dengan ketiga-tiga variabel di atas. Perbincangan bab ini menjurus kepada menjawab soalan kajian iaitu:

1. Apakah tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?
2. Bagaimanakah sikap terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?
3. Apakah bentuk pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah menengah agama di Terengganu?
4. Bagaimanakah sokongan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan ibubapa pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?
5. Bagaimanakah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?

4.2 DAPATAN DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 134 orang sampel. Mereka adalah para pelajar bahasa Arab di sekolah menengah agama di Terengganu. Sekolah agama yang dipilih adalah sekolah agama yang berada di bawah kawalan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) iaitu SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin. Sampel sekolah SMA ini telah dipilih daripada lima zon seluruh Terengganu. Jadual 4.1 di bawah memperincikan taburan bilangan dan peratusan demografi sampel kajian berdasarkan jantina tingkatan, taraf pendidikan ibubapa, pendapatan ibubapa, dan minat sampel terhadap bahasa Arab.

Jadual 4.1 menunjukkan biodata responden kajian yang telah dipilih terdiri daripada 134 pelajar dan jumlah ini mewakili keseluruhan pelajar Tingkatan Enam di Terengganu.


Jadual 4.1: Maklumat Demografi Responden Kajian (N=135)

Latar Belakang Responden		Bilangan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	55	41.0
	Perempuan	79	59.0
Pendapatan ibu dan bapa/penjaga	Kurang dari RM1000	19	14.0
	RM1001 – RM5000	66	49.0
	RM5001 – RM10,000	45	33.0
	RM 10,001 ke atas	5	4.0
Taraf pendidikan bapa/penjaga	Sekolah Kebangsaan	4	3.0
	Sekolah Menengah (PMR/SPM/STPM/STAM)	54	40.0
	Sijil/Diploma	28	20.7
	Ijazah (Sarjana Muda/Sarjana)	49	36.3
	Kedoktoran (PhD)	0	0

Taraf pendidikan ibu/penjaga	Sekolah Kebangsaan	7	5.2
	Sekolah Menengah (PMR/SPM/STPM/STAM)	53	39.3
	Sijil/Diploma	25	18.5
	Ijazah (Sarjana Muda/Sarjan)	50	39.3
	Kedoktoran (PhD)	0	0
Faktor utama responden mempelajari bahasa Arab	Minat	105	77.8
	Kehendak ibu bapa	14	10.4
	Pengaruh rakan	3	2.2
	Galakkan guru	7	5.2
	Lain-lain	6	4.4
Pengalaman responden waktu mula mempelajari bahasa Arab	Pra-sekolah/ Tadika	14	10.4
	Pra-sekolah/ Tadika, Sekolah Rendah	2	1.5
	Pra-sekolah/ Tadika, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah	43	31.9
	Sekolah Rendah	17	12.6
	Sekolah Rendah, Sekolah Menengah	29	21.5
	Sekolah Menengah	29	21.5

4.2.1 Responden Berdasarkan Jantina


Seramai 134 orang pelajar tingkatan enam SMAASZA dipilih untuk menjawab soalan-soalan dalam set soal selidik. Bilangan responden berdasarkan jantina seperti yang dinyatakan rajah carta pai berikut:



Rajah 4.1: Pecahan Pelajar Mengikut Jantina

Carta pai menunjukkan peratus dapatan kajian berdasarkan jantina. Graf di atas menunjukkan sebanyak 55 responden (41%) adalah lelaki dan 79 responden (59%) adalah perempuan. Berdasarkan dapatan kajian, bilangan pelajar perempuan adalah melebihi pelajar lelaki kerana keseluruhan pelajar perempuan di SMAASZA adalah 18% melebihi berbanding pelajar lelaki.


4.2.2 Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga:



Rajah 4.2: Pecahan Pelajar Mengikut Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga Pelajar

Berdasarkan rajah 4.2 di atas, 49% responden mempunyai ibu bapa berpendapatan di antara RM1001 dan RM5000. Seterusnya, 33% responden mempunyai ibu bapa berpendapatan di antara RM5001 dan RM10,000, manakala 14% responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan kurang dari RM1000. Baki 4% lagi ialah responden yang ibu bapa mereka berpendapatan RM10,001 ke atas. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden (63%) datang daripada latar belakang keluarga berstatus sosio ekonomi sederhana dan rendah.


4.2.3 Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga:



Rajah 4.3: Pecahan Pelajar Mengikut Taraf Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga Pelajar

Rajah 4.3 di atas menunjukkan taburan peratusan taraf pendidikan ibu bapa atau penjaga bagi 134 orang responden yang dikaji. 37.1% responden mempunyai ibu bapa yang berpendidikan ijazah sarjana/ijazah sarjana muda, manakala 18.5% responden mempunyai ibubapa berpendidikan sijil/diploma. 39.3% responden pula mempunyai ibu bapa berkelulusan sekolah menengah (PMR/SPM/STPM/STAM) dan 5% responden mempunyai ibu bapa berkelulusan sekolah kebangsaan. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden datang dari keluarga yang berpendidikan sederhana. Kesemua responden mempunyai ibu bapa berpendidikan formal, walaupun hanya setakat sekolah rendah sahaja.


4.2.4 Faktor Utama Responden Mempelajari Bahasa Arab



Rajah 4.4: Pecahan Pelajar Mengikut Faktor Utama Mempelajari Bahasa Arab

Merujuk Rajah 4.4 di atas, dari aspek faktor utama mempelajari bahasa Arab pula, kebanyakan responden (77.8%) mengatakan bahawa mereka mempelajari bahasa Arab disebabkan oleh minat, diikuti oleh faktor ibubapa (10.4%), guru (5.2%) dan rakan (2.2%). Manakala 4.4% responden lagi memilih lain-lain. Ini menunjukkan bahawa minat merupakan faktor utama responden mempelajari bahasa Arab. Data ini membayangkan bahawa responden tiada masalah untuk mempelajari bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi. Data ini juga menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keinginan dan keazaman untuk meneruskan pengajian bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi.

4.2.5 Pengalaman Responden Waktu Mula Mempelajari Bahasa Arab



Rajah 4.5: Pecahan Pelajar Mengikut Pengalaman Mula Mempelajari Bahasa Arab

Rajah 4.5 di atas mengemukakan maklumat berkaitan pengalaman pembelajaran bahasa Arab berasaskan aliran persekolahan dalam kalangan responden. Data ini dikemukakan berdasarkan kategori berikut, iaitu pra-sekolah/tadika, sekolah rendah, dan sekolah menengah yang diikuti secara formal. Graf di atas menunjukkan taburan pelajar mengikut pengalaman pembelajaran bahasa Arab berdasarkan kekerapan peratusan pelajar.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, peluang mempelajari bahasa Arab diperoleh seawal pendidikan di peringkat pra sekolah lagi. Selain itu, pelajar juga mempunyai pilihan mempelajarinya di peringkat sekolah rendah dan menengah. Berdasarkan graf di atas, 43.7% responden memulakan pembelajaran bahasa Arab mereka sejak di sekolah menengah, diikuti 31.9% responden memulakan pembelajaran bahasa Arab sejak memasuki pra-sekolah/tadika sehingga sekolah menengah, dan 11.9% telah mula mempelajarinya di peringkat pra-sekolah/tadika. Dapatan ini

menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Arab semenjak berada di sekolah rendah lagi. Ini bermakna kebanyakan mereka telah mempunyai lebih daripada lima tahun pengalaman pembelajaran bahasa Arab.

Dapatan ini secara umumnya menjelaskan bahawa majoriti pelajar telah mendapat pendedahan awal dan mempelajari bahasa Arab secara formal semenjak di peringkat pra sekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah (rendah). Hanya 10.4% sahaja pelajar yang mempelajari bahasa Arab peringkat pra-sekolah tanpa mengikutinya selepas peringkat tersebut.

Secara keseluruhan berdasarkan maklumat demografi, responden mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab yang memberangsangkan dengan kebanyakan pelajar mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang mencukupi untuk proses penguasaan bahasa kedua. Tambahan lagi, minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab di peringkat pra universiti yang ternyata mempunyai silibus yang lebih tinggi merupakan dua faktor yang relevan untuk melihat serta menilai tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab mereka.

4.3 DAPATAN PENGUASAAN SAIZ KOSA KATA BAHASA ARAB PELAJAR

Dapatan berkaitan penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab adalah berdasarkan skor pencapaian hasil ujian saiz kosa kata. Bagi tujuan mengukur saiz kosa kata pelajar, Ujian Saiz Kosa Kata Bahasa Arab digunakan. Data-data dalam jadual di bawah menunjukkan penguasaan kosa kata pelajar berasaskan tahap kata, kekerapan, dan min keseluruhan penguasaan.

Jadual 4.2: Penguasaan Kosa Kata Pelajar Berasaskan Tahap Kata, Kekerapan, Dan Min Keseluruhan Penguasaan

Tahap Kosa Kata	Kekerapan	Peratus	Saiz Kosa Kata	Interpretasi
0 – 500	9	6.7	500	Rendah
501 – 1000	34	25.4	1000	Sederhana Rendah
1001 – 1500	54	40.3	1500	Sederhana Tinggi
1501 – 2000	37	27.6	2000	Tinggi
Jumlah	134	100		

Min keseluruhan = 2.88, SP = 0.89

Jadual di atas menunjukkan 9 pelajar menguasai 0-500 kata, 34 pelajar (501-1000 kata), 54 pelajar (1001 -1500 kata), dan 37 pelajar (1501 -2000 kata). Dengan mengkategorikan tahap penguasaan kepada empat interpretasi, kebanyakan responden berada pada tahap penguasaan yang sederhana tinggi. Hanya 9 orang pelajar (6.7%) berada pada tahap interpretasi rendah, manakala 34 orang pelajar (25.4%) berada pada interpretasi sederhana rendah, 54 pelajar (40.3%) pada interpretasi sederhana tinggi dan 37 pelajar (27.6%) pada interpretasi tinggi. Penelitian ke atas data ini juga menunjukkan 37 orang pelajar (27.6%) didapati memiliki penguasaan 2000 saiz kosa kata. Data yang diperoleh ini juga menunjukkan bahawa skor peratus penguasaan bagi tahap kosa kata 500 dan ke bawah adalah terendah berbanding tiga tahap berikutnya. Majoriti pelajar iaitu 67.9 % berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi dan tinggi dalam

penguasaan kosa kata bahasa Arab. Sementara itu, hanya 6.7% orang pelajar sahaja yang memperoleh skor pencapaian antara 0-500 perkataan.

Hasil skor peratus penguasaan menunjukkan bahawa tahap penguasaan kosa kata responden adalah sederhana tinggi dan tinggi. Ini berpadanan dengan dapatan demografi pelajar dalam aspek minat dan pengalaman mempelajari bahasa Arab yang memberangsangkan. Sekiranya had penguasaan minimum ditetapkan pada sekurang-kurangnya 1001 perkataan (Tu'aymah, 1986; Mat Taib, 2006) majoriti pelajar yang dikaji didapati melepasi tahap tersebut (67.9%).

Jadual 4.3: Statistik Deskriptif Bagi Jumlah Perkataan Yang dikuasai

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Skor_Ujian	134	1.00	20.00	12.2090	4.632469
Valid N (listwise)	134				

Jadual 4.3 di atas menunjukkan skor ujian tahap kosa kata keseluruhan pelajar berdasarkan min, skor minimum, skor maksimum dan sisihan piawaian. Data statistik dalam jadual di atas menunjukkan bahawa skor min bagi tahap 2000 patah perkataan ialah (min = 12.21; SD = 4.63). Dapatan menunjukkan bahawa secara purata, pelajar menguasai 489 perkataan daripada kelompok 500 kata pertama, 299 perkataan daripada kelompok 500 kata kedua, 178 perkataan daripada kelompok 500 kata ketiga dan 110 kata daripada kelompok 1000 kata keempat.

Namun, masih terdapat pelajar yang berada pada tahap penguasaan kosa kata yang rendah (6.7%). Terdapat ruang dan peluang yang masih perlu diperbaiki dan ditambah baik. Ini adalah kerana, tahap penguasaan saiz kosa kata dalam kalangan pelajar merupakan perkara asas dalam penguasaan bahasa yang harus diteliti dari masa ke semasa dan ditangani dengan baik. Jika terdapat kelemahan dalam aspek ini, pihak yang terlibat perlu memberi perhatian sewajarnya dan mengambil langkah proaktif agar keadaan ini dapat diatasi sebaiknya.

4.4 SIKAP PELAJAR TERHADAP PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB

Sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab diuji berdasarkan 8 item soalan yang berkaitan. Dapatan statistik deskriptif tentang sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar dapat dijelaskan seperti jadual 4.4 yang berikut :

Jadual 4.4: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Sikap Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab.

Item	Skala				Min	S.P
	STS	TS	S	SS		
Kosa kata bahasa Arab adalah kunci untuk memahami al-Quran.	0	1.5% (2)	18.5% (25)	80% (108)	3.79	0.45
Orang yang menguasai kosa kata bahasa Arab ialah orang yang berketokohan dalam ilmu-ilmu agama.	1.5% (2)	17% (23)	36.3% (49)	45.2% (61)	3.25	0.79

<hr/>						
Penguasaan kosa kata bahasa Arab						
perlu untuk berkawan dengan orang Arab.	3% (4)	17.8% (24)	54.8% (74)	24.4% (33)	3.01	0.74
<hr/>						
Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab akan menjadi pendakwah dengan berkesan.						
	2.2% (3)	20.7% (28)	52.6% (71)	24.4% (33)	2.99	0.74
<hr/>						
Penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk fasih berbahasa Arab.						
	0	0	31.1% (42)	68.9% (93)	3.69	0.47
<hr/>						
Saya melihat orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai orang yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut.						
	0	1.5% (2)	37% (50)	61.5% (83)	3.60	0.52
<hr/>						
Kosa kata bahasa Arab adalah rahsia kebijaksanaan dalam bahasa Arab.						
	0	1.5% (2)	43% (58)	55.6% (75)	3.54	0.53
<hr/>						
Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab layak menjadi pengajar bahasa Arab.						
	1.5% (2)	6.7% (9)	35.6% (48)	56.3% (76)	3.47	0.69
<hr/>						
Min Keseluruhan = 3.412 SP = 0.353						
<hr/>						

Jadual 4.4 di atas menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Berdasarkan jadual tersebut, sikap pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab secara keseluruhannya adalah positif, dengan nilai min dan sisihan piawaian 3.4182 dan 0.353. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah “Kosa kata bahasa Arab adalah kunci untuk memahami al Quran.” (min 3.79, SP 0.45), “Penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah penting untuk fasih berbahasa Arab.” (min 3.69, SP 0.47), “Saya melihat orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai seorang yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut.” (min 3.6, SP 0.52), “Kosa kata bahasa Arab adalah rahsia

kebijaksanaan dalam bahasa Arab.” (min 3.54, SP 0.53), “Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab layak menjadi pengajar bahasa Arab.” (min 3.47, SP 0.69), “Orang yang menguasai kosa kata bahasa Arab ialah orang yang berketokohan dalam ilmu-ilmu agama.” (min 3.25, SP 0.79), dan “Penguasaan kosa kata bahasa Arab perlu untuk berkawan dengan orang Arab.” (min 3.01, SP 0.74).

Manakala hanya satu item mencatatkan nilai min sederhana ialah “Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab akan menjadi pendakwah dengan berkesan.” (min 2.99, SP 0.74),” Tiada item yang berada dalam interpretasi rendah.

Secara keseluruhan, pelajar bersikap positif terhadap individu yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab. Pelajar juga sedar bahawa kosa kata bahasa Arab ialah kunci untuk memahami al Quran. Pelajar beranggapan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk fasih berbahasa Arab dan pelajar melihat individu yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai individu yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut dan percaya bahawa kosa kata bahasa Arab harus dikuasai untuk memahami buku-buku berbahasa Arab. Pelajar juga bersetuju bahawa kosa kata bahasa Arab ialah rahsia kebijaksanaan dalam bahasa Arab. Bagaimanapun, anggapan pelajar bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab perlu untuk berkawan dengan orang Arab berada di tahap sederhana sahaja. Pelajar juga kurang bersetuju untuk mengaitkan kemahiran kosa kata bahasa Arab dengan status pendakwah yang berkesan.

4.5 PENDEKATAN GURU DALAM PENGAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB

Data berkaitan pengajaran pendekatan guru terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar diperoleh daripada bahagian B soal selidik. Persepsi tersebut diukur menggunakan 11 item soalan yang berkaitan dengan pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab. Jadual 4.5 berikut menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab. Tiga daripadanya ialah item untuk meneliti persepsi pelajar terhadap kaedah penyampaian guru, iaitu “Cara penyampaian pengajaran guru menggalakkan pelajar untuk berfikir tentang maksud perkataan-perkataan BA.”, “Penyampaian pengajaran kosa kata BA dibuat dengan jelas dan mudah difahami.” dan “Guru menggunakan alat bantu pengajaran dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata BA.”. Empat item lagi dirangka untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap kaedah penilaian guru, iaitu “Guru membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan kosa kata BA.”, “Latihan-latihan kosa kata BA yang diberi oleh guru adalah mengikut topik yang ditetapkan.”, “Latihan-latihan dan tugasan-tugasan yang diberi oleh guru berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata BA pelajar.” dan “Guru memberikan tugasan kosa kata BA yang sesuai dengan tahap pelajar.”. Manakala empat item terakhir iaitu, “Guru berpengetahuan dalam kosa kata BA.”, “Guru menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata BA.”, “Guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan tentang kosa kata BA.”, dan “Guru bahasa Arab mudah didekati oleh pelajar.” Item-item yang lain disediakan untuk meneliti persepsi pelajar terhadap sikap guru. Jadual berikut menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab.

Jadual 4.5: Taburan Kekeapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawai Pendekatan Guru Dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Item	Skala				Min	S.P
	STS	TS	S	SS		
Guru bahasa Arab mudah didekati oleh pelajar.	1.5% (2)	8.9% (12)	46.7% (63)	43% (58)	3.31	0.70
Latihan-latihan kosa kata BA yang diberi oleh guru adalah mengikut topik yang ditetapkan.	0.7% (1)	4.4% (7)	48.9% (66)	45.9% (62)	3.40	0.61
Guru menggunakan alat bantu pengajaran dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata BA.	0.7% (1)	16.3% (22)	49.6% (67)	33.3% (45)	2.16	0.71
Guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan tentang kosa kata BA.	0	2.2% (3)	34.1% (46)	63.7% (86)	3.61	0.53
Guru membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan kosa kata BA.	0	0	24.4% (33)	75.6% (102)	3.76	0.43
Cara penyampaian pengajaran guru menggalakkan pelajar untuk berfikir tentang maksud perkataan-perkataan BA.	0	2.2% (3)	39.3% (53)	58.5% (79)	3.56	0.54
Guru berpengetahuan dalam kosa kata BA.	0	0.7% (1)	20% (27)	79.3% (107)	3.79	0.43
Guru memberikan tugas kosa kata BA yang sesuai dengan tahap pelajar.	0.7% (1)	3.7% (5)	36.3% (49)	59.3% (80)	3.54	0.61

Penyampaian pengajaran kosa kata BA dibuat dengan jelas dan mudah difahami.	0	5.2% (7)	40.7% (55)	54.1% (73)	3.49	0.60
Guru menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata BA.	0	0.7% (1)	25.2% (34)	74.1% (100)	3.73	0.46
Latihan-latihan dan tugas-tugas yang diberi oleh guru berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata BA pelajar.	0	0.7% (1)	36.3% (49)	63% (85)	3.62	0.50
Min Keseluruhan = 3.540 SP = 0.362						

Jadual 4.5 di atas menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai pendekatan guru dalam pengajaran penguasaan kosa kata bahasa Arab. Berdasarkan nilai min yang diperolehi, kesemua item berada dalam kedudukan yang tinggi kecuali item “Guru menggunakan alat bantu pengajaran dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata BA.” (min 2.16, SP 0.71). Berdasarkan jadual di atas, item yang menunjukkan nilai min tertinggi ialah “Guru berpengetahuan dalam kosa kata BA.” (min 3.79, S.P=0.43), diikuti oleh item “Guru membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan kosa kata BA.” (min 3.76, S.P=0.43), “Guru menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata BA.” (min 3.73, S.P=0.46), dan “Latihan-latihan dan tugas-tugas yang diberi oleh guru berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata BA pelajar.” (min 3.62, S.P=0.50).

Item yang mencatatkan nilai min terendah pula ialah “Guru menggunakan alat bantu pengajaran dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata BA.” (min 2.16 dengan nilai S.P=0.71) diikuti oleh “Guru bahasa Arab mudah didekati oleh pelajar.” (min 3.13 dengan nilai S.P=0.70).

Berdasarkan analisis di atas, secara keseluruhannya, pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap sikap guru, diikuti oleh persepsi pelajar terhadap kaedah penilaian yang dilaksanakan guru dan persepsi pelajar terhadap kaedah penyampaian guru. Item yang berkait dengan alat bantu pengajaran mencatat nilai min terendah dan satu-satunya item yang berada dalam interpretasi sederhana berbanding item-item lain yang berada dalam interpretasi tinggi. Ia memberikan isyarat bahawa guru harus melakukan sesuatu untuk meningkatkan keberkesanan alat bantu mengajar dalam pengajaran mereka, agar pengajaran dalam aspek kosa kata dapat dilaksanakan dengan berkesan dan objektif pengajaran kosa kata dapat dicapai dengan jaya. Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab adalah penting agar pelajar dapat memahami sesuatu konsep seterusnya tertarik untuk mengaplikasikan kosa kata yang dipelajari. Alat bantu mengajar pula berfungsi untuk merangsang kecerdasan pelajar dan guru harus kreatif dengan menggunakan pelbagai cara untuk mempelbagaikan situasi rangsangan.

Guru memainkan peranan yang amat penting dalam pembelajaran pelajar. Nilai purata min keseluruhan 3.540 dengan sisihan piawaian 0.362 menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap guru adalah amat baik. Secara tidak langsung ia menggambarkan bahawa guru telah memainkan peranannya dalam melaksanakan pengajaran berasaskan bahasa sebagaimana saranan KPM dalam Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (2016) iaitu; bidang keberhasilan utama guru adalah menyampaikan kandungan kurikulum dalam bilik darjah melalui pelbagai kaedah pedagogi dan aplikasi yang melibatkan murid, dan mengaplikasikan teknik penilaian berkaitan yang boleh mencerminkan pembelajaran murid bagi mencapai hasil pembelajaran berkesan. Persepsi pelajar yang amat baik dan positif terhadap sikap guru pula membayangkan bahawa pengetahuan dan kesungguhan para guru, peluang yang diberikan oleh guru kepada pelajar dan hubungan guru dan pelajar yang baik amat diperlukan dan dihargai oleh pelajar. Hal yang baik ini harus dikekalkan, malah ditingkatkan dari semasa ke semasa demi untuk menjadikan sekolah terutamanya bilik darjah sebagai tempat yang memberikan seribu keseronokan dan ketenangan kepada para pelajar sekali gus membantu mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran terutamanya penguasaan kosa kata bahasa Arab.

4.6 SOKONGAN IBUBAPA TERHADAP PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB PELAJAR

Data berkaitan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar diperoleh daripada bahagian B soal selidik. 10 item soalan berkaitan ibubapa disediakan untuk meneliti persepsi pelajar terhadap sokongan ibubapa dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Enam item iaitu, “Ibu bapa saya membelikan kamus BA untuk saya.”, “Ibu bapa saya membelikan gajet untuk saya belajar kosa kata BA.”, “Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar BA.”, “Ibu bapa saya membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk saya belajar kosa kata BA.”, “Ibu bapa saya menyediakan akses Internet di rumah.” dan “Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek BA.” adalah item-item yang disediakan bagi melihat persepsi pelajar terhadap sokongan ibubapa dari segi material dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Manakala enam item lagi digariskan untuk meneliti sokongan ibubapa dari segi moral dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab, iaitu “Ibu bapa saya bertanyakan keputusan peperiksaan subjek BA saya.”, “Ibu bapa saya membimbing saya dalam menyiapkan kerja sekolah atau tugas BA.”, “Ibu bapa saya memberikan tunjuk ajar kepada saya bagaimana untuk menguasai kosa kata BA.”, “Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat perbincangan tentang kosa kata BA dengan rakan-rakan.” dan “Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk menghafal kosa kata BA.”, “Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek BA.” dan “Ibu bapa saya berbincang dengan saya tentang pencapaian saya dalam kosa kata BA.” Beberapa statistik deskriptif yang diperoleh daripada aspek ini ditunjukkan dalam jadual berikut:

**Jadual 4.6: Taburan Ke kerap an, Peratusan, Min, Sisihan dan Piawaian Sokongan
Ibubapa terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar.**

Item	Skala				Min	S.P
	STS	TS	S	SS		
Ibu bapa saya bertanyakan keputusan peperiksaan subjek BA saya.	3.0% (4)	13.3% (18)	41.5% (56)	42.2% (57)	3.23	0.70
Ibu bapa saya membelikan gajet untuk saya belajar kosa kata BA.	11.9% (16)	30.4% (41)	38.5% (52)	19.3% (26)	2.65	0.61
Ibu bapa saya membimbing saya dalam menyiapkan kerja sekolah atau tugas BA.	9.6% (13)	38.5% (52)	39.3% (53)	12.6% (17)	2.55	0.71
Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar BA.	19.3% (26)	44.4% (60)	23.7% (32)	12.6% (17)	2.30	0.53
Ibu bapa saya memberikan tunjuk ajar kepada saya bagaimana untuk menguasai kosa kata BA.	14.1% (19)	34.8% (47)	34.1% (46)	17.0% (23)	2.54	0.43
Ibu bapa saya membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk saya belajar kosa kata BA.	5.2% (7)	8.9% (12)	48.1% (65)	37.8% (51)	3.19	0.54
Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat perbincangan tentang kosa kata BA dengan rakan-rakan.	3.7% (5)	14.1% (19)	39.3% (53)	43% (58)	3.21	0.43
Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk menghafal kosa kata BA.	6.7% (9)	29.6% (40)	40% (54)	23.7% (32)	2.81	0.60

Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek BA.	20.7% (28)	37.8% (51)	25.2% (34)	16.3% (22)	2.37	0.46
Ibu bapa saya berbincang dengan saya tentang pencapaian saya dalam kosa kata BA.	8.1% (11)	31.1% (42)	37.0% (50)	23.7% (32)	2.76	0.50
Min Keseluruhan = 2.755 SP = 0.630						

Jadual 4.6 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min, sisihan dan piawai sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Dapatan menunjukkan tiga item iaitu “Ibu bapa saya membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk saya belajar kosa kata BA.” (min 3.19, SP 0.54), “Ibu bapa saya menyediakan akses Internet di rumah.” (min 3.36, SP 0.61), dan “Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat perbincangan tentang kosa kata BA dengan rakan-rakan.” (min 3.21, SP 0.43) berada dalam interpretasi tinggi. Manakala tujuh item lagi, iaitu “Ibu bapa saya membelikan gajet untuk saya belajar kosa kata BA.” (min 2.65, SP 0.61), “Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar BA.” (min 2.30, SP 0.53), “Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek BA.” (min 2.37, SP 0.46), “Ibu bapa saya membimbing saya dalam menyiapkan kerja sekolah atau tugas BA.” (min 2.55, SP 0.71), “Ibu bapa saya memberikan tunjuk ajar kepada saya bagaimana untuk menguasai kosa kata BA.” (min 2.54, SP 0.43), “Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk menghafal kosa kata BA.” (min 2.81, SP 0.60) dan “Ibu bapa saya berbincang dengan saya tentang pencapaian saya dalam kosa kata BA.” (min 2.76, SP 0.50), berada dalam interpretasi sederhana. Item yang merekodkan nilai min tertinggi ialah “Ibu bapa saya bertanyakan keputusan peperiksaan subjek BA saya.” (min 3.23 dengan nilai S.P=0.70), “Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat perbincangan tentang kosa kata BA dengan rakan-rakan.” (min 3.21 dengan nilai S.P=0.43), dan “Ibu bapa saya membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk saya belajar kosa kata BA.” (min 3.19 dengan nilai S.P=0.54). Manakala dua item yang menunjukkan nilai min terendah pula ialah item “Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar BA” (min 2.30

dengan nilai $S.P=0.50$) diikuti oleh “Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek BA.” (min 2.37 dengan nilai $S.P=0.460$).

Berdasarkan jadual dan analisis di atas, empat item dari kategori sokongan moral berada dalam interpretasi sederhana, iaitu “Ibu bapa saya menghantar saya ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk saya belajar BA” (min 2.30 dengan nilai $S.P=0.50$), “Ibu bapa saya membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek BA.” (min 2.37 dengan nilai $S.P=0.460$), “Ibu bapa saya membimbing saya dalam menyiapkan kerja sekolah atau tugas BA.” (min 2.55, SP 0.71), dan “Ibu bapa saya memberikan tunjuk ajar kepada saya bagaimana untuk menguasai kosa kata BA.” (min 2.54, SP 0.43). Ini membayangkan bahawa sokongan ibubapa dari segi moral masih belum kuat untuk merangsang pelajar menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik seterusnya cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Arab. Meskipun dua item yang menunjukkan nilai min terendah adalah dari kategori sokongan material, namun secara keseluruhan pelajar menganggap sokongan ibubapa dalam kategori tersebut adalah baik terutama dalam aspek pembelian kamus dan buku-buku rujukan serta penyediaan akses internet di rumah untuk kemudahan pelajar membuat rujukan kosa kata bahasa Arab. Dua item terendah itu juga membayangkan bahawa rangsangan kebendaan seperti pemberian hadiah sebagai penghargaan atas pencapaian pelajar dan penghantaran pelajar ke pusat tuisyen bagi mendapat bimbingan tambahan kurang diberi penekanan oleh ibubapa. Hal ini demikian, mungkin disebabkan oleh faktor ekonomi di mana, 63% pelajar adalah dalam kalangan keluarga berpendapatan RM5000 dan ke bawah sebulan iaitu dari kategori B40. Mungkin atas faktor ekonomi itu juga, pemberian hadiah dan penghantaran anak ke pusat tuisyen tidak menjadi amalan dan kebiasaan dalam kalangan mereka. Manakala dua item dari kategori sama yang mencatat nilai min tertinggi pula mungkin mewakili baki 37% lagi pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan RM5001 dan ke atas sebulan iaitu mereka yang dari kategori M40. Secara umum, data di atas menunjukkan bahawa sokongan ibubapa berada dalam interpretasi sederhana dengan nilai min keseluruhan 2.755 dan sisihan piawaian 0.630.

Kesimpulannya, ibu bapa perlu mempunyai kestabilan ekonomi agar keperluan keluarga terjamin dan mampu menyediakan semua keperluan pelajar. Dorongan dan motivasi daripada keluarga adalah penting bagi seseorang pelajar dalam proses mempelajari dan menguasai bahasa kedua. Sekiranya ibu bapa dapat menunjukkan sokongan seperti sering berbincang dengan anak-anak mereka tentang pelajaran walaupun tidak secara khusus, pelajar akan merasakan yang ibu bapa mereka mengambil berat dan memberikan perhatian terhadap pelajaran mereka. Data yang diperoleh membayangkan bahawa, tahap penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran kosa kata pelajar masih tidak memuaskan dan masih tidak optimum terutama pelaksanaan yang melibatkan enam penglibatan ibubapa menurut Model Epstein (2002). Hal ini boleh menjejaskan penguasaan pelajar dalam aspek kosa kata. Permasalahan ini perlu diperhalusi agar tahap penguasaan bahasa Arab pelajar pada masa akan datang terutama dalam aspek kosa kata dapat dipertingkatkan.

4.7 PENGARUH SIKAP PELAJAR, PENDEKATAN PENGAJARAN GURU DAN SOKONGAN IBUBAPA TERHADAP PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB

Bagi melihat pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar, Ujian Regresi Linear Berganda (*Linear Multiple Regresion*) dilakukan bagi menjawab soalan keempat serta menguji ketiga-tiga hipotesis. Beberapa andaian yang menjadi prasyarat ujian ini telah diteliti antaranya saiz sampel yang mencukupi, ketiadaan data terpercail, masalah multikolinearan dan singulariti dan taburan normal serta linear.

Mengenal pasti dan menentukan nilai sumbangan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa sebagai variabel bebas kepada penguasaan kosa kata (variabel bersandar) merupakan tujuan utama kajian ini. Untuk itu, analisis regresi linear berganda telah digunakan kerana keupayaannya meramal

dan mengenal pasti sumbangan beberapa variabel bebas (prediktor terhadap variabel bersandar (kriteria). Metod regresi linear berganda yang digunakan adalah *stepwise*. Metod *Stepwise* digunakan kerana metod ini lebih ekonomi dan efisien. Melalui metod *Stepwise*, hanya variabel peramal yang signifikan sahaja dimasukkan ke dalam senarai regresi. Selain itu, metod ini juga sebenarnya menggabungkan sebahagian elemen atau prosedur regresi *method backward* dan *method forward*.

Terdapat tiga hipotesis nol yang diuji dalam kajian ini. Berikut adalah dapatan yang diperoleh. Pengujian hipotesis kajian adalah untuk mengenal pasti pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa sebagai peramal terhadap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar.

Jadual 4.7: Hasil Keputusan Hipotesis

	Hipotesis	Keputusan
H ₀₁	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.	Ditolak
H ₀₂	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pengajaran guru dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.	Ditolak
H ₀₃	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan ibubapa dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.	Ditolak

4.7.1 Analisis Korelasi Pearson

Pearson product-moment correlation coefficient merupakan statistik berparameter yang digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan kedua-dua pemboleh ubah mempunyai data berbentuk taburan secara normal (parametrik) atau linear (Mohd Lazim, Alina, 2020). Korelasi Pearson telah ditadbir bagi mengenal pasti wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa. Namun, ujian korelasi ini tidak membuktikan sejauhmana setiap faktor yang dikaji adalah menyumbang kepada pemboleh ubah bersandar, tetapi hanya menentukan perkaitan yang wujud sama ada perkaitan tersebut positif atau negatif berdasarkan nilai pekali korelasi (r).

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Daripada nilai korelasi yang diperoleh daripada output SPSS pada jadual 4.3, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan sikap pelajar di mana nilai pekali korelasi Pearson, $r = 0.452$, $n = 134$, $p = 0.00$ ($p < 0.01$). Maka, keputusan adalah menolak H₀₁ dan dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan sikap pelajar.

H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pengajaran guru dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Selain itu, nilai $r = 0.553$ yang diperoleh pada pendekatan pengajaran guru menunjukkan korelasi positif. Ini bermaksud bahawa pendekatan pengajaran guru mempunyai hubungan yang kuat dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Semakin bertambah nilai pekali pendekatan pengajaran guru, semakin meningkat tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar dan sebaliknya.

H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan ibubapa dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Seterusnya, jadual 4.3 memaparkan keputusan sokongan ibubapa yang mendapati nilai pekali korelasi Pearson $r = 0.678$ yang diperoleh menunjukkan korelasi positif yang sederhana kerana nilai tersebut menghampiri nilai +1 dengan nilai $p < 0.00$. Maka, hipotesis nol ketiga (H₀₃) juga ditolak. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan ibu bapa dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Jadual 4.8: Analisis korelasi Pearson

		Penguasaan kosa kata Bahasa Arab	Sikap pelajar	Pendekatan pengajaran guru
Sikap pelajar	Korelasi Pearson	.452**		
	Sig. (2-tailed)	0.000		
	N	134		
Pendekatan pengajaran guru	Korelasi Pearson	.553**	.368**	
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.000	
	N	134	134	
Sokongan ibubapa	Korelasi Pearson	.678**	.210*	.291**
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.015	0.001
	N	134	134	134

* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed).

Hipotesis nol yang dibentuk telah diuji dengan analisis korelasi Pearson bagi melihat hubungan ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji iaitu sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Justeru, secara keseluruhan, hasil korelasi Pearson yang diperoleh menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji mempunyai hubungan yang positif dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Maka, hipotesis nol H_{01} , H_{02} dan H_{03} adalah berjaya ditolak.

4.7.2 Analisis Regresi Linear Berganda

Jadual 4.9 menunjukkan keputusan analisis regresi pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Keputusan ujian *Durbin Watson* ialah 1.819 iaitu berada dalam julat 0 hingga 4, menunjukkan bahawa reja adalah tidak berkorelasi antara satu sama lain. Selain itu, nilai faktor inflasi varians (VIF) bagi setiap pemboleh ubah adalah masing-masing kurang dari 5 menunjukkan bahawa tidak wujud masalah multikolineariti antara hubungan pemboleh ubah yang terlibat model regresi linear ini. Tambahan lagi, ujian ANOVA bagi regresi linear adalah signifikan pada aras 0.05 ($F=76.927$), maka menunjukkan garis regresi bagi model ini adalah pengukur yang baik dalam meramalkan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Oleh kerana ujian-ujian ini telah dipenuhi, maka menunjukkan bahawa model regresi yang digunakan adalah bagus dalam meramalkan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.

Di samping itu, nilai R kuasa dua ialah 0.640 menunjukkan bahawa sebanyak 64.0% penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu dapat diramal oleh faktor sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan

sokongan ibubapa. Manakala sebanyak 36.0% penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu boleh dijelaskan dengan pemboleh-pemboleh ubah lain yang tidak diambil kira dalam model ini.

Nilai statistik t bagi sikap pelajar ($t=3.911$), pendekatan pengajaran guru ($t=5.384$) dan sokongan ibubapa ($t=9.372$) adalah signifikan pada aras 0.05, menunjukkan bahawa pemboleh ubah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa adalah mempengaruhi penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Nilai β bagi pendekatan pengajaran guru ialah 0.639 iaitu paling tinggi menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran guru pula paling tinggi mempengaruhi penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu diikuti dengan sokongan ibubapa ($\beta =0.631$) dan sikap pelajar ($\beta =0.470$).

Jadual 4.9: Analisis regresi pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.

Pemboleh ubah tidak bersandar (IV)	β	Ralat piawai	Nilai t	Sig.	Collinearity Statistics	
					Tolerance	VIF
(Pemalar)	-4.419	0.466	-9.479**	0.000		
Sikap pelajar	0.470	0.120	3.911**	0.000	0.853	1.173
Pendekatan pengajaran guru	0.639	0.119	5.384**	0.000	0.816	1.225
Sokongan ibubapa	0.631	0.065	9.732**	0.000	0.903	1.108
R kuasa dua	0.640					

ANOVA ^a	76.927**	0.000
Durbin-Watson	1.789	

a Pemboleh ubah bersandar (DV): Penguasaan kosa kata Bahasa Arab

**adalah signifikan pada tahap 0.05

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bagi populasi kajian, terdapat tiga pemboleh ubah peramal. Nilai $\beta = .639$ menunjukkan sumbangan pemboleh ubah peramal (pendekatan pengajaran guru) terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah paling tinggi diikuti dengan pemboleh ubah sokongan ibubapa dan sikap pelajar. Lebih sebanyak 33 peratus sumbangan boleh dijelaskan dengan pemboleh-pemboleh ubah lain yang tidak diambil kira dalam model ini. Hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa kemungkinan terdapat beberapa faktor lain seperti faktor teknologi, rakan sebaya, dan motivasi yang memberi kesan atau pengaruh terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang tidak disentuh dalam kajian ini.

4.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan dapatan analisis data kajian sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar berdasarkan soal selidik yang telah dilengkapkan. Penyelidik juga telah menghuraikan data kajian secara deskriptif dan inferensi bagi mencapai tujuan kajian serta objektif-objektif yang telah dikemukakan.

Analisis korelasi yang dijalankan pengkaji menunjukkan terdapatnya hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Analisis regresi linear berganda pula menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran guru paling banyak menyumbang kepada tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Secara umumnya, tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu adalah sederhana tinggi dan telah mencapai tahap minimum yang diperlukan bagi seorang pelajar yang berada di peringkat menengah. Kajian ini menunjukkan penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab bagi pelajar menengah telah mencapai objektif KPM yang disasarkan iaitu sebanyak 1500 saiz kosa kata dan pandangan sarjana bahasa Tu'aymah (1986) dengan penguasaan saiz kosa kata sekitar 1000 hingga 1500 perkataan bagi peringkat menengah. Ini adalah munasabah kerana mereka telah melalui tempoh pembelajaran bahasa Arab yang lama sekurang-kurang lima tahun pengajian melalui sistem kurikulum bahasa Arab di peringkat menengah, oleh itu penguasaan kosa kata bahasa Arab mereka adalah memberangsangkan.

Tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang tinggi dalam kalangan pelajar yang dapat dirungkaikan ini selari dengan kajian-kajian tempatan dan luar negara seperti Anuar Sopian (2016); Adnan & Muhammad Firdaus (2014); Abdul Razif Zaini & Mohd. Zaki Abd. Rahman (2017); Kirk Dowswell (2017); Muhammad Zahri & Muhammad Haron (2016); Masrai, A., Masrai, A. & Milton, J. (2017); Yasmika Baihaqi (2014) yang mendapati bahawa majoriti pelajar yang dikaji memiliki saiz kosa kata pada paras optimum dan mencukupi. Penguasaan kosa kata yang optimum membantu pelajar memahami bahan bacaan akademik dengan baik. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar didapati melepasi tahap saiz kosa kata minimum (67.9%) dengan nilai min 2.88. Hanya segelintir pelajar sahaja yang memperoleh skor pencapaian antara 0-500 perkataan iaitu sekitar 6.7% daripada keseluruhan sampel kajian.

Kemajuan pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab dapat dipertingkatkan lagi jika ketiga-tiga aspek yang dikaji diberi perhatian dan ditangani secara proaktif oleh pihak yang terlibat. Masih terdapat ruang-ruang yang perlu diperhalusi dalam usaha

meningkatkan pencapaian pelajar dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Semua pihak terutama guru dan ibubapa harus bekerjasama dalam mengekalkan penguasaan kosa kata yang mapan dalam kalangan pelajar serta memupuk tanggapan positif terhadap kepentingan aspek kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Di samping itu, para pelajar juga harus memainkan peranan bagi membentuk sikap positif mereka dalam usaha mempertingkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Penguasaan kosa kata bahasa Arab bukan sahaja penting untuk meningkatkan penguasaan dalam aspek-aspek yang lain seperti pertuturan dan penulisan bahasa Arab, malah lebih penting dari itu, ia dapat meningkatkan kualiti penghayatan bacaan al-Quran dan ibadah-ibadah harian yang lain.

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab 4 sebelumnya. Perbincangan dalam bab ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah perbincangan dapatan kajian, seterusnya bahagian kedua ialah rumusan kajian dan bahagian ketiga ialah cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan untuk penyelidikan akan datang.

5.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada dapatan kajian mengenai tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar. Selain dari itu, perbincangan turut meliputi sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab, pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Perbincangan turut menyentuh hubungan sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa terhadap tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

5.2.1 Tahap Penguasaan Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar

Dapatan sorotan kajian-kajian terdahulu yang ditampilkan menjadi justifikasi dapatan kajian ini. Kosa kata merupakan kunci komunikasi di mana matlamat utama dalam pembelajaran bahasa kedua adalah supaya pelajar dapat berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari. Kelemahan kosa kata bahasa Arab membataskan pelajar dalam kemahiran komunikasi, pemahaman bacaan, penulisan karangan secara lisan dan tulisan (Irma Martiny, Maimun Aqsha, Zaid Arafat & Aishah Sjahrony, 2017; Abdul Razif Zaini & Mohd. Zaki Abd. Rahman, 2017; Muhammad Zahri & Muhammad Haron, 2016; Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza, 2014 dan Rosni Samah, 2012).

Penyelidik mendapati pelajar didedahkan dengan kepentingan penguasaan kosa kata bahasa Arab melalui bahan rujukan pembelajaran buku teks dan bahan rujukan tambahan yang lain. Hal ini dapat dilihat berdasarkan skor set soalan ujian kosa kata bahasa Arab yang mencatat peratusan jawapan betul yang tinggi. Berdasarkan analisis dapatan yang telah dibincangkan, kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi dan tinggi dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan nilai min 2.88. Tahap penguasaan ini menunjukkan bahawa responden kajian mencapai tahap minimum yang diperlukan bagi seorang pelajar yang berada di peringkat sekolah menengah. Sekali gus, dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab bagi pelajar sekolah menengah agama di Terengganu telah mencapai objektif DSKP Bahasa Arab yang disasarkan. Berdasarkan objektif sukatan pelajaran bahasa Arab yang disediakan, serta pandangan kebanyakan sarjana pendidikan bahasa Arab dan sarjana linguistik (Hazenbergh dan Hulstijn, 1996; Coady & Huckin, 2003; Nation dan Waring, 2002; Nation & Meara, 2010; Schmitt, 2010; Abd al-Bari, 2011), pelajar di peringkat ini seharusnya menguasai 1500 hingga 2000 perkataan. Secara umumnya, pelajar-pelajar yang dikaji boleh menjawab soalan ujian saiz kosa kata bahasa Arab dengan baik.

Penyelidik amat berpuas hati dengan hasil tersebut. Ini adalah kerana pelajar-pelajar banyak memberi sokongan dan kerjasama yang memuaskan. Hasil bantuan dan pengawasan daripada guru panitia dan guru-guru bahasa Arab di sekolah kajian, ujian ini dapat dilaksanakan dengan telus tanpa melibatkan unsur penipuan daripada para pelajar sama ada mereka merujuk kamus atau berkongsi jawapan dengan rakan-rakan sekelas. Perkara ini adalah penting kerana objektif pertama kajian ini akan dicapai dengan hasil soalan ujian kosa kata bahasa Arab yang menggambarkan tahap pengetahuan sebenar sedia ada pelajar. Sekiranya pelajar tidak mampu menguasai kosa kata dengan tahap penguasaan yang baik maka mereka akan menghadapi masalah dalam penentuan makna perkataan dan penggunaannya dalam konteks yang tepat. Bahkan kelemahan dalam aspek ini akan memberi kesan kepada para pelajar yang akan mengikuti pengajian mereka di peringkat lanjutan.

Ujian saiz kosa kata yang dijalankan sangat penting kerana ia bukan sahaja dapat menentukan tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar malah ia juga dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan penguasaan kosa kata dalam pemerolehan bahasa kedua. Keterbatasan saiz kosa kata dalam kalangan pelajar merupakan satu masalah asas dalam pembelajaran bahasa. Kelemahan aspek ini perlu mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak yang terlibat agar keadaan ini dapat diatasi sebaiknya. Masalah penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar pra universiti sepatutnya digarap pada peringkat sekolah menengah lagi bagi mengelakkan masalah untuk mengikuti pengajian dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa Arab di peringkat universiti. Kelemahan kosa kata pelajar di peringkat ini menunjukkan kelemahan pelajar di peringkat rendah pengajian yang perlu diambil perhatian secara holistik oleh semua pihak yang terlibat.

Pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa sangat berkait rapat dan dijadikan sebagai rangsangan positif dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Penguasaan ini penting terutama bagi tujuan melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Liu Na dan Nation (1985), Tu'aymah (1986) menyatakan sebanyak 3000 perkataan asas mesti dikuasai oleh pelajar

pada peringkat universiti dalam bidang tertentu. Dalam kajian yang lain, Schmitt, 2000; Nation & Waring, 1997; Nation & Hwang, 1995; Meara, 1995 dan Michael Philip West (1953) berpendapat penguasaan kosa kata 2000 perkataan telah memadai bagi semua peringkat pembelajaran yang menggunakan bahasa yang efektif. Kajian berasaskan frekuensi kosa kata dalam teks seperti yang dijalankan oleh Nation (2001) menunjukkan bahawa sekitar 2000 sahaja perkataan asas yang diperlukan oleh pelajar untuk memahami sekurang-kurangnya 80 peratus perkataan yang ditemui dalam teks. 2000 perkataan ini merupakan kosa kata berfrekuensi tinggi yang kerap digunakan dalam pelbagai genre penulisan dan percakapan. Sementara Tu'aymah (1986) pula berpandangan seseorang pelajar sekolah menengah seharusnya menguasai antara 1000 hingga 1500 perkataan umum baru setiap tahun untuk menguasai subjek - subjek yang dipelajari pada peringkat tersebut. Justeru, dapat difahami secara kasar bahawa jumlah minimum kosa kata yang mesti dikuasai pelajar adalah antara 1500 ke 2000 perkataan.

Dapatan ini membuktikan bahawa penguasaan tahap kosa kata bahasa Arab pelajar adalah memberangsangkan dan menepati objektif. Namun, terdapat keperluan khusus untuk dibangunkan dan diperkasakan. Pengaruh sikap, pendekatan pengajaran guru, dan sokongan ibubapa berperanan dalam membangunkan tahap penguasaan kosa kata mereka sekaligus akan memperkasakan kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain. Faktor sosial yang dominan dalam aspek pembelajaran bahasa, iaitu sikap dan faktor persekitaran sosial terutama ibu bapa dan guru seperti yang dijelaskan Dayang Sufilkawany Ujai, Wan Muna Ruzanna & Wan Mohammad (2017) dan Zakaria Stapa (2012) juga memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan jati diri individu. Faktor-faktor ini dilihat dapat dimanfaatkan dalam mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pembelajaran bahasa, pelajar digalakkan menguasai sebanyak mungkin perkataan sama ada melalui pembacaan atau pendengaran tanpa membataskan kepada tahap penguasaan yang tertentu. Kebolehan untuk memahami teks dan menggunakannya untuk berkomunikasi dalam bahasa

Arab akan dapat dicapai jika pelajar mempunyai keutamaan sikap dalam memperkasakan tahap penguasaan kosa kata dengan keupayaan menggunakannya dengan berkesan.

5.2.2 Sikap Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab

Sikap dari segi penelitian ilmu psikologi ialah suatu bentuk psikologi, entiti mental dan emosi yang diwarisi, atau sesuatu yang dapat mengkategorikan bentuk seseorang. Sikap adalah kompleks dan ia merupakan suatu keadaan yang diperoleh melalui pengalaman.

Berdasarkan dapatan kajian, sikap pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab secara keseluruhannya adalah positif dengan nilai min dan sisihan piawaian 3.4182 dan 0.353. Kebanyakan pelajar sedar bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah kunci untuk memahami al-Quran, selain menyedari bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah penting untuk fasih berkomunikasi dalam bahasa Arab dan melihat individu yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai individu yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut. Secara keseluruhan, pelajar bersikap amat positif terhadap individu yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab. Pelajar juga sedar bahawa kosa kata bahasa Arab ialah kunci untuk memahami al-Quran. Pelajar beranggapan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk fasih berbahasa Arab dan pelajar melihat individu yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai individu yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut dan percaya bahawa kosa kata bahasa Arab harus dikuasai untuk memahami buku-buku berbahasa Arab. Namun, Orang yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab akan menjadi pendakwah dengan berkesan adalah min terendah berbanding kesemua item sikap pelajar yang dikaji. Pelajar dilihat tidak terlalu bersetuju untuk mengaitkan kemahiran kosa kata bahasa Arab dengan menjadi pendakwah yang berkesan.

Dapatan ini menunjukkan pelajar memiliki sikap yang positif terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab kerana sedar akan kepentingan dan matlamat penguasaannya. Justeru, sikap pelajar yang positif terhadap bahasa yang dipelajarinya adalah penting untuk dikekalkan dan dipupuk kerana sikap dianggap sebagai kunci kepada komponen motivasi. Selain itu, ia merupakan unsur utama proses motivasi, yang memberi kesan dan secara aktif menyumbang kepada penguasaan bahasa lain (Gardner dan Lambert, 1972). Situasi dapatan deskriptif ini juga menunjukkan gambaran bahawa pelajar mempunyai kesedaran tentang kepentingan kosa kata dalam pemerolehan bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Namun, hal ini dapat dipastikan dengan ujian analisis regresi pengaruh sikap pelajar terhadap variabel penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar bagi mengenal pasti tahap pengaruhnya.

5.2.3 Pendekatan Guru dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Guru memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Beberapa aspek seperti strategi, pendekatan dan pengaplikasian dalam pengajaran mempunyai perkaitan yang relevan untuk dilaksanakan oleh guru.

Dapatan menggambarkan para guru bahasa Arab di sekolah kajian mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam aspek kosa kata bahasa Arab. Para guru juga memainkan peranan yang baik dalam pendekatan pengajaran mereka. Ini adalah kerana dapatan membuktikan mereka membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan kosa kata bahasa Arab. Bahkan guru bahasa Arab juga menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab. Kesemua item memperoleh min yang tinggi selain hanya satu item sahaja yang menunjukkan jumlah min yang rendah iaitu bahan bantu pengajaran digunakan dengan berkesan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab.

Keputusan kajian menunjukkan para guru bahasa Arab juga melaksanakan pendekatan pengajaran yang efektif dan berkualiti dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Oleh itu, pendekatan pengajaran guru yang baik mencerminkan prestasi cemerlang seseorang pelajar dari segenap aspek. Sebagaimana dapatan kajian Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2018), hasil pembelajaran bahasa Arab pelajar di peringkat universiti mencerminkan hasil pembelajaran mereka dari peringkat sekolah menengah.

5.2.4 Sokongan Iubapa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar

Tidak dinafikan galakan dan sokongan daripada guru dan ibu bapa adalah sangat penting dalam penguasaan bahasa Arab. Dorongan dan sikap yang sihat ini menjadi faktor sosial dan budaya. Dorongan dan motivasi sangat penting kepada seseorang pelajar dalam proses mempelajari bahasa kedua dengan memberi rangsangan secara positif termasuk dari aspek material dan moral.

Dapatan menunjukkan ibubapa memahami perkembangan anak-anak serta menyediakan suasana rumah yang membantu proses pembelajaran bagi setiap peringkat umur dan tahap pendidikan. Majoriti ibubapa didapati menyediakan akses Internet rumah dan menggalakkan anak-anak membuat perbincangan mengenai pembelajaran kosa kata bahasa Arab dengan rakan-rakan. Selain itu, ibubapa menyediakan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk anak-anak mereka menguasai kosa kata bahasa Arab seperti kamus, buku nota, *flash card* dan sebagainya. Min yang terendah adalah pada item “Ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen atau menyediakan guru tuisyen untuk mempelajari bahasa Arab” dan “membelikan hadiah jika saya mendapat keputusan yang baik dalam subjek bahasa Arab.” Meskipun min amalan ini adalah terendah, namun ia tidak menggambarkan ibubapa tidak melakukan amalan ini kerana min yang diperoleh adalah sederhana rendah.

Secara langsung dan tidak langsung, ibu bapa memindahkan nilai-nilai kehidupan mereka seperti mementingkan pembelajaran dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa merupakan pihak yang signifikan kepada pelajar yang diidentifikasi oleh pelajar remaja pada masa perkembangan mereka dalam mencari identiti mereka. Kepentingan keluarga dalam pendidikan sering dipandang ringan. Oleh itu, kerjasama di antara sekolah dan keluarga amatlah diperlukan jikalau ingin mencapai tujuan dan matlamat pendidikan.

5.2.5 Hubungan Sikap Pelajar, Pendekatan Pengajaran Guru dan Sokongan Ibubapa dengan Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar.

Bagi menentukan wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa, ujian korelasi Pearson R telah dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan nilai korelasi antara ketiga-tiga faktor iaitu sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar adalah positif. Secara keseluruhan, nilai korelasi sikap pelajar adalah terendah berbanding dua pemboleh ubah yang lain manakala pendekatan pengajaran guru mengatasi ketiga-tiga variabel yang dikaji dan keputusan sokongan ibubapa menunjukkan korelasi positif yang sederhana. Korelasi positif ini membawa maksud bahawa skor yang tinggi dicapai terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekiranya variabel sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa adalah tinggi. Dapatan korelasi ini juga bertepatan dengan pemerhatian Dayang Sufilkawany Ujai, Wan Muna Ruzanna & Wan Mohammad (2017) yang mendapati tiga faktor sosial yang dominan dalam aspek pembelajaran bahasa, ialah faktor motivasi, sikap dan persekitaran. Namun, kajian penyelidik memfokuskan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab.

Setelah meneliti kesemua dapatan analisis yang diperoleh dari kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pemboleh ubah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Secara umumnya, Analisis Regresi Linear Berganda menunjukkan ketiga-tiga variabel bebas dilaporkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab sebanyak 64.0 peratus perubahan. Tambahan pula, ujian ANOVA bagi regresi linear menunjukkan pada aras yang signifikan, maka ini menandakan garis regresi bagi model ini adalah pengukur yang baik dalam meramalkan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu.

Kedudukan faktor pendekatan pengajaran guru sebagai peramal utama yang memberi pengaruh paling besar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Analisis korelasi menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran guru adalah penyumbang terbesar ke arah hasil pembelajaran. Sekali gus membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pengajaran guru dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Analisis ini membuktikan bahawa faktor pendekatan pengajaran guru mempunyai kelebihan dan berupaya dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar berbanding faktor-faktor lain yang dikaji. Data menunjukkan jika guru berpengetahuan dalam kosa kata bahasa Arab, maka penguasaan kosa kata pelajar juga akan meningkat. Begitu juga pada aspek pengajaran guru, jika kesungguhan guru dalam pengajaran kosa kata dapat ditonjolkan, maka penguasaan kosa kata bahasa Arab juga akan meningkat. Berdasarkan situasi ini, pendekatan pengajaran guru perlu diberi perhatian sewajarnya dan mengoptimumkan peranannya dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Ini membayangkan guru menyedari bahawa kosa kata sangat penting untuk dikuasai oleh pelajar dan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang dikaji. Dalam konteks pengajaran guru, dapatan ini menunjukkan bahawa guru perlu menjadi seorang yang berpengetahuan dalam ilmu

yang diajarnya dan menunjukkan kesungguhan dalam pendekatan pengajaran. Perkara ini diharap agar minat dan tumpuan pelajar dapat diraih seterusnya mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Hasil analisis regresi linear berganda ini selari dengan dapatan deskriptif yang menunjukkan bahawa hampir kesemua item dalam kontrak soal selidik memperoleh min yang tinggi. Selain itu, pelajar didedahkan dengan pendekatan dan kaedah pengajaran guru yang tersusun dan komprehensif.

Keupayaan guru dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kosa kata jelas diakui oleh Rosni Samah (2013); Irma Martiny, Maimun Aqsha, Zaid Arafat & Aishah Sjahrony (2017); Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudin (2017) yang mencadangkan bahawa aspek pengajaran kosa kata yang berkesan perlu diberi perhatian. Namun, kajian ini memberi fokus terhadap hubungan antara tiga faktor dalam mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar berbanding faktor guru semata-mata. Walau bagaimanapun, pelajar sendiri perlu memainkan peranan mereka dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab mengikut keupayaan diri seperti melazimkan komunikasi bahasa Arab dalam bilik darjah dan mempraktikkan latihan kosa kata harian.

Faktor sokongan ibubapa pula menunjukkan sumbangan pemboleh ubah peramal kedua tertinggi mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Berdasarkan dapatan inferensi ini, didapati sokongan ibubapa dapat meningkatkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Peningkatan ini terhasil apabila ibu bapa cakna dan prihatin tentang perkembangan pelajaran bahasa Arab anak-anak dengan mengambil tahu keputusan peperiksaan mata pelajaran tersebut. Selain itu, galakan daripada ibu bapa untuk melakukan perbincangan ilmiah tentang kosa kata bahasa Arab kepada anak-anak secara tidak langsung mampu meningkatkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab mereka. Dengan perkataan lain, sokongan ibubapa paling berhubung kait dengan penguasaan kosa kata pelajar. Bagaimana ibubapa menunjukkan sokongan terhadap pelajar akan memberi rangsangan secara positif kepada pembelajaran kosa kata mereka.

Keluarga merupakan faktor yang amat berpengaruh kepada pembelajaran pelajar. Seperti yang telah disebut oleh Woolfolk (1998) bahawa keadaan sosioekonomi yang diukur termasuk faktor-faktor seperti sikap ibu bapa terhadap pendidikan, aspirasi mereka terhadap anak, aktiviti-aktiviti yang merangsang perkembangan intelek dalam keluarga. Ini menunjukkan akan didapati bahawa hubungan antara sosioekonomi dengan pencapaian pelajar di sekolah adalah kuat. Sekiranya ibu bapa dapat menunjukkan minat seperti sering berbincang dengan anak-anak mereka tentang pelajaran walaupun tidak secara khusus, memberi tunjuk ajar kepada anak mereka dalam isi kandungan mata pelajaran, pelajar akan merasai proses pembelajaran yang dikuasai telah diambil perhatian oleh ibu bapa. Secara langsung dan tidak langsung, ibu bapa memindahkan nilai-nilai kehidupan mereka seperti mementingkan pembelajaran dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa merupakan pihak yang signifikan kepada pelajar yang diidentifikasi oleh pelajar remaja pada masa perkembangan mereka dalam mencari identiti mereka.

Dapatan ini disokong dengan beberapa kajian yang hampir sama dilakukan seperti Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Musab, (2018) yang mengatakan bahawa sokongan moral turut memberi faedah kepada diri pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Arab sebagai rangsangan luaran. Namun kajian ini tertumpu kepada tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar. Sementara itu, dapatan ini menyamai kajian Hanis Najwa, Ku Fatahiyah, Wazzainab, Farah- Nur Rashida & Norafidah, (2017) yang menjelaskan bahawa terdapat hubung kait yang kuat antara ibubapa dan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbanding pemboleh ubah yang lain.

Sikap pelajar merupakan pemboleh ubah yang turut menyumbang dan mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar secara sederhana berbanding pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa. Namun, aspek sikap pelajar didapati penyumbang terendah berbanding ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji walaupun data deskriptif menunjukkan yang sebaliknya. Hal ini mungkin disebabkan oleh majoriti pelajar lebih terpengaruh dengan elemen luaran seperti ibubapa dan guru yang

dijadikan sebagai pembentuk motivasi berbanding sikap mereka sendiri. Maka, faktor-faktor luaran yang berpotensi meningkat penguasaan kosa kata pelajar seperti ibubapa, guru dan beberapa faktor lain yang tidak disentuh dalam kajian ini seperti rakan sebaya, persekitaran pembelajaran, penggunaan teknologi dilihat perlu diberi perhatian. Meskipun begitu, analisis ini menggambarkan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran kosa kata adalah positif iaitu mereka menyedari tentang kepentingan kosa kata bahasa Arab serta peranannya dalam pembelajaran bahasa kedua.

Dapatan keseluruhan sikap pelajar membayangkan bahawa pelajar sedar akan kepentingan menguasai kosa kata bahasa Arab terutamanya bagi tujuan untuk memahami al-Quran. Oleh hal demikian, ia boleh dijadikan modal kepada guru dan juga ibubapa untuk memotivasikan pelajar agar berusaha mempertingkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab mereka agar dapat memahami al-Quran dengan baik.

Kajian ini disokong dengan beberapa kajian seperti Nur Afifah, Nuraznan (2019); Noor Anida, Norhayati, Nurazan (2014); Naim, Zulkipli, Wahida, Arnida dan Zainal Abidin (2018) mengatakan bahawa faktor sikap mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar. Sebaliknya, dapatan ini tidak konsisten dengan kajian Nur Hidayati & Zamri (2014) yang mengatakan responden menunjukkan sikap kurang kesedaran terhadap pembelajaran bahasa Arab dan beranggapan bahasa Arab tidak mempunyai kaitan terhadap pembelajaran bahasa Arab. Walaupun begitu, kajian Nur Hidayati & Zamri (2014) menggunakan kaedah kualitatif dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan dan ia tidak bertujuan untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap aspek kosa kata secara khusus. Zamri Ariffin et. al. (2014) pula menegaskan bahawa satu faktor utama yang menjadikan ramai pelajar ketinggalan atau gagal dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah sikap mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri. Muhammad Naim, Zulkipli, Wahida, Arnida dan Zainal Abidin (2018) pula menyokong bahawa sikap pelajar merupakan salah satu faktor yang dianggap mempengaruhi keyakinan mempelajari bahasa Arab.

Perkara ini memperlihatkan satu kepincangan mengenai sejauh mana usaha-usaha pihak berautoriti dalam memupuk sikap pelajar terhadap keberkesanan penguasaan kosa kata bahasa Arab melalui ilmu-ilmu asas bahasa Arab seperti morfologi dan sintaksis. Justeru, penilaian terhadap objektif pembelajaran kosa kata bahasa Arab perlu dilakukan terutama bagaimana aplikasinya terhadap realiti kehidupan masa depan pelajar itu sendiri. Walaupun kesedaran pelajar tentang kepentingan kosa kata dikesan dalam pembelajaran bahasa kedua, namun usaha bagi mempertingkatkan adalah penting dan perlu dilaksanakan. Adalah mustahil untuk mencapai tahap penguasaan kosa kata yang jitu pada peringkat selanjutnya jika tujuan dan keperluan mempelajari dan menguasainya masih samar-samar dan menjadi tanda tanya.

Oleh itu, satu usaha diperlukan bagi menerapkan kesedaran kepada pelajar dan masyarakat umum amnya tentang kepentingan mempelajari bahasa Arab. Kepentingan bahasa Arab bukan sahaja demi keperluan penguasaan lebih daripada satu bahasa bahkan untuk menyelami keindahan serta keistimewaan bahasa tersebut. Bahasa Arab juga dikenali sebagai bahasa al-Quran yang dipilih oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dibaca dan memahami isi kandungan kitab suciNya. Hal ini telah disebut didalam al-Quran, firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Yusuf: 2

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.”

Pada peringkat awal mungkin terlintas persepsi sukar dalam minda untuk mempelajari bahasa Arab, tetapi semuanya akan menjadi mudah apabila kita berazam

dan bersungguh-sungguh mempelajarinya bagi mendalami bahasa al-Quran bahkan untuk memahami maksud kandungan teksnya.

Tambahan, sebagai seorang muslim, bahasa Arab sudah menjadi kebiasaan dalam pembacaan ibadah seharian. Oleh itu, menjadi satu kerugian jika seseorang muslim tidak mengambil peluang mendalami bahasa Arab atau mempunyai persepsi negatif dalam mempelajarinya.

Kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan antara pemboleh ubah penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan lain-lain pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah pendekatan pengajaran guru, sokongan ibu bapa, dan sikap pelajar. Hubungan ini telah diuji dengan menggunakan kerangka konseptual kajian yang dibentuk berdasarkan literatur dan teori-teori serta model-model yang berkaitan.

Kesimpulannya, daripada ketiga-tiga pemboleh ubah yang dibincangkan di atas, sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Oleh itu, pendekatan pengajaran guru merupakan pemboleh ubah peramal yang paling tinggi mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Bagaimana guru menunjukkan pendekatan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab yang positif akan memberi rangsangan secara positif kepada pembelajaran kosa kata mereka.

5.3 RUMUSAN KAJIAN

Kosa kata dikatakan sebagai teras dalam pembelajaran bahasa. Penguasaan kosa kata yang baik dinilai berdasarkan tahap kefahaman pelajar terhadap teks yang dibaca, kemahiran menulis dan berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari. Ia memerlukan strategi yang sesuai dan efektif bagi mencapai penguasaan tersebut berdasarkan faktor-faktor yang berkaitan. Melalui bab terdahulu, penyelidik telah mengemukakan gambaran latar belakang kajian yang membincangkan bahasa Arab dan pendidikannya di Malaysia. Ia juga membincangkan isu kelemahan tahap penguasaan kosa kata pelajar serta faktor yang mempengaruhinya yang menjadi elemen penting dalam kajian ini. Kelemahan ini memberi kesan negatif dan membataskan pelajar kepada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sumbangan pemboleh ubah peramal iaitu pendekatan pengajaran guru terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah paling tinggi mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar diikuti dengan pemboleh ubah sokongan ibubapa dan sikap pelajar. Lebih sebanyak 33 peratus sumbangan boleh dijelaskan dengan pemboleh-pemboleh ubah lain yang tidak diambil kira dalam model ini. Penyelidik berharap dapatan kajian ini akan menjadi data asas kepada penyelidik-penyelidik lain untuk menjalankan kajian lanjutan berkaitan kosa kata dengan melihat kepada aspek-aspek atau aspek-aspek yang lain juga.

Berdasarkan kajian lepas, penguasaan kosa kata yang lemah menjadi penyebab kegagalan pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik, sama ada dalam aspek penulisan mahupun pertuturan. Masalah yang dikenal pasti dalam kebanyakan kajian yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah masalah penguasaan kosa kata yang lemah dalam kalangan pelajar bahasa Arab di peringkat sekolah mahupun di peringkat institut pengajian tinggi. Sorotan literatur memberikan gambaran mengenai pembelajaran dan penguasaan kosa kata bahasa Arab dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kebanyakan kajian menumpukan kepada strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, namun, kajian yang memfokuskan kosa kata bahasa Arab, terutamanya kajian untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih belum dijalankan dengan meluas.

Justeru, aspek ini perlu diberi perhatian dan kajian lanjutan perlu dijalankan terutama yang melibatkan responden di peringkat pra universiti. Berdasarkan teori-teori dan kajian-kajian lepas yang dikemukakan, kosa kata adalah penting untuk dikuasai bagi mencapai matlamat kecekapan berbahasa yang diinginkan. Secara tidak langsung, faktor-faktor yang mempengaruhinya juga turut perlu diteliti.

Metodologi kajian yang bersesuaian telah digunakan untuk menjawab soalan kajian dalam Bab 1. Keputusan dan kesimpulan yang diperoleh dibincangkan dalam Bab 4 dan 5. Data yang diperoleh daripada ujian saiz kosa kata dan soal selidik diproses menggunakan perisian SPSS versi 25.0. Menurut Ang Kean Hua (2016), penyelidikan kuantitatif merujuk kepada kajian yang melibatkan statistik. Kaedah kuantitatif digunakan kerana kajian ini memerihalkan tentang variabel dan korelasi antara variabel bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, dengan menggunakan kaedah kuantitatif, penyelidik dapat membuktikan kebolehpercayaan kajian untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan kewujudan perhubungan antara variabel-variabel.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan saiz/jumlah kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata, pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata, serta menghuraikan pengaruh ketiga-tiga aspek tersebut terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Perbincangan dilakukan dengan membentangkan dapatan dan kaitan dapatan tersebut dengan teori dan dapatan kajian lepas.

Berdasarkan tujuan kajian, lima soalan kajian telah digariskan, iaitu; (1) Apakah tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu? (2) Bagaimanakah sikap terhadap penguasaan kosa kata

bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu? (3) Apakah bentuk pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah menengah agama di Terengganu? (4) Bagaimanakah sokongan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan ibubapa pelajar sekolah menengah agama di Terengganu? (5) Bagaimanakah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?

Kajian kuantitatif ini bersifat deskriptif dan inferensi. Sampel kajian terdiri daripada 135 orang pelajar sekolah menengah agama yang berada di bawah kawalan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) iaitu SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Teknik pensampelan ini digunakan untuk mewakili kalangan populasi bagi memberi gambaran dalam memahami sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi. Menurut Gall, Gall dan Borg (2005), pemilihan sampel berdasarkan populasi kajian memadai daripada semua ahli dalam populasi. Dua instrumen kajian digunakan dalam proses pengumpulan data iaitu; (1) ujian tahap saiz kosa kata Arab yang dibina berdasarkan prosedur lazim bagi mengukur dan menganggar saiz kosa kata bahasa Arab dan (2) set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; (a) ciri-ciri demografi responden, (b) sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Untuk itu, beberapa soalan kajian telah dikemukakan dan dianalisis dengan statistik yang bersesuaian seperti jadual di bawah.

Jadual 5. 1: Soalan Kajian Dan Analisis Yang Digunakan

Bil	Soalan Kajian	Analisis / Statistik
1	Apakah tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
2	Bagaimanakah sikap terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
3	Apakah bentuk pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah menengah agama di Terengganu?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
4	Bagaimanakah sokongan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan ibubapa pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?	Deskriptif/ min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan
5	Bagaimanakah sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu?	Inferensi/ korelasi pearson dan regresi linear berganda

Kesemua soalan kajian di atas telah dikaji dan dijawab mengikut kaedah kajian berbentuk kuantitatif. Data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS *Version 25* untuk melihat data deskriptif dan regresi variabel yang dikaji. Item dalam soal selidik tersebut telah disaring dan dibina semula oleh pengkaji secara adaptasi dan modifikasi daripada kajian lepas. Kajian ini mengadaptasi ujian yang menggunakan format senarai kekerapan perkataan (*frequency word list*) berpandukan maklumat yang dibina oleh Harun (2014). Sampel perkataan diambil oleh Harun (2014) daripada senarai kekerapan perkataan

(*frequency word list* bahasa Arab dalam buku *A Word Count of Modern Arabic Prose* (Landau, 1959. Instrumen ujian saiz kosa kata bahasa Arab telah melalui proses kesahan daripada panel yang pakar dalam bidang bahasa Arab. Instrumen soal selidik demografi pula telah melalui proses kesahan dengan melibatkan seorang panel pakar dalam bidang statistik serta mendapat nilai kebolehpercayaan *alpha Cronbach* .895.

Penganalisan data kajian telah menggunakan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh tentang demografi responden dan juga tiga pemboleh ubah yang diteliti iaitu sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibubapa. Manakala statistik inferensi pula digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian dan melihat hubungan dan pengaruh antara dua variabel yang dikaji. Statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah Korelasi *Pearson* dan Analisis Regresi Linear berganda. Ujian korelasi ini menentukan perkaitan yang wujud sama ada perkaitan tersebut positif atau negatif berdasarkan nilai pekali korelasi (r). Melalui ujian ini, penyelidik dapat menentukan faktor peramal tertentu yang berjaya menyumbang dan mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Manakala Analisis regresi linear berganda (*Linear Multiple Regresion*) digunakan bagi menjawab soalan kajian. Analisis yang memiliki variabel bebas lebih dari satu disebut analisis regresi linear berganda. Teknik regresi linear berganda digunakan untuk menentukan pengaruh signifikan dua atau lebih variabel bebas terhadap variabel terikat. Analisis regresi linear berganda “*stepwise*” digunakan adalah kerana ia hanya memasukkan pemboleh ubah peramal yang signifikan sahaja ke dalam regresi. Hasil pemeriksaan ke atas andaian-andaian ujian Regresi Linear Berganda ini telah dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab empat serta dalam perbincangan kajian dalam bab ini.

Berdasarkan maklumat demografi, majoriti responden merupakan pelajar wanita. Kebanyakan responden adalah daripada keluarga yang berpendapatan

RM5000 dan ke bawah, malah sebahagian daripada mereka adalah daripada keluarga berpendapatan kurang dari RM1000. Selain itu, didapati ibu bapa kebanyakan responden adalah berpendidikan formal dengan pelbagai peringkat taraf pendidikan. Dari segi tujuan mempelajari bahasa Arab pula, sebilangan besar responden menyatakan sebab utama mempelajari BA adalah kerana mereka mempunyai minat yang baik dan tinggi terhadap bahasa Arab.

Hasil daripada soal selidik, didapati bahawa kebanyakan responden meminati subjek BA apabila nilai peratusan terhadap minat kepada BA mendapat persetujuan seramai 83.0% responden. Hal ini menggambarkan bahawa majoriti mereka mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran BA. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan daripada aspek pengalaman pembelajaran bahasa Arab mereka. Majoriti responden didapati mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Arab melebihi lima tahun dengan mengambil kira pembelajaran seawal pendidikan di peringkat prasekolah, seterusnya di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Berhubung dengan latar belakang keluarga, kebanyakan responden berasal daripada keluarga yang mempunyai pendidikan dan ekonomi yang sederhana dan rendah. Kajian mendapati taraf pendidikan ibu bapa terdiri daripada pelbagai peringkat. Majoriti responden mempunyai ibubapa yang bertaraf pendidikan sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa ibubapa responden berpendidikan formal dan pelbagai.

Berdasarkan dapatan, secara umumnya responden memiliki pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang baik dan majoriti pelajar telah mendapat pendedahan awal dan mempelajari bahasa Arab secara formal semenjak di peringkat pra sekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah (rendah). Hanya segelintir pelajar sahaja yang mempelajari bahasa Arab di peringkat pra-sekolah tanpa mengikutinya selepas peringkat tersebut. Selain itu, data juga menunjukkan majoriti responden mempunyai minat yang baik dan tinggi terhadap bahasa Arab.

Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keinginan dan keazaman untuk meneruskan pengajian bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi.

Dapatan deskriptif yang seterusnya ialah sebanyak 83.7% dengan nilai min tertinggi (3.82) responden yang menyatakan bahawa mereka kagum dengan individu yang mahir dalam kosa kata BA. Faktor sikap dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah didorong oleh kepentingan kosa kata bahasa Arab sebagai kunci untuk memahami al Quran (98.5%). Pelajar beranggapan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab penting untuk fasih berbahasa Arab (100%) dan pelajar melihat individu yang mahir dalam kosa kata bahasa Arab sebagai individu yang berpengetahuan dalam bahasa tersebut (98.5%) kerana mereka percaya kosa kata bahasa Arab harus dikuasai untuk memahami buku-buku berbahasa Arab (96.3%). Pelajar juga bersetuju bahawa kosa kata bahasa Arab adalah rahsia kebijaksanaan dalam bahasa Arab (98.5%). Secara empirikal dapatan ini menunjukkan sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah positif. Data ini juga menggambarkan bahawa pelajar sedar akan kepentingan menguasai kosa kata untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain termasuk untuk memahami teks bacaan dalam bahasa yang dipelajari, khususnya dalam konteks bahasa Arab.

Seterusnya, hasil soal selidik berkenaan pengaruh pendekatan guru dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab mendapati bahawa 99.7% pelajar bersetuju bahawa guru menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab dan 97.0% bersetuju bahawa kaedah pengajaran guru meningkatkan minat pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab. Begitu juga 100% pelajar mengatakan bahawa guru juga membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh mereka dalam latihan kosa kata bahasa Arab, 97.8% pelajar bersetuju bahawa guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan tentang kosa kata bahasa Arab dan 99.3% pelajar bersetuju bahawa guru mereka berpengetahuan dalam kosa kata BA. Dapatan ini mencerminkan keberkesanan guru dalam pengajaran dan keupayaan guru menarik minat pelajar untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab. Dapatan juga

menggambarkan bahawa guru bahasa Arab telah memainkan peranannya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

Walaupun secara keseluruhan nilai min domain sokongan ibubapa adalah sederhana, namun terdapat beberapa konstruk yang memperoleh respons positif daripada pelajar. Antara konstruk yang dinyatakan ialah 93.4% pelajar bersetuju bahawa ibu bapa mereka membelikan kamus bahasa Arab. Ibu bapa kepada 115 responden pula menyediakan akses Internet di rumah (min 3.36). Pelajar juga mendapat sokongan moral daripada ibu bapa yang bertanyakan keputusan peperiksaan subjek bahasa Arab kepada pelajar terlibat (85.2%). Pelajar juga memperoleh motivasi daripada ibu bapa yang menggalakkan mereka membuat perbincangan tentang kosa kata bahasa Arab dengan rakan-rakan mereka (83.2%). Di samping itu, ibu bapa juga membelikan bahan-bahan rujukan bersesuaian untuk pelajar mempelajari kosa kata bahasa Arab (85.9%). Sokongan yang diberikan oleh ibu bapa pelajar ini dapat mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Arab serta dapat membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran kosa kata bahasa Arab.

Hipotesis nol yang dibentuk telah diuji dengan analisis korelasi Pearson bagi melihat hubungan keseluruhan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji iaitu sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru dan sokongan ibu bapa dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Justeru, secara keseluruhan, hasil korelasi Pearson yang diperoleh menunjukkan ketiga-tiga faktor yang dikaji mempunyai hubungan yang positif dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Maka, hipotesis nol H_{01} , H_{02} dan H_{03} adalah berjaya ditolak.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bagi populasi kajian, terdapat tiga pemboleh ubah peramal. Pemboleh ubah pendekatan pengajaran guru dengan nilai $\beta=.639$ merupakan pemboleh ubah peramal yang paling tinggi pengaruhnya terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab diikuti dengan pemboleh ubah sokongan ibubapa dan sikap pelajar. Lebih sebanyak 33 peratus sumbangan boleh dijelaskan dengan pemboleh-pemboleh ubah lain yang tidak diambil kira dalam model ini. Hasil dapatan

ini juga menunjukkan bahawa kemungkinan terdapat beberapa faktor lain seperti faktor teknologi, rakan sebaya, dan motivasi yang memberi kesan atau pengaruh terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang tidak disentuh dalam kajian ini.

Berdasarkan dari hasil kajian yang telah dijelaskan, faktor guru menjadi fokus utama yang memainkan peranan ke arah memperkasakan penguasaan kosa kata pelajar. Guru bahasa perlu memanfaatkan peluang ini dengan menerapkan beberapa kaedah berkesan dalam pengajaran mereka selain membantu meningkatkan motivasi pelajar. Antara teknik yang dapat dipraktikkan dalam pendekatan pengajaran adalah dari aspek makna, penggunaan kamus dan bahan bantu mengajar (BBM). Dari aspek makna atau semantik melibatkan pemilihan kosa kata atau perkataan yang sesuai dengan ayat. Guru perlu melatih pelajar membina ayat dengan menggunakan perkataan yang sama atau hampir sama makna (sinonim) bagi memastikan penggunaan perkataan tersebut bersesuaian dengan konteks dari segi makna. Seperti perkataan:

يقيم – يسكن، يقيم – يؤدي.

التهم – أكل، التهم – قرأ.

Selain itu, guru perlu memastikan pelajar mempunyai kamus dan membimbing mereka cara menggunakannya. Ini tidak bergantung kepada kamus tradisional semata-mata. Ia boleh juga termasuk kamus teknologi dari pelbagai peranti yang bersesuaian serta lebih praktikal dengan masa dan keadaan sekarang. Akhir sekali adalah pengajaran yang mengaplikasikan BBM yang merupakan salah satu pendekatan yang efektif. Dalam pembelajaran bahasa, penggunaan pelbagai bahan adalah penting dan ia tidak terhad kepada penggunaan buku teks semata-mata. Bahan pembelajaran merangkumi pelbagai bahan yang digunakan dalam pembelajaran seperti glosari, buku latihan, bahan bantu mengajar seperti gambar, objek hidup atau mati, model atau spesimen, radio, poster, gambar rajah, patung, carta atau peta dan kad-kad perkataan serta alatan elektronik.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah, keperluan semasa perlu dilihat bagi membina hala tuju pendidikan yang dapat menyesuaikan dengan keperluan di peringkat yang lebih tinggi. Pencapaian di institut pengajian tinggi akan berhasil dengan adanya calon yang memenuhi keperluan universiti. Bagi menempuhi cabaran di peringkat tersebut, maka persiapan di peringkat sekolah haruslah diberi perhatian dan diusahakan. Oleh itu, proses pengajaran bahasa Arab di peringkat sekolah hendaklah diteliti semula hala tuju dalam usaha memperkasakan pendidikan yang boleh memenuhi keperluan semasa. Usaha tersebut harus bergerak seiring dalam proses pembelajaran yang terdiri daripada kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, ibubapa, pelajar, guru, pentadbiran, dan prasarana.

Hasilnya, terbentuklah pelajar yang mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kurikulum perlu dilihat supaya dapat membekalkan pelajar dengan ilmu pengetahuan tinggi dan keperluan semasa. Selain itu, sukatan pelajaran perlu mengikut keperluan semasa bagi menjamin objektif pendidikan tercapai. Pelajar perlu mempunyai motivasi, strategi dan daya saing yang tinggi. Manakala guru pula perlu berkompentensi tinggi seiring dengan pengurusan kurikulum yang bersifat proaktif, kreatif dan inovasi. Kemudahan prasarana yang kondusif adalah perlu bagi menjamin kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, aktiviti kokurikulum sangat penting bagi membina sahsiah dan jati diri pelajar terutama dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Arab. Jika usaha ini dapat dilaksanakan, maka proses pendidikan dapat berjalan dengan lebih efektif dan menghasilkan pelajar yang memenuhi kemahiran yang dibincangkan dapat berinteraksi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa khususnya aspek komunikasi dalam bahasa Arab dengan baik.

5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama serta menghuraikan pengaruh sikap pelajar, pendekatan pengajaran guru, dan sokongan ibubapa terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Bertitik tolak dari kajian ini, kajian lanjutan wajar dilakukan dengan menekankan persoalan-persoalan yang berkaitan faktor demografi dan persekitaran pelajar cemerlang serta pelaksanaan *lughah fasl* di sekolah dan sebagainya. Penyelidikan juga boleh dilanjutkan dengan melihat faktor-faktor lain seperti faktor teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, faktor rakan sebaya, aspek kosa kata dalam silibus buku teks, dan penggunaan alat bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berupaya mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar.

Penyelidik akan datang juga disarankan agar menjalankan kajian dengan memperluaskan sampel ke sekolah menengah agama di semua daerah dan negeri. Dapatan kajian akan dapat memperlihatkan tahap penguasaan pelajar dengan lebih menyeluruh dan jelas. Bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada 134 orang pelajar Tingkatan Enam di salah sebuah sekolah menengah agama di Terengganu sahaja dan tidak digeneralisasikan ke atas kesemua pelajar sekolah agama di seluruh negara. Selain itu, kajian perbandingan antara pelajar sekolah menengah agama kerajaan dan swasta juga boleh dilakukan. Pendekatan pengajaran guru dan sistem pengajaran kosa kata bahasa Arab di kedua jenis sekolah tersebut mungkin berbeza. Hasil kajian boleh memberi input berguna ke arah memantapkan lagi penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kajian tindakan juga boleh dijalankan dengan membahagikan pelajar kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan untuk menilai keberkesanan sesuatu teknik atau pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru-guru untuk mengajar kosa kata bahasa Arab.

Dalam pada itu, memandangkan hasil kajian ini boleh diperkembangkan dan diperjelaskan dengan lebih terperinci, maka penyelidikan selanjutnya boleh dilakukan secara kualitatif menerusi pemerhatian, temubual dan analisis dokumen terhadap responden yang dipilih, bagi mendapatkan maklumat dan dapatan yang lebih mendalam berkaitan peranan dan kepentingan kosa kata bahasa Arab dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pemerhatian dan temubual juga mampu menjadikan kajian lebih menarik dan berupaya mendapat maklumat di luar jangkaan yang mungkin gagal dikesan dengan baik melalui soal selidik semata-mata.

Seterusnya, penyelidik juga boleh melibatkan sampel daripada kalangan pelajar yang tidak mengambil bahasa Arab atau sampel daripada masyarakat awam bagi mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Dapatan kajian dapat menjelaskan tahap pengetahuan sedia ada masyarakat tentang kosa kata bahasa Arab sekalipun mereka tidak mempelajari bahasa Arab secara langsung. Kajian deskriptif biasanya melibatkan kajian bahasa yang dibuat secara lebih terperinci yang mana dapatan kajian dapat memberi maklumat yang lebih mendalam tentang kosa kata bahasa Arab seterusnya dapat memantapkan lagi pengetahuan masyarakat tentang bahasa Arab agar dapat meningkatkan kualiti penghayatan bacaan al-Quran dan ibadah-ibadah harian yang lain.

5.4 PENUTUP

Dapatan kajian yang diperoleh telah dihuraikan dan dirumuskan oleh penyelidik dan telah menjawab semua persoalan yang telah digariskan seterusnya mencapai semua objektif yang telah ditetapkan. Berdasarkan dapatan, penyelidik dapat mengetahui sejauh manakah pelajar menguasai kosa kata bahasa Arab serta faktor manakah yang telah mempengaruhinya. Kepentingan menguasai kosa kata tidak dapat dinafikan lagi kerana ia merupakan teras dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Penguasaan kosa kata yang baik dinilai berdasarkan tahap kefahaman pelajar terhadap teks yang dibaca serta kemahiran menulis dan berkomunikasi dalam bahasa

yang dipelajari. Ia memerlukan strategi yang sesuai dan efektif bagi mencapai penguasaan tersebut dengan sokongan faktor-faktor yang berkaitan. Kelemahan dalam penguasaan kosa kata ini akan memberi kesan negatif dan membataskan pelajar kepada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Dalam Bab 5 ini, penyelidik telah membincangkan ringkasan hasil kajian serta membandingkannya dengan dapatan kajian terdahulu. Seterusnya penyelidik telah membuat rumusan tentang tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar dan hubungannya dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diteliti. Cadangan bagi kajian lanjutan juga telah dikemukakan agar model dan hasil kajian yang akan dilaksanakan nanti bakal memberi impak terhadap masyarakat dan negara, khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, bahasa Al-Quran.

Penyelidik mengharapkan hasil kajian ini nanti akan dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar dan guru-guru serta pihak-pihak berkaitan dalam menilai kekuatan dan kelemahan diri masing-masing dalam usaha untuk memperkasakan lagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah agama. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kosa kata yang kukuh dalam kalangan pelajar juga memberikan isyarat yang jelas bahawa aspek penguasaan kosa kata perlu diberikan tumpuan sewajarnya dalam sistem pembelajaran bahasa Arab di segenap peringkat.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran guru merupakan pemboleh ubah peramal yang dapat meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Terengganu. Selain itu, dua lagi faktor yang lain iaitu sokongan ibubapa dan sikap pelajar juga harus diberi perhatian agar penguasaan kosa kata pelajar dapat digarap dengan ke arah yang lebih baik.

Dapatan kajian ini diharap akan dapat memberi input berguna berkaitan faktor yang mempengaruhi atau membantu penguasaan kosa kata bahasa Arab seseorang

pelajar tingkatan enam kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Perancangan yang sistematik dan tindakan yang lebih efisien boleh diambil pada tahap yang optima sekiranya semua pihak menyedari dan cakna dengan faktor yang menjadi pengaruh kepada penguasaan kosa kata pelajar. Selain itu, kajian ini juga akan memberikan gambaran awal tentang sikap pelajar terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab secara khusus. Pengetahuan ini penting dalam membantu guru dan ibubapa memahami sensitiviti dan respons pelajar, serta menilai kesediaan pembelajaran pelajar. Guru dan ibubapa boleh menggunakan pendekatan yang sesuai dengan mewujudkan hubungan interpersonal yang boleh memotivasikan pelajar, sekali gus mampu membantu perkembangan tahap kosa kata mereka.

RUJUKAN

Al-Quran

Abd Aziz Abd Talib. (2000), *Pedagogi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali (2012). *Pengantar usul fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

